



فريانز نڬاران نڬري فرياف
Perbadanan Kemajuan Negeri Perak

LAPORAN TAHUNAN **2015**



**Penggerak Kemajuan
dan Pembangunan Negeri Perak**



Perbadanan Kemajuan Negeri Perak.... Asas Perhubungan

*“...statutory authorities have been created to combine certain principles namely, **public ownership**, a broad but not too detailed public accountability, a **consciousness that they are working in national interest, together with the liveliness and initiatives which are associated with enterprising and progressive business concerns. Their existence is justified only if they have in fact carried out national objectives** combined at the same time, because of the relative freedom they enjoy in day-to-day management, with good business practice...”*

Allahyarham YAB Tun Abdul Razak bin Hussein,
Perdana Menteri Malaysia
Berhubung Penubuhan Badan-badan Berkanun
Kerajaan di Malaysia

KANDUNGAN



PROFIL KORPORAT

Visi, Misi & Objektif	004
Piagam Pelanggan	005
Teras Strategi	006

MAKLUMAT KORPORAT

Ahli Lembaga Pengarah	007
Pengurusan Kanan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak	008
Carta Organisasi	009
Struktur Organisasi	010

PERUTUSAN PENGERUSI

011

LAPORAN AKTIVITI PENGURUSAN DAN PRESTASI KUMPULAN PKNP BAGI TAHUN 2015

1.0 Kemajuan Hala Tuju Korporat Sehingga Tahun 2015	016
2.0 Senario Ekonomi dan Persekutuan Perniagaan	019



فریان نگارن کمپنی فریان
Perbadanan Kemajuan Negeri Perak



3.0	Aktiviti Korporat	020
4.0	Program-program bagi Menyokong Pertumbuhan Ekonomi Negeri	021
5.0	Peranan Sebagai Agensi Pembangunan Usahawan	036
6.0	Peranan Sebagai Pemegang Amanah	040
7.0	Program Tanggungjawab Sosial (CSR) Kumpulan PKNP	041
8.0	Laporan Prestasi Kewangan	043
9.0	Laporan Sumber Manusia	044
10.0	Laporan Akauntabiliti dan Pematuhan	046
11.0	Prospek Masa Depan	049
12.0	Penghargaan	050
	DIARI KORPORAT 2015	051
	PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015	065



فردان نگاران نڬري فرقا
Perbadanan Kemajuan Negeri Perak



PROFIL KORPORAT PENUBUHAN

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PERAK ditubuhkan melalui Enakmen Bil. 3/1967 dan berkembang sebagai Perbadanan Induk yang berdikari dengan visi, misi dan objektif seperti berikut : -

Visi

PKNP bertekad untuk menjadi sebuah agensi kemajuan negeri yang dinamik, berdaya maju dan bersifat global serta menjadi penyumbang utama kepada pertumbuhan sosioekonomi negeri.

Misi

Memenuhi peranan yang dipertanggungjawabkan kepada PKNP seperti berikut:-

- Sebagai Penggerak Pertumbuhan Ekonomi Negeri.
- Sebagai Pemegang Amanah Ekonomi bagi pihak Bumiputera.
- Membangunkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB).

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PERAK

No.1-A, Blok A, Menara PKNP, Jalan Meru Casuarina,
Bandar Meru Raya, 30020 Ipoh,
Perak Darul Ridzuan, Malaysia
Tel (605) 5019888 Faks (605) 5019999
www.pknpgroup.com.my
info@pknpgroup.com.my

Objektif

- Membantu meningkatkan pembangunan sektor ekonomi negeri menerusi penggalakan pelaburan dan penerokaan bidang-bidang baru.
- Membantu pembangunan wilayah menerusi aktiviti pembangunan perindustrian, bandar baru dan pekan kecil.
- Meningkatkan prestasi pelaburan menerusi pengukuhan dan penyenaraian syarikat di Bursa Saham.
- Melaksanakan fungsi sebagai agensi amanah dapat dilaksanakan secara cekap dan berkesan.
- Meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam sektor ekonomi berdaya maju.
- Mewujudkan budaya korporat dan berintegriti di kalangan warga kerja.

PIAGAM PELANGGAN

1. Kepada Semua Pelanggan

Kami komited menyebarkan informasi aktiviti-aktiviti utama kami kepada semua pelanggan melalui saluran capaian sedia ada.

2. KEPADA PELABUR

Kami komited dan sedia mengalu-alukan para pelabur mencari peluang pelaburan di Negeri Perak. Kami berusaha untuk:

- Menyediakan suasana pelaburan yang kondusif untuk bertapak di Negeri Perak
- Memudahcara capaian peluang-peluang sumber, infrastruktur dan perkhidmatan
- Menyokong pembangunan projek-projek berimpak tinggi
- Kami akan memastikan pelabur berpotensi memperolehi maklumat pelaburan dalam tempoh 2 bulan bagi mengukuhkan komitmen mereka

3. KEPADA PELANGGAN PRODUK DAN PERKHIDMATAN

Kami bertekad memastikan pelaksanaan projek-projek pembangunan menepati syarat-syarat perjanjian, prosedur dan proses yang telus dan mudah difahami.

4. KEPADA USAHAWAN

Kami bertekad memastikan pelaksanaan program-program pembangunan keusahawanan berterusan sebagai perangsang dan memberi pulangan kepada usahawan dan bakal usahawan sekurang-kurangnya tiga kali setahun.

5. KEPADA KERAJAAN DAN AGENSI-AGENSI KERAJAAN


Kami komited untuk bekerjasama dengan kerajaan dan agensi-agensi kerajaan yang lain bagi memastikan polisi serta pencapaian objektif Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan tercapai.

6. KEPADA BADAN-BADAN BUKAN KERAJAAN

Kami bertekad untuk menyedia, menyokong dan menyalurkan informasi serta perkhidmatan yang saling memberi manfaat bersama.

7. KEPADA PEMBEKAL DAN KONTRAKTOR

Kami komited untuk bekerjasama dengan pembekal dan kontraktor yang dilantik bagi memastikan pelaksanaan perkhidmatan berjalan lancar dan menepati masa serta memastikan pembayaran perkhidmatan diselaraskan dalam tempoh yang ditetapkan.





TERAS STRATEGI

Sebagai penggerak pertumbuhan ekonomi negeri :

- Mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk pertumbuhan ekonomi.
- Merangsangkan pembangunan sektor-sektor ekonomi yang berdaya maju.
- Memperkuuhkan sistem penyampaian dan penggalakan pelaburan.

Sebagai pemegang amanah ekonomi bagi pihak Bumiputera :

- Mewujudkan aset amanah yang berkualiti, mampan dan berdaya maju.
- Menyeimbangkan pemilikan aset perniagaan kepada Bumiputera.

Membangunkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) :

- Proses pembangunan modal insan melalui pembudayaan dan bimbingan.
- Wujudkan suasana yang kondusif kepada usahawan Bumiputera daripada aspek sistem penyampaian kerajaan, aksesibiliti kepada pasaran, teknologi, sumber pengeluaran dan peluang-peluang perniagaan.
- Memberi ruang dan peluang daripada sektor-sektor ekonomi yang strategik, berdaya maju dan mampan.
- Memperbanyakkan program-program pembangunan keusahawanan.

Menjadikan organisasi yang berdaya maju berteraskan kepada kreativiti dan inovasi, berdikari, bersifat global serta berintegriti :

- Aktiviti-aktiviti perniagaan yang menyokong pertumbuhan ekonomi atau memenuhi keperluan pertumbuhan ekonomi serta menjadi aset berkualiti dan mampan.
- Penerokaan sektor-sektor perniagaan yang strategik dan menguntungkan dengan penumpuan kepada sektor-sektor seiring dengan dasar-dasar kerajaan semasa.
- Pendekatan pembangunan yang seiring dengan dasar dan matlamat Kerajaan Negeri iaitu Perak Maju 2015.
- Pendekatan penyertaan aktiviti baru berdasarkan kekuatan dan perencanaan daripada sumber yang ada.
- Mewujudkan struktur pengurusan yang berkesan dinamik dan mampu berkeadaan bersifat global serta mampu menyesuaikan dengan perubahan dan persekitaran.
- Pembangunan modal insan yang kreatif, mempunyai budaya pengurusan yang produktif dan memenuhi matlamat yang ditetapkan dan berintegriti.

MAKLUMAT KORPORAT

AHLI LEMBAGA PENGARAH

Berdiri dari kiri

YBHG DATO' SYED MOKHTAR BIN SYED IDRIS

D.P.M.P., P.C.M., A.C.M., P.P.T.
Pengarah Tanah dan Galian Perak Darul Ridzuan

YB DATUK AMINUDDIN BIN MD HANAFIAH

D.M.S.M.
Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Hulu Kinta

YBHG DATUK YOGEEESVARAN A/L KUMARAGURU

P.K.T., K.M.N.
Timbalan Ketua Pengarah (Makro)
Unit Perancang Ekonomi
Jabatan Perdana Menteri

CIK AZAH HANIM BINTI AHMAD

Timbalan Setiausaha
Bahagian Sektor Penyelidikan dan Perundungan Bahagian Antarabangsa
Kementerian Kewangan Malaysia
(Tamat Tempoh Keahlian sehingga 31 Mac 2015)

PUAN KAMARIAH BINTI YEOP ABDULLAH

A.M.N., K.M.N.
Pengarah Kanan
Bahagian Kerjasama Perdagangan
Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri

YBHG DATUK WIRA AZHAR BIN ABDUL HAMID

D.P.T.J.
Ketua Pegawai Eksekutif
MRT Corporation Sdn Bhd



Duduk dari kiri

YB DATO' HJ MOHD. GAZALI BIN JALAL

D.P.M.P., P.C.M., A.M.P.
Pegawai Kewangan Negeri Perak Darul Ridzuan

YB DATO' SERI ABDUL PUHAT BIN MAT NAYAN

S.P.M.P., D.P.M.P., J.M.N., K.M.N., P.M.P., A.M.P., P.P.T.
Setiausaha Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan

YAB DATO' SERI DIRAJA DR. ZAMBRY BIN HJ. ABDUL KADIR (Pengerusi)

S.P.S.A., S.P.M.P., D.G.S.M., D.P.M.P., P.A.T., A.M.S.
Menteri Besar Perak Darul Ridzuan

YB DATO' ROHANA BINTI ABD. MALEK

D.P.C.M. K.M.N.
Penasihat Undang-Undang Negeri Perak Darul Ridzuan

YB DATO' MOHAMMAD ZAHIR BIN ABDUL KHALID

D.P.C.M., A.M.P.
Pengerusi Jawatankuasa Industri, Pelaburan
dan Pembangunan Koridor

PENGURUSAN KANAN PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PERAK



Dari kiri

SAYED SHARIFFUDDIN BIN SAYED SHAMSHUDDIN
A.M.N., A.M.P.
Timbalan Ketua Eksekutif (Perkhidmatan Korporat)


YBHG DATO' AMINUDDIN BIN MD. DESA
D.S.D.K.
Ketua Eksekutif

JAMAL BIN MOHD. ARIS
Timbalan Ketua Eksekutif (Operasi Perniagaan)

ROZAHAN BIN OSMAN
Ketua Pegawai Kewangan



CARTA ORGANISASI



STRUKTUR ORGANISASI



فريدانز كماجون نكزي فيراف
Perbadanan Kemajuan Negeri Perak

Kumpulan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak

52.9%

Perak Corporation Berhad
Pegangan Pelaburan dan Perkhidmatan Pengurusan

50.9%

Majuperak Holdings Berhad
Pegangan Pelaburan

100%

Destination Perak Sdn Bhd
Pelancongan

100%

Perak Industrial Resources Sdn Bhd
Pegangan Pelaburan

100%

Perak Equity Sdn Bhd
Pegangan Pelaburan

100%

Star Career Sdn Bhd
Pegangan Pelaburan

100%

Perak E-Organization Sdn Bhd
Pengurusan Teknologi Maklumat

100%

Perak Hi-Tech Park Sdn Bhd
Hartanah Taman Teknologi Tinggi

100%

Perak Bio Corporation Sdn Bhd
Hartanah BioD

100%

Perak Halal Corporation Sdn Bhd
Perkhidmatan Perunding dan Pengurusan Halal

Tersenarai di Bursa Malaysia



Tidak disenaraikan di Bursa Malaysia



PERUTUSAN PENGERUSI KUMPULAN PKNP

بسم الله الرحمن الرحيم
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Salam Sejahtera, Salam 1Malaysia dan Salam Perak Amanjaya.

Setinggi-tinggi kesyukuran dipanjangkan ke hadrat Allah SWT atas kesempatan untuk saya bagi pihak Lembaga Pengarah Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP) bagi memberikan perutusan dalam Laporan Tahunan PKNP bagi tahun berakhir 31 Disember 2015. Laporan ini merupakan terjemahan pencapaian Kumpulan PKNP sebagai agensi penggerak utama ekonomi Negeri Perak Darul Ridzuan.

PKNP akan meneruskan pelaksanaan projek-projek yang telah dirancang selari dengan program transformasinya untuk menjadi sebuah organisasi yang mantap dan kukuh serta bagi memenuhi 'KPI' melalui 'Blueprint' yang telah digubal.

PKNP berada di landasan yang betul dalam perjalanan menuju transformasi organisasinya sebagai sebuah agensi pembangunan negeri yang bertanggung-jawab menyediakan pembangunan yang mampan untuk rakyat Negeri Perak.

Banyak projek yang telah dilaksanakan oleh PKNP seperti projek Perumahan Mampu Milik dan Pembangunan Semula Pekan-Pekan Kecil yang bukan mengutamakan keuntungan semata-mata malahan menumpukan kepada usaha kesejahteraan rakyat terutamanya golongan yang berpendapatan rendah dan meningkatkan taraf hidup serta ekonomi penduduk luar bandar. Ini jelas membuktikan bahawa PKNP telah memberi komitmen yang amat tinggi untuk membantu Kerajaan Negeri di dalam menjayakan Pelan Pembangunan Perak Amanjaya dan Wawasan 2020.

Bagi pihak Ahli Lembaga Pengarah PKNP, saya dengan berbesar hati membentangkan Laporan Tahunan dan Laporan Kewangan PKNP bagi tahun berakhir 31 Disember 2015.



YAB Dato' Seri Diraja Dr. Zambyr Bin Abd. Kadir

S.P.S.A., S.P.M.P., D.G.S.M., D.P.M.P., P.A.T., A.M.S.

Menteri Besar Perak Darul Ridzuan

Pengerusi Perbadanan Kemajuan Negeri Perak

PRESTASI KEWANGAN

PKNP telah mencatatkan peningkatan pendapatan kepada RM31.5 juta daripada RM24.6 juta dalam tempoh 12 bulan berakhir 31 Disember 2015. Pendapatan PKNP terdiri daripada dividen yang diterima daripada syarikat anak iaitu Majuperak Holdings Berhad dan Perak Corporation Berhad sebanyak RM16.0 juta, penjualan tanah industri, terimaan hasil sewaan dan pendapatan-pendapatan lain seperti pengiktirafan daripada geran yang diterima. Kumpulan PKNP pula telah mencatatkan pendapatan sebanyak RM168.9 juta bagi tempoh 12 bulan berakhir 31 Disember 2015 berbanding RM221.2 juta dalam tempoh yang sama pada tahun lepas. Pendapatan bagi tahun 2015 diperolehi melalui aktiviti pelabuhan kargo, operasi hotel dan rumah rehat, pendapatan pengurusan projek dan penyewaan premis perniagaan serta keuntungan daripada projek usahasama.

Kumpulan PKNP telah mencatat keuntungan sebelum cukai yang lebih baik sebanyak RM102.3 juta berbanding RM71.0 juta pada tahun 2014. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh hasil daripada

pelupusan saham Integrax Berhad sebanyak RM76 juta. Manakala keuntungan bersih telah meningkat sebanyak 69% kepada RM81.2 juta daripada RM48.1 juta.

Kumpulan Perak Corporation Berhad (PCB) kekal sebagai penyumbang tertinggi bagi Kumpulan PKNP dengan menyumbang lebih daripada 72% daripada hasil keseluruhan Kumpulan dalam tempoh tersebut. Berdasarkan segmen perniagaan, Pelabuhan dan Logistik menyumbang kira-kira 54% daripada jumlah hasil manakala sektor harta tanah menyumbang kira-kira 25% daripada hasil Kumpulan PKNP.

PKNP telah berjaya memperolehi Sijil Bersih tanpa sebarang pemerhatian daripada Jabatan Audit Negara ke atas Laporan Kewangan PKNP berakhir pada 31 Disember 2015.

TADBIR URUS KORPORAT

PKNP telah menjalankan pelbagai usaha untuk meningkatkan tadbir urus korporatnya dalam mencapai 'KPI' yang telah ditetapkan. Elemen-elemen tadbir urus yang baik melibatkan pematuhan kepada peraturan, amalan integriti, pengurusan sumber manusia dan pengurusan kewangan yang cekap telah diberi penekanan oleh Pengurusan PKNP bagi memastikan PKNP terus berada di landasan yang betul tanpa menjelaskan imej dan reputasinya sebagai Agensi Kerajaan Negeri yang berwibawa.

Ke arah memastikan kemampuan PKNP untuk memberikan perkhidmatan yang cemerlang dan bermutu tinggi serta memuaskan kepada para pelanggan dan 'stakeholders', warga PKNP dituntut supaya mempunyai integriti yang tinggi. Setiap individu dalam PKNP sewajarnya memainkan peranan masing-masing dalam melaksanakan bidang tugas yang dipertanggungjawabkan kepada mereka untuk memberikan perkhidmatan yang cemerlang dan terbaik. Dalam konteks yang sama, PKNP telah mencalonkan seorang pegawai menghadiri kursus Latihan Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) Siri 11 dari 3

Ogos hingga 13 Oktober 2015 bertempat di Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia, Kuala Lumpur.

PEMBANGUNAN BANDAR MERU RAYA (BMR)


Pembangunan Bandar Meru Raya (BMR) akan diteruskan bagi mempertingkatkan usaha-usaha untuk memajukan sektor pelancongan Negeri Perak menerusi pembangunan projek 'Movie Animation Theme Park (MAPS)' di BMR. Apabila siap kelak, 'MAPS' dijangka menerima 1.4 juta pengunjung setahun dan akan membuka sebanyak 4,000 peluang pekerjaan.

Pembangunan taman rekreasi yang dikenali sebagai 'Bulatan 18' dan merupakan 'Green Lung' bagi Bandar Meru Raya juga telah dimulakan. Projek bernilai RM16 juta ini akan menyediakan kawasan rekreasi dan riadah untuk seisi keluarga terutamanya penduduk sekitar Bandar Meru Raya.

Dengan siapnya projek-projek ini serta projek-projek lain yang telah dirancang, BMR akan menjadi sebuah bandar yang bersifat moden dengan persekitaran yang berkualiti dan sesuai untuk kehidupan, pekerjaan, perniagaan, istirehat dan riadah.

PEMBANGUNAN KORIDOR EKONOMI WILAYAH PERAK SELATAN (WPS)

Pembangunan Wilayah Perak Selatan (WPS) adalah berkonsepkan pembangunan secara berfokus yang akan dibangunkan berdasarkan satu pelan induk yang menyeluruh bagi merangsang pembangunan sosio-ekonomi secara holistik dan lestari. WPS melibatkan dua daerah iaitu Hilir Perak dan Batang Padang dengan keluasan hampir



450,000 hektar. Komponen utama di dalam WPS adalah Pembangunan Perak Eco Industrial Hub (PECOH) dan juga Bandar Pelabuhan Rungkup.

PECOH akan dibangunkan di atas tanah tebus guna seluas 1,376 hektar di Mukim Rungkup, Hilir Perak yang merangkumi pembangunan terminal dan perindustrian bagi industri keluli bersepadu serta industri sokongan yang berkaitan. Manakala Bandar Pelabuhan Rungkup akan dibangunkan di kawasan seluas 1,638 hektar bagi pembangunan terminal, kemudahan pengangkutan laut bersepadu dan pembangunan bercampur.

Pembentangan konsep pembangunan WPS telah dibuat kepada Kerajaan Negeri dan juga Kerajaan Persekutuan termasuk EPU dan PEMANDU. Usaha-usaha akan diteruskan bagi memastikan pelaksanaannya dapat berjalan dengan lancar melalui sokongan dan bantuan kewangan oleh pihak Kerajaan Persekutuan.

HOSPITALITI DAN PELANCONGAN

Kumpulan PKNP akan meneruskan usaha-usaha untuk menaik taraf dan mentransformasikan Rumah-Rumah Rehat di Negeri Perak. Bagi tujuan ini, kerja-kerja menaik taraf telahpun dilakukan bagi Rumah Rehat Parit, Kuala Kangsar, Taiping dan juga Teluk Intan. Usaha-usaha untuk menaik taraf hotel di Pulau Pangkor serta membina baru sebuah hotel dan resort di Tanjung Malim sedang juga dirancang.

Projek Rumah Bot Casuarina (Casuarina Boathouse @ Temenggor 2) juga telah dirancang untuk dibina sebagai penambahan kepada Rumah Bot Casuarina sedia ada. Rumah bot yang bakal dibina ini akan ditambah baik dan memiliki ciri-ciri keselesaan, kelengkapan kemudahan dan perkhidmatan bagi memenuhi keperluan pelancong yang mementingkan mutu serta layanan bertaraf lima bintang.

Kerja-kerja penambahbaikan dan membaik pulih Kompleks Silveritance Galleria telahpun dimulakan pada akhir tahun 2015

dan akan mengambil masa 11 bulan untuk disiapkan. Kos pembangunan penjenamaan semula kompleks ini menelan belanja sebanyak RM16.94 juta. Antara komponen-komponen yang disediakan adalah ruang makanan dan minuman (F&B), ruang perniagaan, kawasan ruang terbuka berlandskap dan kawasan letak kenderaan.

Apabila siap kelak, kompleks ini akan menjadi tarikan utama pengunjung ke Negeri Perak yang menyediakan Pusat Makanan dan Perdagangan setempat kepada penduduk tempatan serta para pelancong baik dari dalam maupun luar negara.

PELABUHAN DAN LOGISTIK

PKNP juga bertanggungjawab untuk menyelaras bersama Kerajaan Negeri bagi penubuhan Pihak Berkuasa Pelabuhan Negeri Perak memandangkan perjanjian konsesi mengawal selia pengurusan dan aktiviti pelabuhan oleh Lumut Maritime Terminal (LMT) telah tamat pada 23 Julai 2015. Dengan adanya pihak berkuasa ini, aktiviti pengurusan dan pengawalseliaan pembangunan dan pesisir pantai akan dapat dilakukan dengan lebih terancang dan sistematik.

PEMBANGUNAN SEMULA PEKAN-PEKAN KECIL

Pembangunan Semula Pekan-Pekan Kecil di seluruh Negeri Perak telah diberi penjenamaan baru dengan penyiapan Pekan Kecil Sauk yang dinamakan sebagai Dataran Amanjaya Sauk. Untuk itu, tanggungjawab ini akan diteruskan oleh PKNP bagi membangunkan sebanyak 41 buah pekan kecil (Dataran Amanjaya) di seluruh Negeri Perak seperti mana yang disasarkan. Sehingga penghujung tahun 2015, sebanyak 3 buah pekan kecil bertempat di Ijok, Sauk dan Trong telahpun disiapkan dan penyerahan telah dibuat kepada peniaga-peniaga yang berjaya.





Pada tahun 2015 juga, sebelas buah kawasan sedang dalam pelbagai peringkat pembinaan dan dijangka siap pada tahun 2016. Kawasan-kawasan yang terlibat adalah di Kubu Gajah, Lekir, Gunung Semanggol, Simpang 5, Parit Buntar, Manong, Changkat Jong, Kampung Slim, Lawin, Bandariang dan Bagan Datoh.

Dalam masa yang sama, PKNP telah mengenalpasti lain-lain kawasan yang sesuai untuk pembangunan Dataran Amanjaya bagi disiapkan menjelang tahun 2018.

PEMBANGUNAN PERUMAHAN MAMPU MILIK

PKNP akan terus menjalankan usaha-usaha untuk membangunkan Perumahan Mampu Milik yang menjadi keperluan asas kepada rakyat di negeri ini. Pelaksanaan projek ini tidak hanya akan tertumpu kepada satu kawasan berdasarkan pertumbuhan ekonomi semata-mata malah akan turut dilaksanakan di kawasan luar bandar. Matlamat PKNP adalah untuk mempertingkat dan memperbaiki taraf kehidupan rakyat yang bukan hanya bermotif untuk memperolehi keuntungan semata-mata. Yang demikian, PKNP akan memastikan pelaksanaannya dilakukan dengan sebaik mungkin dan diagihkan ke setiap daerah di negeri ini.

Bagi tujuan ini, dua buah projek utama iaitu D'Aman Residensi dan Casa Kayangan telah dilancarkan pada 19 Mei 2015 yang akan dibina di Bandar Meru Raya (BMR) dan merupakan sebahagian daripada inisiatif pembangunan 10,000 unit Perumahan Mampu Milik yang akan dibangunkan di negeri ini menjelang tahun 2018. Bagi projek D'Aman Residensi, sejumlah 1,320 unit Rumah Mampu Milik disasarkan untuk dibina dalam Fasa Pertama yang dibangunkan di Zon 7 (BMR). Manakala, sebanyak 384 unit Apartmen Mampu Milik akan dibina melalui projek Casa Kayangan di Zon 3C BMR.

Langkah-langkah telah, sedang dan akan terus dirintis oleh PKNP untuk memperbanyakkan pembinaan rumah-rumah mampu milik bagi memenuhi keperluan rakyat berpendapatan rendah di negeri ini.

Justeru itu, PKNP telah menyediakan perancangan dan gerak kerja pada tahun 2015 ke arah pembinaan sebanyak 3,270 unit Rumah Mampu Milik yang akan dibangunkan di Zon 8 & 9 Bandar Meru Raya, Trong Bakti, Pengkalan Raya, Ulu Kinta, Tapah Road, Segari, Kamunting Raya, Alor Pongsu dan Parit Jerman untuk disiapkan menjelang tahun 2018.

PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN SOSIO EKONOMI

Bagi menyediakan latihan kemahiran vokasional dan program keusahawanan kepada belia-belia di Negeri Perak, PKNP juga telah menjalankan kerjasama dengan 'Perak Human Capital Development Center' (PHCDC) untuk menuju sebuah Pusat Latihan Kemahiran Negeri Perak yang bertempat di Bandar Meru Raya.

Pusat ini akan menggunakan sebahagian daripada bangunan milik PKNP iaitu PINCER dan 'Human Capital Resource Center' (HCRC) yang akan diubah suai mengikut susun atur dan reka bentuk yang bersesuaian dengan kehendak sebuah institut latihan dan kemahiran vokasional. Bidang-bidang latihan yang akan disediakan termasuk Kejuruteraan Autotronik, Mekatronik, Elektrik dan Elektronik, Pendingin Beku dan Penyamanan Udara.

Pusat ini bakal memberi peluang pekerjaan khususnya kepada golongan belia di negeri ini dan secara langsung akan menggalakkan mereka untuk mempelopori bidang keusahawanan sebagai satu wadah untuk pembangunan ekonomi ummah.

INDEKS AKAUNTABILITI

Pada tahun 2015, PKNP telah dianugerahkan pengiktirafan tertinggi lima bintang oleh Jabatan Audit Negara bagi pengurusan kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti. Pengiktirafan yang julung-julung kali diterima oleh PKNP ini jelas menunjukkan komitmen yang tinggi oleh Pengurusan PKNP bagi meningkatkan kecekapan dan kecemerlangan serta mengamalkan budaya pengurusan kewangan dan pentadbiran yang berhemah. Penganugerahan ini perlu dijadikan sebagai inspirasi dan motivasi oleh PKNP untuk memastikan kejayaan ini dapat dikekalkan pada masa hadapan.

PENGHARGAAN

Saya bagi pihak Lembaga Pengarah PKNP ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua Ahli Lembaga Pengarah PKNP dan Ahli-ahli Lembaga Pengarah syarikat anak di atas komitmen yang berterusan bagi memastikan kejayaan PKNP serta pihak pengurusan dan seluruh warga kerja

Kumpulan PKNP yang sentiasa menunjukkan sokongan yang jitu bagi memastikan PKNP berada di landasan yang tepat di dalam usaha-usaha memacu ekonomi Negeri Perak selaras dengan peningkatan prestasi PKNP secara keseluruhannya.

Ucapan terima kasih juga saya rakamkan kepada Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan, jabatan dan agensi swasta serta NGO yang terlibat di dalam memberi sokongan tanpa jemu dan kerjasama yang berterusan kepada PKNP untuk membantu mengekalkan prestasi PKNP sebagai agensi negeri yang berjaya.

Komitmen dan dedikasi yang telah ditunjukkan oleh semua pihak diharap akan terus berkekalan dan diperkuatkan lagi bagi memastikan kesinambungan pembangunan ekonomi serta sosial untuk PKNP dan Negeri Perak dapat diteruskan bagi kesejahteraan Negeri Perak dan rakyatnya.

Sekian, terima kasih.

DATO' SERI DIRAJA DR. ZAMBRY BIN ABD. KADIR

S.P.S.A, S.P.M.P., D.G.S.M., D.P.M.P, P.A.T., A.M.S.
Menteri Besar Perak Darul Ridzuan



LAPORAN AKTIVITI PENGURUSAN DAN PRESTASI KUMPULAN PKNP BAGI TAHUN 2015

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Syukur Alhamdullilah dan saya bagi pihak keseluruhan pengurusan dan warga kerja Kumpulan PKNP amat berbesar hati menyampaikan Laporan Aktiviti Pengurusan dan Prestasi Kewangan Kumpulan bagi tahun 2015.

1.0 KEMAJUAN HALA TUJU KORPORAT SEHINGGA TAHUN 2015

Tahun 2015 merupakan tahun kedua bagi Kumpulan PKNP dalam melaksanakan Program Transformasi Kumpulan di mana ia telah dilancarkan pada tahun 2014. Di dalam program transformasi ini, projek-projek PKNP telah diletakkan di bawah tiga (3) teras perniagaan yang merangkumi Pembangunan Hartanah, Logistik dan Pelabuhan serta Hospitaliti dan Pelancongan.

Pelan Strategik Kumpulan PKNP dalam lingkungan dari tahun 2014 hingga 2018 merangkumi 3 komponen yang akan membantu dalam mencapai visi dan misi Kumpulan PKNP iaitu:

- Memperkuatkan Organisasi
- Pengukuhan Struktur Perniagaan
- Memenuhi Agenda Sosioekonomi

1.1 Memperkuatkan Organisasi

Kumpulan PKNP kini telah bergerak sebagai satu kumpulan di dalam struktur operasi yang lebih bersepadu dan telus. Struktur tadbir urus juga



YBhg. Dato' Aminuddin Bin Md. Desa
Ketua Eksekutif
Perbadanan Kemajuan Negeri Perak


diperkemaskan lagi menerusi penubuhan Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU) pada Julai 2015. Di samping itu, program '*Culture Transformation Programme*' (CTP) - "*Moh Kite-Change The Landscape*" diteruskan. '*Employee Commitment Index*' (ECI) diperkenalkan sebagai penanda aras bagi menilai keberkesanannya inisiatif CTP.

1.2 Pengukuhan Struktur Perniagaan

Kumpulan PKNP telah menyelaraskan aktiviti komersialnya kepada 3 teras iaitu Sektor Pembangunan Hartanah, Logistik dan Pelabuhan serta Hospitaliti dan Pelancongan.

1.2.1 Pembangunan Hartanah

Pada tahun 2015, Kumpulan PKNP terus komited dalam merencana dan menerajui pembangunan



bandar-bandar baru di kawasan yang didapati kurang membangun. Ia bertepatan dengan salah satu misi Kumpulan PKNP yang bertindak sebagai penggerak bagi pertumbuhan ekonomi negeri dengan mencipta lebih banyak peluang ekonomi kepada penduduk setempat. Hasil usaha PKNP ini terus dapat dilihat melalui perancangan Pembangunan Bandar Meru Raya, Wilayah Perak Selatan, Bandar Baru Tapah Road dan Bandar Pelabuhan Rungkup.

Melalui kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan pada April 2015, PKNP telah menubuhkan Divisyen Pembangunan Wilayah Perak Selatan bagi merancang dan memantau pelaksanaan kesemua pembangunan di dalam Wilayah Perak Selatan.

Kumpulan PKNP juga akan meneruskan perancangan pembangunan estet-estet perindustrian di serata Negeri Perak. Sehingga kini sebanyak 24 buah estet perindustrian telah dibangunkan oleh PKNP yang melibatkan kawasan seluas 7,000 ekar.

1.2.2 Pelabuhan dan Logistik

Kumpulan PKNP meletakkan industri Pelabuhan dan Logistik sebagai salah satu bidang perniagaan utamanya. Tumpuan dalam sektor ini melibatkan operasi pelabuhan sedia ada dan yang bakal diadakan.

Bagi pelabuhan sedia ada seperti Pelabuhan Lumut, kewujudannya telah berjaya menjadi pemangkin kepada ekonomi penduduk setempat.

Selain daripada itu, pembangunan '*Freight Village*' dan '*Inland Container Depot*' juga sedang dalam perancangan di mana pembangunan ini bakal dibangunkan selaras dengan penubuhan Pelabuhan Bagan Datoh.

1.2.3 Pelancongan dan Hospitaliti

Pelancongan dan Hospitaliti juga merupakan salah satu sektor perniagaan teras dalam Kumpulan PKNP. Sektor ini lebih memberi penekanan kepada penjenamaan "Casuarina" bagi meningkatkan daya tarikan ke atas para pengunjung yang datang dari dalam atau luar Negeri Perak.

PKNP juga amat proaktif dan terus komited dalam usaha penjenamaan semula 12 buah Rumah Rehat Kerajaan Negeri kepada produk "Lanai Casuarina" bermula dengan pengoperasian Lanai Casuarina@ Kuala Kangsar pada tahun 2015.

Hotel terulung, Casuarina@Meru telahpun mula beroperasi sejak tahun 2014 dan terletak di tengah-tengah Bandar Meru Raya, Ipoh. Penggunaan jenama ini akan menjadi model dan "*trademark*" kepada penghasilan produk-produk pelancongan





dan hospitaliti lain yang akan dihasilkan pada masa akan datang.

1.2.4 Perniagaan Strategik

Bagi perniagaan yang didapati mempunyai potensi yang kukuh seperti Industri Tenaga Boleh Diperbaharui (*"Renewable Energy"*) dan Industri Berasaskan Buluh telah diletak di bawah Unit Perniagaan Strategik (SBU).

Kumpulan PKNP seterusnya mula mengorak langkah di dalam industri Tenaga Boleh Diperbaharui menerusi anak syarikatnya, Majuperak Energy Resources Sdn Bhd (MERSB). Syarikat janakuasa ini terletak di Keramat Pulai, Simpang Pulai, Perak.

Janakuasa yang dibina oleh syarikat ini telah memulakan operasinya pada tahun 2015 membekalkan 1.5MW tenaga dalam masa setahun. Dengan pendapatan yang diunjurkan melebihi RM2 juta setahun ia mampu menjadi sumber pendapatan mampan kepada Kumpulan PKNP.

1.3 Memenuhi Agenda Sosioekonomi

Agenda Sosioekonomi Kumpulan PKNP adalah untuk meningkatkan taraf hidup terutamanya masyarakat Bumiputera di Perak. Agenda ini seiring dengan aspirasi Gagasan Perak Amanjaya dengan moto Kerajaan Negeri ‘Tiada Tertinggal, Tiada Terpinggir’.

Tahun 2015 menyaksikan Kumpulan PKNP sebagai jentera pelaksana telah bergerak aktif dengan melancarkan beberapa buah pekan kecil di Negeri Perak dan projek perumahan mampu milik di BMR.

1.3.1 Pembangunan Perumahan Mampu Milik

Sepanjang tahun 2015, sebanyak 744 unit rumah mampu milik telahpun dilancarkan kepada rakyat di Negeri Perak, masing-masing di BMR Zon 7 (360 unit) dan di BMR Zon 3C (384 unit).

1.3.2 Pembangunan Pekan-Pekan Kecil

Projek ini bertujuan menjadikan pekan kecil sebagai pusat aktiviti ekonomi setempat bagi meningkatkan pendapatan golongan Bumiputera.

Pada tahun 2015, projek Pembangunan Pekan-Pekan Kecil seperti Pekan Kecil Sauk, Pekan Kecil Trong dan Pekan Kecil Ijok telah disiapkan dan beroperasi.





1.3.3 Pembangunan Usahawan

Kumpulan PKNP juga sentiasa berusaha keras untuk melahirkan usahawan Bumiputera yang berkualiti. Pada tahun 2015, PKNP telah mengadakan program dan kursus pembangunan usahawan yang melibatkan hampir seramai 1,600 peserta bertempat di Pusat Pembangunan Usahawan di Bandar Meru Raya.

Sepanjang tahun 2015, usahawan Bumiputera telah menyertai beberapa program usahawan seperti Program Tunas Niaga (PROTUNe), Program Kursus Keusahawanan serta Program Inovasi & Rekabentuk Seramik dengan kerjasama agensi luar seperti MITI, MIDA, MARDI, AEON BiG, SMECorp dan MARA.

2.0 SENARIO EKONOMI DAN PERSEKITARAN PERNIAGAAN

Malaysia adalah sebuah negara yang tidak asing lagi malah dikenali di serata dunia. Pada tahun 2015, pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK)

berkembang pada tahap lebih perlahan berbanding tahun 2014. Sehubungan itu, Malaysia dalam kedudukan yang baik untuk terus mendapat manfaat daripada pemulihan ekonomi global yang berperingkat dengan pertumbuhan lebih menyeluruh kerana asas makro ekonomi kukuh seperti ekonomi yang pelbagai, rizab antarabangsa yang kukuh dan sistem kewangan yang sihat untuk menyokong aktiviti ekonomi.

Kesan buruk kejatuhan harga minyak yang mendadak dan perubahan permintaan dunia menyebabkan nilai ringgit terjejas. Ini disebabkan purata kadar pertukaran pada tahun 2015 turut mengambil kira penurunan nilai mata wang berbanding dengan USD pada separuh kedua tahun tersebut. Seperti yang kita maklum, YAB Perdana Menteri Malaysia telah mengumumkan pada Bajet 2013 bahawa '*Goods Services and Tax*' (GST) akan dilaksanakan pada 1 April 2015 bagi menggantikan '*Sales and Services Tax*' (SST). GST telah menunjukkan impak yang positif pada tahun pertama di mana dengan niat dan hasrat untuk membetulkan pasaran dan keadaan luar yang bertambah baik, kita turut melihat hasil kerajaan pada tahun 2015 meningkat lebih tinggi sebanyak 8 peratus berbanding tahun 2014. Ini ternyata ia berpunca daripada



kutipan GST yang dianggarkan berjumlah RM27 bilion pada tahun 2015. (Sumber: Laporan Tahunan Program Transformasi Negara 2015)

Kebergantungan negara kita yang tinggi pada industri minyak juga memainkan peranan yang penting dalam senario ekonomi negara pada tahun 2015 berikutan pemansuhan subsidi petrol RON 95 dan diesel yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada bulan Disember 2014. Harga runcit RON 95 dan diesel ditetapkan secara sistem apungan terkawal mulai Disember 2014. Justeru ini merupakan langkah positif yang dapat menghalang perniagaan daripada sengaja meningkatkan harga setiap kali subsidi bahan api dikurangkan.

Namun demikian sehingga tahun 2015, PKNP terus mendapat keyakinan dan kepercayaan daripada Kerajaan Negeri Perak dengan menyiapkan tiga (3) projek pekan kecil iaitu Pekan Kecil Sauk, Pekan Kecil Ijok dan Pekan Kecil Trong. Pekan Kecil ini diwujudkan bagi membangunkan kawasan-kawasan pedalaman di Negeri Perak dan menyediakan kawasan perniagaan untuk rakyat bagi meningkatkan ekonomi setempat Negeri Perak. Ia juga selaras dengan moto YAB Menteri Besar Perak iaitu ‘Tiada Tertinggal, Tiada Terpinggir’ bagi membantu rakyat berpendapatan rendah dan sederhana menangani peningkatan kos sara hidup.

Statistik kedatangan pelancong tertinggi di seluruh Malaysia ialah Negeri Perak. Sehubungan itu, Negeri Perak begitu optimis khususnya Bandar Raya Ipoh yang sudah bersedia menerima kedatangan lebih ramai pelancong berikutan beberapa projek berstatus premium bakal beroperasi tidak lama lagi. Statistik Tourism Malaysia telah menunjukkan kehadiran pelancong domestik yang menginap di hotel Perak dan Ipoh meningkat. Ini dapat dibuktikan bermula Januari 2015 sehingga September 2015, seramai 1,770,809 pelancong berbanding keseluruhan tahun 2014 iaitu 1,660,829 pelancong.

Walaupun ekonomi pada tahun 2015 berkembang dengan perlanaan, Negeri Perak tetap meneruskan projek mega bernilai RM450 juta dengan membina taman tema animasi pertama di rantau Asia iaitu Movie Animation Park Studio (MAPS) yang akan mempamerkan pelbagai watak animasi daripada Dreamworks bersama watak animasi kegemaran tempatan Boboiboy dan Stunt Legends yang dijangka siap pada akhir tahun 2016.

3.0 AKTIVITI KORPORAT

PKNP mula melaksanakan program transformasi selaras dengan Pelan Hala Tuju Strategik 2014-2018 yang tertumpu kepada penyusunan semula aktiviti-aktiviti kumpulan termasuk anak-anak syarikat yang mana PKNP adalah pemegang saham majoriti.

Selain daripada itu peristiwa dan aktiviti korporat yang telah mewarnai profil Kumpulan PKNP sepanjang tahun 2015 adalah seperti berikut:

3.1 Penjualan Ladang Sungai Piah kepada Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (PPNP)

Selaras dengan perancangan pelan strategik Kumpulan PKNP 2014-2018, anak syarikat Kumpulan PKNP, Majuperak Holdings Berhad (MHB) juga turut menyusun semula perniagaan terasnya daripada sektor perladangan kepada aktiviti harta dan hartanah.




Pada 23 Februari 2015, MHB telah memeterai perjanjian penjualan Ladang Sungai Piah kepada Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (PPNP) dengan penjualan bernilai RM42.5 juta.

Selain penyusunan semula struktur perniagaan terasnya, ia juga bermatlamat menjadikan sebuah syarikat yang mendokong dan memperkuuhkan Kumpulan PKNP sebagai pemasu ekonomi Negeri Perak.

3.2 Penjualan pegangan saham dalam Integrax Berhad oleh Taipan Merit Sdn Bhd kepada Tenaga Nasional Berhad

Pada 30 Januari 2015, anak syarikat milik penuh Perak Corporation Berhad (PCB), Taipan Merit Sdn Bhd telah menerima tawaran daripada Tenaga Nasional Berhad (TNB) bagi penjualan pegangan saham di dalam Integrax Berhad sebanyak 15.74% dengan harga RM3.25 sesaham atau nilai jualan bernilai RM150 juta.

Mesyuarat Agung Luar Biasa (EGM) PCB yang diadakan pada 27 Mac 2015 telah sebulat suara meluluskan dan menerima tawaran TNB tersebut. Sehubungan itu, penjualan saham tersebut telah diselesaikan sepenuhnya pada 15 April 2015. Walau bagaimanapun, pegangan langsung oleh PCB di dalam Lumut Maritime Terminal Sdn Bhd (LMTSB) tidak terjejas berikutan saham yang dijual kepada TNB merupakan pegangan pelaburan di dalam Integrax Berhad.



4.0 PROGRAM-PROGRAM BAGI MENYOKONG PERTUMBUHAN EKONOMI NEGERI

4.1 Pembangunan Hartanah

4.1.1 Bandar Meru Raya

Sepanjang tahun 2015, Bandar Meru Raya sedang giat dibangunkan sebagai pusat tarikan pelancong dan komersial serta memperluaskan lagi presint kerajaan melalui cadangan penempatan semula 18 pejabat agensi-agensi kerajaan. Bandar Meru Raya ini juga dijangka menjadi pusat pentadbiran utama Negeri Perak Darul Ridzuan dalam jangka masa 5 tahun yang akan datang.

Bagi pembangunan Bandar Meru Raya, komponen yang terlibat termasuklah :

Perumahan Mampu Milik :

- Casa Kayangan - Dalam pembangunan
- D' Aman Residensi - Dalam pembangunan

Pusat Kerajaan :

- Kementerian Dalam Negeri (KDN) - Sedia ada
- Jabatan Audit Negara - Sedia ada
- Kompleks Pejabat SPRM - Sedia ada
- Balai Bomba dan Penyelamat - Sedia ada
- Ibu Pejabat Bomba dan Penyelamat - Sedia ada
- Ibu Pejabat Polis Kontinjen Negeri Perak - Peringkat perancangan





Pusat membeli-belah dan bangunan-bangunan perniagaan :

- Pasar Raya Besar Mydin - Sedia ada
- Pusat komersial - Sedia ada

Komersil dan Pelancongan :

- Rumah Tradisional Melayu - Dalam Pembangunan
- Taman Awam Bulatan 18 - Dalam Pembangunan
- Movie Animation Park Studio (MAPS) - Dalam Pembangunan

Pendidikan :

- Tenby International School - Sedia ada


4.1.2 Bandar Pelabuhan Rungkup

Bandar Pelabuhan Rungkup bakal dibangunkan sebagai sebuah perbandaran baru yang akan menyokong pembangunan *Perak Heavy Industrial Park (PHIP)* daripada aspek penyediaan perumahan, komersil, kemudahan awam, kawasan rekreasi dan

sistem pengangkutan awam yang cekap. Kedua-dua pembangunan Bandar Pelabuhan Rungkup dan PHIP ini dijangka akan menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi dan pembangunan di Bagan Datoh. Untuk tahun 2015, Kumpulan PKNP meneruskan perancangan Bandar Pelabuhan Rungkup dengan melaksanakan kajian bagi penyediaan pelan susun atur dan '*master plan*' bagi Bandar Pelabuhan Rungkup.

4.1.3 Bandar Baru Tapah Road

Pembangunan Bandar Baru Tapah Road ini adalah salah satu inisiatif Kerajaan Negeri bagi memajukan Negeri Perak. Bagi tujuan tersebut, Kumpulan PKNP telah melibatkan tanah yang berkeluasan 5,147 ekar bagi pembangunan tersebut. Dalam tahun 2015 juga, Kumpulan PKNP telah terlibat dengan perancangan dan persediaan untuk membangunkan kediaman mampu milik yang berjumlah 1,691 unit di Tapah Road.



4.1.4 Perak Hi-Tech Industrial Park (PHTIP)

Dalam usaha kerajaan untuk membangunkan industri yang berdasarkan teknologi dan nilai tambah yang tinggi, Kumpulan PKNP merancang untuk meneruskan pembangunan PHTIP. Juruperunding bertauliah, BMT Asia Pacific telah membantu PKNP untuk merancang pembangunan PHTIP mengikut keperluan industri berteknologi tinggi semasa dunia. Hasil daripada kajian itu, PKNP kini dalam proses untuk merancang pelaksanaan projek secara berperingkat dengan membangunkan PHTIP fasa pertama seluas 200 ekar di Chemor, Ipoh secara usaha sama mulai tahun 2017.

4.1.5 Pembangunan Estet Perindustrian

Sehingga tahun 2015, Kumpulan PKNP telah membangunkan 24 buah estet perindustrian yang melibatkan kawasan seluas 7,000 ekar di Negeri Perak. Penelitian telah dibuat di dalam perancangan untuk pembangunan dengan mengambil kira kadar pertumbuhan ekonomi, pasaran dan kadar permintaan yang mana kini tiga estet industri sedang di dalam perancangan akhir pihak PKNP iaitu:

1. Estet Perindustrian Bidor : 1,000 ekar
2. Estet Perindustrian Keramat Pulai 3 : 361 ekar
3. Perak Hi-Tech Park : 200 ekar

Phase 1 2017 - 2022


Incubation Hub 1	25 acres
Training School	20 acres
BTS Industrial Plots	330 acres
Ancillary Retail	20 acres
Commercial	10 acres
Commam Space /Utility Reserve	130 acres
Total	535 acres

Phase 2 2022 - 2027

Incubation Hub 2	25 acres
SME Hub	70 acres
BTS Industrial Plots	240 acres
Trade Convention	25 acres
Retail Core	30 acres
Commam Space /Utility Reserve	180 acres
Total	570 acres

Phase 3 2027 - 2040

Arboretum/Trail	25 acres
Business Suite	20 acres
Corporate Retreat	
Commam Space	
/Utility Reserve	620 acres
Total	665 acres



Cadangan Pembangunan PHTIP oleh BMT Asia Pacific (2015)



Sehingga kini terdapat 4 kategori estet perindustrian yang telah dibangunkan oleh PKNP iaitu:

1. Industri Ringan
2. Industri Berat

3. Zon Perindustrian Bebas
4. Estet Industri Khusus

Setakat tahun 2015, baki tanah industri yang masih ada pada PKNP sama ada telah lengkap dengan infrastruktur atau sebahagian infrastruktur ialah seperti berikut:

ESTET PERINDUSTRIAN	BAKI KELUASAN YANG BOLEH DIJUAL (EKAR)	STATUS INFRASTRUKTUR	
		INFRA UTAMA	INFRA LOKAL
Seramik Fasa 1	8	Siap	Tiada
Keramat Pulai 2	2.44	Siap	Tiada
Bemban Fasa 2	59.62	Siap	Siap
Mukim Tanjung Tualang	81.32	Siap	Tiada
Sungai Terap	3.33	Tiada	Tiada
Taman Farmaseutikal, Seri Iskandar	47	Siap	Siap
Lumut	79.31	Siap	Tiada
Lumut 2	36	Siap	Tiada
Kamunting Raya	40.47	Siap	Tiada
Bandariang	6.97	Siap	Tiada
Mukim Gerik	17.80	Siap	Siap
Chenderiang	15.75	Tiada	Tiada
Mukim Bidor	106.25	Tiada	Tiada
Tapah	22.64	Siap	Tiada
Bidor 1	115.12	Tiada	Tiada
Bidor 2	1,000	Tiada	Tiada
Hulu Bernam Timur	42.98	Tiada	Tiada
Perak Hi Tech Industrial Park	667	Tiada	Tiada
Keramat Pulai 3	361	Tiada	Tiada



4.2 Logistik dan Pelabuhan

Pelabuhan sedia ada seperti Pelabuhan Lumut telah berjaya menjadi pemangkin kepada ekonomi penduduk setempat. Bagi memastikannya terus berdaya maju dan meningkatkan produktiviti serta prestasi, Kumpulan PKNP telah merangka pelan perniagaan strategik 5 tahun (2015-2019) yang bakal mentransformasikan Pelabuhan Lumut sebagai pelabuhan yang lebih progresif dan dinamik.

PKNP menerusi Lumut Maritime Terminal Sdn Bhd (LMTSB) juga turut mengendali dan menguruskan

Lekir Bulk Terminal (LBT). Pelabuhan ini adalah pintu masuk utama kepada penghantaran arang batu ke kilang TNB Janamanjung. Sehingga 2015, LBT telah merekodkan pengendalian sebanyak 79 juta tan arang batu dan 1,064 buah kapal.

Bagi tahun 2015, Kumpulan PKNP juga telah merancang untuk membangunkan Pelabuhan Bagan Datoh yang akan membantu memberikan impak positif kepada pertumbuhan ekonomi Negeri Perak dan sebuah kelompok logistik (*Inland Port, Freight Village* dan *Inland Container Depot*) dalam usaha berterusan untuk menjana pertumbuhan ekonomi Negeri Perak.





4.3 Hospitaliti dan Pelancongan

4.3.1 Bandar Meru Raya

Bagi merealisasikan Bandar Meru Raya yang disasarkan menjadi destinasi pelancongan dan tarikan baru Negeri Perak, beberapa komponen telah dan akan dibina di Bandar Meru Raya yang merangkumi:

- Hotel Casuarina@Meru
- Movie Animation Park Studio (MAPS)
- Taman Awam Bulatan 18
- 'Theme Park Hotel'
- 'Water Park'
- Restoran Rumah Tradisional Melayu

4.3.2 Destination Management & Marketing Organisation (DMMO)

Destination Perak Sdn Bhd ditubuhkan bagi membantu meningkatkan kedatangan pelancong dalam dan luar negeri serta menerajui rekabentuk dan pengurusan pakej pelancongan. Destination Perak bertindak sebagai DMMO untuk Negeri Perak yang telah beroperasi sejak Mac 2014 dan sedang giat meneruskan usaha untuk meningkatkan jumlah pelancong ke Negeri Perak. Destination Perak telah berjaya membantu daripada segi pemasaran dalam menjual produk-produk pelancongan kepada pasaran yang berpontensi tinggi dan menyalurkannya kepada pengusaha-pengusaha pelancongan yang berdaftar dengan program ini.





Model Perniagaan Destinasi Perak Sdn Bhd

4.3.3 Hotel Casuarina

Sehingga kini, Kumpulan PKNP telah menyasarkan 3 buah hotel untuk dibangunkan dalam rantaian Casuarina sebagai penjenamaan "Casuarina" bagi meningkatkan daya tarikan ke atas para pengunjung yang datang dari dalam atau luar Negeri Perak. Hotel Casuarina@Meru adalah hotel pertama di Bandar Meru Raya yang beroperasi sejak 2013 dan telah berjaya menjadi indikator yang baik kepada kemajuan dan peningkatan ekonomi Negeri Perak.

4.3.4 Resort Casuarina

i. Casuarina Resort@Pangkor

Teluk Dalam Resort (TDR) yang terletak di Pulau Pangkor akan dinaik taraf kepada resort antarabangsa bertaraf 5 bintang dengan berkonsepkan 'Sun, Sea & Beach'. Ia juga akan direkabentuk dengan ciri-ciri yang lebih moden dan kontemporeri termasuk pembinaan chalet-chalet



Hotel Casuarina@Meru



penginapan ‘Beach Villa’, ‘Cliff Villa’, ‘Jungle Villa’, bilik ‘Island Superior’ dan dilengkapi dengan sebuah spa eksklusif, gimnasium, 2 restoran bertema, restoran ‘All Day Dining’, ‘Beach Club’ dan sebuah dewan konvensyen yang boleh memuatkan 1,000 orang.

ii. Casuarina Golf and Resort@Tanjung Malim

Casuarina Golf and Resort@Tanjung Malim akan dibangunkan kepada sebuah resort golf dan ekuestrian yang turut mengguna pakai jenama

‘Casuarina’ di kawasan seluas 442 ekar di Daerah Tanjung Malim.

Casuarina Golf and Resort@Tanjung Malim akan dilengkapi dengan padang golf 18 lubang yang direka oleh juruperunding padang golf terkemuka iaitu *Parslow & Winter Golf Design* bertujuan untuk menarik peminat tegar sukan golf serta penunggang kuda untuk berkunjung dan menikmati keindahan konsep keterbukaan resort tersebut.





4.3.5 Lanai Casuarina

Sehingga tahun 2015, penjenamaan semula 12 buah Rumah Rehat Kerajaan Negeri kepada produk Lanai Casuarina telah bermula dengan pengoperasian Lanai Casuarina@Kuala Kangsar

pada tahun 2015. Setiap rumah rehat ini akan melalui transformasi penjenamaan semula dan penyeragaman daripada konsep bilik, menu dan perkhidmatan. Penjenamaan semula ini akan diketengahkan di dalam kategori kemudahan penginapan 2 dan 3 bintang bagi memenuhi permintaan terhadap penawaran penginapan yang lebih selesa di samping menjadi tarikan kepada pelancong-pelancong yang berhasrat untuk melancong ke daerah-daerah sekitar Negeri Perak.

4.3.6 Rumah Bot Casuarina (*Casuarina Boathouse*)

Kumpulan PKNP telah menyasarkan untuk membangunkan 5 buah rumah bot di Royal Belum dalam tempoh 5 tahun (2014 - 2018). Rumah bot ini akan menyediakan kemudahan penginapan serta pakej-pakej menarik yang menawarkan pengalaman bercuti di Tasik Temenggor serta Hutan Simpan Royal Belum.





Konsep penginapan rumah bot ini dilihat dapat menarik perhatian para pelancong terutamanya pelancong luar negara untuk menikmati keindahan dan keunikan salah satu hutan hujan tropika tertua di dunia. Rumah Bot Casuarina ini juga dijangka dapat meningkatkan peluang ekonomi kepada Bumiputera di kawasan Tasik Temenggor dan Gerik serta penambahan kawasan rekreasi di kawasan luar bandar. Ia turut berupaya untuk mempromosikan Hutan Simpan Royal Belum ke peringkat yang lebih luas.

4.3.7 Movie Animation Park Studio (MAPS)

MAPS yang kini sedang dalam pembinaan dijangka memulakan operasinya pada akhir tahun 2016. MAPS merupakan sebuah taman tema animasi

pertama di Asia yang terletak di Bandar Meru Raya, Ipoh serta berada di kedudukan yang amat strategik iaitu berhampiran dengan Lebuh Raya Utara-Selatan. Terdapat 6 komponen utama MAPS yang akan menjadi daya tarikan utama para pelancong iaitu zon animasi seperti '*Animation Square*', '*Fantasy Forest*', '*Live Action*', '*Blast Off*', '*Dreamworks*' dan '*Lakeside Zone*'.

4.3.8 Taman Awam Bulatan 18

Taman Awam Bulatan 18 terletak di tengah-tengah Bandar Meru Raya yang akan bertindak sebagai '*Green Lung*' bagi Bandar Meru Raya. Taman awam ini akan menyediakan kawasan riadah kepada penduduk sekitar Bandar Meru Raya dan Bandar Raya Ipoh.





Taman Awam Bulatan 18 dalam pembinaan pada Januari 2015 dan Disember 2015



Komponen utama yang akan membantu menarik perhatian para pengunjung adalah seperti taman permainan kanak-kanak, 'wall climbing', 'skate park', tirai air dan galeri rakyat. Taman awam ini bukan sahaja menyediakan tempat untuk beriadah malah turut menyediakan pelbagai hiasan dan arca menarik yang melambangkan sejarah Negeri Perak.

4.3.9 Central Business District (CBD)

Central Business District (CBD) merupakan kawasan yang akan dibangunkan di Bandar Meru Raya, Ipoh. CBD akan membantu meningkatkan ekonomi Negeri Perak dengan daya tarikan komponen utamanya yang akan diwujudkan seperti di La Ramla Barcelona. Pembangunan kawasan ini juga akan dilengkapi dengan jaringan outlet perniagaan dan butik-butik terkenal di sepanjang jalan, hotel bertaraf 5 bintang, 'Anchor Store', 'Office Tower', 'Retail & Shop Office' dan 'Pedestrian Walkway' sebagai



Lakaran artis : D'Aman Residensi @ Bandar Meru Raya

salah satu usaha untuk menjana kegiatan ekonomi dan membantu meningkatkan ekonomi Negeri Perak.

4.3.10 Menaik Taraf Kompleks Silveritage Galleria

Kompleks Silveritage Galleria yang sedang dalam fasa pembangunan semula ini dijangka akan menjadi salah satu destinasi pelancongan khususnya dalam mempromosi warisan kraf tangan Negeri Perak dan juga barang cenderamata. Kompleks yang mempunyai ruang niaga berkeluasan 70,000 kaki persegi ini dilihat akan memberi nafas baru dalam meningkatkan pertumbuhan komersil khususnya di kawasan sekitar Medan Gopeng di samping menyokong matlamat perniagaan Kumpulan PKNP dalam sektor pelancongan Negeri Perak. Kompleks Silveritage Galleria dijangka mula beroperasi pada tahun 2017 dilihat akan dapat membantu peningkatan aktiviti kegiatan ekonomi dan perniagaan selain mewujudkan peluang perniagaan kepada usahawan Bumiputera serta pelbagai peluang pekerjaan kepada penduduk setempat.



4.4 Pembangunan Perumahan Mampu Milik

Senarai Kawasan Pembangunan Perumahan Mampu Milik Yang Telah Dilancarkan Dalam Tahun 2015

PEMILIK TANAH	LOKASI PROJEK	PEMAJU	SAIZ TANAH (EKAR)	KOMPONEN	UNIT
PCBD	BMR Zon 7 (Kinta)	D'Aman Residensi Sdn Bhd	22.90	Apartmen 5 Tingkat (5 Blok)	360
				JUMLAH	360
PCBD	BMR Zon 3C (Kinta)	Gelombang Prestasi Sdn Bhd	10.14	Apartmen Jenis A	96
				Apartmen Jenis AB (Balkoni)	96
				Apartmen Jenis B (Aras 7-25)	152
				Apartmen Jenis B (Aras 2-6)	40
				JUMLAH	384
				JUMLAH BESAR	744



Setakat tahun 2015, sejumlah 744 unit rumah mampu milik sedang dibangunkan iaitu di BMR Zon 7, D' Aman Residensi sebanyak 360 unit

dan di BMR Zon 3C, Casa Kayangan sebanyak 384 unit.



Senarai Cadangan Kawasan Pembangunan Perumahan Mampu Milik Tahun 2015

PEMILIK TANAH	LOKASI PROJEK	PEMAJU	SAIZ TANAH (EKAR)	KOMPONEN	UNIT
PCBD	BMR Zon 9 (Kinta)	Cempaka Majujaya Sdn Bhd	26.62	Teres 2 Tingkat	139
				Teres 2 Tingkat	274
				JUMLAH	413
PCBD	BMR Zon 7 (Kinta)	D'Aman Residensi Sdn Bhd	22.90	Apartmen 15 Tingkat (1 Blok)	240
				Apartmen 15 Tingkat (3 Blok)	720
				JUMLAH	960
				Teres 1 Tingkat	274
				Teres 2 Tingkat	177
				JUMLAH	451
PKNP	ALOR PONGSU I (Kerian)	Lakar Budi Sdn Bhd	12.00	Teres 2 Tingkat	111
				Teres 2 Tingkat	41
				JUMLAH	152
PKNP	ALOR PONGSU II (Kerian)	Lakar Budi Sdn Bhd	4.70	Teres 2 Tingkat	17
PKNP/ MHB	TAMAN TRONG BAKTI (Larut Matang)	Kosmonas Development Sdn Bhd	19.00	Teres 1 ½ Tingkat	132
				Teres 2 Tingkat	134
				Berkembar 2 Tingkat	4
				JUMLAH	270
PKNP	KAMUNTING RAYA (Larut Matang)	Kinijuara Holdings Sdn Bhd	31.38	Teres 1 Tingkat Jenis A	301
PCBD	BMR Zon 8 (Kinta)	OPG Meru Land Sdn Bhd	4.78	Apartmen 22 Tingkat	419



4.5 Pembangunan Pekan-Pekan Kecil

Perancangan program pembangunan pekan-pekan kecil di seluruh Negeri Perak bagi menaik taraf kehidupan rakyat luar bandar telah bermula pada tahun 2011 dengan menyasarkan 41 lokasi di seluruh Negeri Perak.

Objektif utama adalah untuk mencipta dan mengagih peluang ekonomi kepada masyarakat Bumiputera dengan membangunkan pusat komersil di luar bandar bagi merangsang aktiviti-aktiviti ekonomi di kawasan-kawasan tersebut.

Pada tahun 2013 - 2014, Kumpulan PKNP telah membangunkan 3 buah pekan kecil iaitu di Trong, Sauk dan Ijok yang telah siap sepenuhnya dan telahpun beroperasi. Seterusnya pada tahun 2014 - 2015, 11 pekan kecil telah dan sedang dibangunkan di Lekir, Kubu Gajah, Gunung Semanggol, Simpang 5, Manong, Lawin, Bagan Datoh, Kg Slim,

Bandariang, Changkat Jong dan Temoh. Manakala 8 pekan kecil dalam perancangan untuk pembangunan pada tahun 2015 - 2016 dan 19 lagi dalam peringkat kajian untuk dibangunkan pada tahun 2016 - 2017.

Konsep dan komponen asas Pembangunan Pekan Kecil yang lengkap dijenamakan sebagai Dataran Amanjaya seperti berikut :

- Kedai Desa
- Gerai Desa
- Dataran

Daripada ketiga-tiga komponen ini, Kedai Desa akan dijual kepada masyarakat tempatan yang berkelayakan manakala Gerai Desa dan Dataran akan diserahkan milik kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Pada 3 Disember 2015, YAB Menteri Besar Perak telah merasmikan Pekan Kecil Sauk dan mengumumkan penjenamaannya sebagai Dataran Amanjaya Sauk.

Senarai Projek Pekan-Pekan Kecil Negeri Perak

PROJEK	BUTIRAN
Pekan Kecil Trong	<p>Komponen :</p> <ul style="list-style-type: none"> • 12 unit kedai pejabat <p>Telah siap pada Oktober 2014</p>

<p>Dataran Amanjaya Sauk</p>	<p>Komponen :</p> <ul style="list-style-type: none"> • 12 unit kedai desa • 6 unit gerai desa • Dataran <p>Telah siap sepenuhnya dan perolehi Sijil Penyiapan & Pematuhan (CCC) pada 10 Jun 2015.</p> 
<p>Pekan Kecil Ijok</p>	<p>Komponen :</p> <ul style="list-style-type: none"> • 7 unit kedai desa <p>Telah siap sepenuhnya dan perolehi Sijil Penyiapan & Pematuhan (CCC) pada 9 Julai 2015.</p> 
<p>Dataran Amanjaya Lekir</p>	<p>Komponen :</p> <ul style="list-style-type: none"> • 6 unit kedai desa • 5 unit gerai desa • Dataran <p>Dijangka siap pada tahun 2016.</p>
<p>Dataran Amanjaya Kubu Gajah</p>	<p>Komponen :</p> <ul style="list-style-type: none"> • 4 unit kedai desa • 4 unit gerai desa • Dataran <p>Dijangka siap pada tahun 2016.</p>
<p>Dataran Amanjaya G.Semanggol</p>	<p>Komponen :</p> <ul style="list-style-type: none"> • 4 unit kedai desa • 3 unit gerai desa • Dataran <p>Dijangka siap pada tahun 2016.</p>
<p>Simpang Lima</p>	<p>Komponen :</p> <ul style="list-style-type: none"> • 8 unit kedai desa • 4 unit gerai desa • Dataran <p>Dijangka siap pada tahun 2016.</p>
<p>Manong</p>	<p>Komponen :</p> <ul style="list-style-type: none"> • 4 unit kedai desa • 4 unit gerai desa • Dataran <p>Dijangka siap pada tahun 2016.</p>
<p>Lawin</p>	<p>Komponen :</p> <ul style="list-style-type: none"> • 4 unit kedai desa • 4 unit gerai desa • Dataran <p>Dijangka siap pada tahun 2016.</p>
<p>Bagan Datoh</p>	<p>Komponen :</p> <ul style="list-style-type: none"> • 4 unit kedai desa • 6 unit gerai desa • Dataran <p>Dijangka siap pada tahun 2016.</p>

Kampung Slim	Komponen :	<ul style="list-style-type: none"> • 4 unit kedai desa • 4 unit gerai desa • Dataran
	Dijangka siap pada tahun 2016.	
Bandariang	Komponen :	<ul style="list-style-type: none"> • 6 unit kedai desa • 4 unit gerai desa • Dataran
	Dijangka siap pada tahun 2016	
Temoh	Komponen :	<ul style="list-style-type: none"> • 6 unit kedai desa • 8 unit gerai desa • Dataran
	Dijangka siap pada tahun 2016.	
Changkat Jong	Komponen :	<ul style="list-style-type: none"> • 7 unit kedai desa • 4 unit gerai desa • Dataran
	Dijangka siap pada tahun 2016.	

5.0 PERANAN SEBAGAI AGENSI PEMBANGUNAN USAHAWAN

5.1 Rakan Niaga Strategik

PKNP menyediakan Skim Rakan Niaga Strategik di mana modal niaga disediakan dan PKNP juga menjadi rakan niaga strategik kepada syarikat-syarikat yang berpotensi dan berdaya maju.

Skim ‘hybrid’ ini menggabungkan pembiayaan ‘venture capital’, pelaburan konvensional dengan program mentor serta bimbingan dan nasihat yang memberi manfaat kepada usahawan dan pelabur (PKNP). Suntikan modal dilakukan melalui penerbitan saham biasa atau saham keutamaan. PKNP akan menganggotai Lembaga Pengarah syarikat berkaitan untuk berkongsi pengalaman, budaya korporat dan amalan perniagaan namun PKNP tidak terlibat secara langsung dengan operasi syarikat.

5.2 Pembangunan Usahawan & Pemasaran Produk

PKNP telah mewujudkan Unit Pengedaran Produk Industri Desa (DC) bagi membantu memasarkan produk-produk usahawan industri desa ke pasaran tempatan ke arah meningkatkan jualan dan pendapatan usahawan. Seramai 25 orang usahawan telah menyertai program ini dan 50 jenis produk telah dikumpul dan dipasarkan. Pasaran produk meliputi 30 outlet / premis perniagaan sekitar Daerah Kinta, Kuala Kangsar dan Kampar.

5.3 Sosioekonomi

PKNP sentiasa mengadakan aktiviti-aktiviti keusahawanan dengan pelbagai jabatan dan agensi kerajaan sama ada di peringkat Negeri Perak maupun Kerajaan Persekutuan. Antaranya adalah seperti berikut :



Konvensyen Program Tunas Niaga (PROTUNE)
Peringkat Negeri Perak 2015

5.3.1 Program Tunas Niaga

Program Tunas Niaga (PROTUNe) bertujuan menanamkan budaya keusahawanan di peringkat sekolah menengah serta menjadikan bidang keusahawanan ini sebagai satu kerjaya pilihan. Aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan adalah seperti berikut :

PROGRAM	TEMPAT	TARIKH	BIL. PESERTA
Taklimat kepada pengetua-pengetua sekolah peringkat Negeri Perak bagi Program Tunas Niaga	Hotel Casuarina@Meru dan Pusat Pembangunan Usahawan PKNP	2 - 3 Jul 2015	70
Program Kursus Rancangan Perniagaan, Penyediaan Laporan dan Pembubaran Syarikat kepada pelajar-pelajar dan guru-guru pembimbing Program Tunas Niaga Peringkat Negeri Perak tahun 2015	Hotel Orient Star, Lumut, Perak	4 - 6 Sept 2015	222
Kem Tunas Niaga (<i>Team Building</i>), Lawatan Bermaklumat dan Bengkel Catur Bistari bagi pelajar-pelajar sekolah peringkat Negeri Perak tahun 2015	Bukit Merah Laketown Resort, Semanggol, Perak	13 - 15 Sept 2015	216
Bengkel Persembahan Syarikat dan Catur Bistari Program Tunas Niaga Peringkat Negeri Perak 2015	Hotel Tower Regency, Ipoh	3 - 4 Okt 2015	186
Bengkel penyediaan Laporan Tahunan dan pengucapan awam kepada <i>focus group</i> , pelajar-pelajar sekolah Program Tunas Niaga Peringkat Negeri Perak 2015	Hotel Tower Regency, Ipoh	5 - 6 Nov 2015	114
Konvensyen Program Tunas Niaga (PROTUNe) Peringkat Negeri Perak	Hotel Tower Regency, Ipoh	22 - 23 Nov 2015	210

Walau bagaimanapun, Majlis Anugerah Konvensyen Program Tunas Niaga (PROTUNe) Peringkat Kebangsaan akan diadakan pada 10- 13 Mac 2016 bertempat di Aman Jaya Convention Centre, Hotel Casuarina@Meru. Antara kategori yang bakal dipertandingkan ialah Anugerah Laporan Syarikat Terbaik, Anugerah Persembahan Terbaik, Anugerah Produk Terbaik, Anugerah Perkhidmatan Terbaik, Anugerah 'Booth' Terbaik, Anugerah Syarikat PROTUNe Keseluruhan Terbaik, Anugerah Guru Pembimbing Terbaik dan Anugerah Khas PROTUNe. PROTUNe merupakan program penjenamaan semula Program Usahawan Muda (PUM).

5.3.2 Program Latihan Pembangunan Usahawan

Dalam tahun 2015, pelbagai aktiviti seperti bengkel, kursus, kelas, karnival dan program telah dijalankan bagi membantu usahawan Bumiputera mendapat


pendedahan terkini mengenai perubahan persekitaran dan peraturan semasa kerajaan.



Carta Pai Program Pembangunan Usahawan Belia Sepanjang Tahun 2015

Senarai Aktiviti Pembangunan Usahawan Sepanjang Tahun 2015

PROGRAM	ANJURAN	TEMPAT	TARIKH	BIL. PESERTA
Bengkel Pemasaran Internet	Innovasia	Pusat Pembangunan Usahawan PKNP	25 Feb 2015	600 orang
Pensijilan Halal /Mesti / Ketahanan Produk dan Pasaran Hypermarket	Jabatan Kesihatan, Jabatan Agama Islam Perak, MARDI & AEON BIG	Pusat Pembangunan Usahawan PKNP	26 Feb 2015	50 orang
Kursus Bengkel Pemasaran Internet	Innovasia	Pusat Pembangunan Usahawan PKNP	18 Mac 2015	50 orang
Kursus Keusahawanan	MITI	Pusat Pembangunan Usahawan PKNP	20 Mac 2015	50 orang
Kursus Pembungkusan Plastik	MIDA	Pusat Pembangunan Usahawan PKNP	26 Mac 2015	100 orang
Pembangunan Produk	SMECorp & PERDASAMA	Pusat Pembangunan Usahawan PKNP	19 Mei 2015	120 orang
Pembiayaan Perniagaan	Credit Guarantee Corporation	Pusat Pembangunan Usahawan PKNP	27 Mei 2015	70 orang
<i>Business Matching</i> Usahawan PKS	SMECorp, MARA, AEON BiG, Sakan	Pusat Pembangunan Usahawan PKNP	2 Jun 2015	100 orang
Hari Kraf Kebangsaan 2015	Perbadanan Kraftangan Malaysia	Kompleks Kraftangan Malaysia, Kuala Lumpur	26 Mac-6 April 2015	4 orang
Bengkel Pelan Pembangunan Wanita Bantuan Negeri Perak	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat	Pusat Pembangunan Usahawan PKNP	30 Jul 2015	60 orang
Kelas Kek Fondant	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat	Pusat Pembangunan Usahawan PKNP	8 Sept 2015	60 orang
<i>Public-Private Research Network</i> untuk PKS Perak	Universiti Pendidikan Sultan Idris	Pusat Pembangunan Usahawan PKNP	14 Sept 2015	100 orang
Keusahawanan	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat	Pusat Pembangunan Usahawan PKNP	1 Okt 2015	100 orang
Pertandingan Inovasi & Reka Bentuk Seramik, Kolaborasi PKNP dan UiTM	Universiti Teknologi MARA (UiTM), Seri Iskandar	Pusat Pembangunan Usahawan PKNP	11 Nov 2015	80 orang
Karnival Kemahiran dan Keusahawanan Peringkat Negeri Perak	Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kerajaan Negeri dan Bahagian Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN)	RTC Gopeng	14 & 15 Nov 2015	1000 orang
Satu Daerah Satu Industri (SDSI)		MITC, Ayer Keroh, Melaka	3-6 Dis 2015	20 orang
Bangkok Halal Assembly 2015		Queen Sirikit National Convention Center (QSNCC) Bangkok, Thailand	25-27 Dis 2015	5 orang



Carta Pai Program Pembangunan Usahawan Sepanjang Tahun 2015

5.3 Galeri Program Pembangunan Usahawan Sepanjang 2015

Konvensyen Program Tunas Niaga (PROTUNe) Peringkat Negeri Perak 2015 di Hotel Tower Regency, Ipoh

22 - 23 November 2015



Program Keusahawanan Belia-Tube Anjuran SMECorp di Pusat Pembangunan Usahawan PKNP

19 Mei 2015



Program Kursus Keusahawanan Bersama Jabatan Kesihatan Negeri Perak, Jabatan Agama Islam Negeri Perak dan MARDI di Pusat Pembangunan Usahawan PKNP

26 Feb 2015



Hari Kraf Kebangsaan 2015 di Kompleks Kraftangan Malaysia, Kuala Lumpur

26 Mac - 6 April 2015



Pertandingan Inovasi dan Reka Bentuk Seramik,
Kolaborasi PKNP dan UiTM Seri Iskandar, Perak di
Pusat Pembangunan Usahawan PKNP

11 Nov 2015



Bangkok Halal Assembly di Queen Sirikit National Convention Center (QSNCC), Bangkok, Thailand

25 - 27 Dis 2015



6.0 PERANAN SEBAGAI PEMEGANG AMANAH

Selaras dengan peranannya sebagai pemegang amanah, Kumpulan PKNP akan terus berperanan untuk memegang dan menambah nilai aset perniagaan sehingga ia berupaya diuruskan dan diambilalih masyarakat perniagaan Bumiputera di masa hadapan. Sehingga tahun 2015, Kumpulan PKNP masih mempunyai pegangan dalam Perak Corporation Berhad, Majuperak Holdings Berhad dan Seacera tetapi telah melupuskan pegangan di dalam Integrax Berhad.

Kuota Bumiputera dengan nisbah sebanyak 77% dalam projek-projek pembangunan Kumpulan PKNP dan 50% dalam projek-projek komersil masih dikekalkan. Bumiputera yang berkelayakan tetap diberi keutamaan dalam projek-projek pembangunan yang sedang dan bakal dilaksanakan.

7.0 PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL (CSR) KUMPULAN PKNP

JANUARI

2

Bantuan keperluan asas kepada mangsa banjir di Kuala Kangsar, Kg Gajah dan Parit sebanyak RM103,067.

FEBRUARI

24

Sumbangan kepada *The Malay College Old Boys Association (MCOBA)* sempena 5th MCKK Premier Sevens Rugby Tournament 2015 sebanyak RM10,000.

MAC

19

Sumbangan penajaan Kejohanan Hoki Antarabangsa Piala Sultan Azlan Shah ke-24 sebanyak RM100,000.

APRIL

14

Sumbangan kepada Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) SMK Batu 4, Gerik bagi pasukan kompong sebanyak RM5,000.

15

Sumbangan kepada Majlis Sukan Negeri Perak sempena persiapan dan pemilihan pasukan boling MAKSAK 2015 sebanyak RM10,000.

MEI

Tiada

JUN

4

Sumbangan kepada Kelab PETANDA Pejabat Tanah dan Daerah Lenggong bagi penganjuran sukan 3 penjuru sebanyak RM2,000.

4

Sumbangan Program Ihyā' Ramadhan 1436H kepada Pertubuhan Kebajikan dan Dakwah Masyarakat Orang Asli di Kg. Orang Asli, Simpang Pulai sebanyak RM5,000.

JULAI

1

Sumbangan kepada Persatuan Bolasepak Perak (PAFA) bagi saingan Liga M 2015 sebanyak RM500,000.

3

Pembelian van jenazah untuk Masjid Al Ansar, Bandar Meru Raya yang bernilai RM100,000.

7

Majlis Berbuka Puasa bersama anak-anak yatim di Rumah Anak Yatim Budi Mulia Nurul Huda di Tanah Hitam, Chemor.

8

Sumbangan kepada Masjid Jamek, Kamunting, Taiping.

10

Program ‘Moh Kite Beli Baju Raya’ oleh Kelab Warga Kumpulan PKNP sempena sambutan Aidilfitri untuk 51 orang anak yatim dari Yayasan Amanah An-Nur Maisarah, Chemor di Kompleks Megoplex, Medan Gopeng, Ipoh.

30

Sumbangan kepada Lembaga Muzium Negeri Perak sempena Sambutan Hari Muzium Antragangsa Peringkat Kebangsaan 2015 sebanyak RM10,000.

OGOS

- 5** Sumbangan Tabung Pendidikan 1 Bilion (TP1B) Universiti Teknologi Mara (UiTM) sebanyak RM10,000.
- 11** Sumbangan kepada Kelab Sukan dan Kebajikan, Kehakiman dan Perundangan Negeri Perak sempena penganjuran Karnival Sukan Mahkamah Malaysia 2015 sebanyak RM5,000.
- 21** Sumbangan Kempen Tabung Pahlawan Peringkat Negeri Perak sebanyak RM10,000.

SEPTEMBER

- 2** Sumbangan penajaan Kejohanan Golf sempena Pertabalan DYMM Paduka Seri Sultan Perak XXXV anjuran Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota Kerajaan (MAKSAK) Negeri Perak sebanyak RM20,000.
- 9** Sumbangan kepada Kesatuan Ragbi Perak bagi Kejohanan Ragbi Kebangsaan Piala Agong 2015 sebanyak RM20,000.
- 17** Sumbangan kepada program *Batu Kurau International Mountain Bike Challenge 2015* dan *Trail Run 2015* anjuran Ummah Synergy Venture sebanyak RM5,000.
- 17** Sumbangan Korban Perdana 2015 kepada Yayasan Kemajuan Islam Darul Ridzuan sebanyak RM80,000.

OKTOBER

- 6** Sumbangan kepada Majlis Perbandaran Taiping (MPT) bagi Program Cinta Rasul sempena Hari Perbandaran MPT sebanyak RM20,000.
- 13** Sumbangan penajaan *Pangkor International Development Dialogue (PIDD) 2015* sebanyak RM100,000.

NOVEMBER

Tiada

DISEMBER

- 16** Sumbangan kepada Yayasan Bina Upaya sebanyak RM200,000.
- 16** Sumbangan penajaan Hari Audit 1Malaysia sebanyak RM12,460.
- 22** Sumbangan kepada Kelab Sukan dan Rekreasi Komuniti Sungai Siput sempena Program Kayuhan Mesra sebanyak RM1,500.

8.0 LAPORAN PRESTASI KEWANGAN


Secara keseluruhan dalam tahun 2015, Kumpulan PKNP telah mencatatkan pendapatan sebanyak RM168.9 juta, penurunan sebanyak 24% jika dibandingkan dengan tahun sebelumnya (2014 : RM221.3 juta) berikutan pendapatan yang agak perlahan ekoran dari projek-projek yang masih di dalam fasa pembinaan. Walaupun demikian, Kumpulan mencatatkan peningkatan 44% ke atas keuntungan sebelum cukai sebanyak RM102.3 juta (2014 : RM71.0 juta) yang sebahagian besarnya disumbang oleh perolehan dari pelupusan saham Integrax Berhad. Kesan pelupusan saham ini juga memberi impak kepada penurunan jumlah aset dan aset bersih Kumpulan bagi tahun 2015. Segmen pembangunan harta tanah, penyewaan, perkhidmatan pengurusan, pelabuhan dan logistik serta hospitaliti dan pelancongan antara aktiviti utama menyumbang kepada pendapatan Kumpulan PKNP.

Kumpulan Perak Corporation Berhad masih kekal sebagai penyumbang tertinggi bagi pendapatan Kumpulan PKNP dengan menyumbang sekitar 72% daripada hasil keseluruhan Kumpulan dalam tempoh tersebut. Secara

dasarnya, pelabuhan dan logistik menyumbang sekitar 54% daripada keseluruhan jumlah pendapatan Kumpulan PKNP dengan peningkatan keuntungan sebanyak 21% daripada tahun sebelumnya.

Bagi tempoh kewangan tersebut, Perbadanan telah memperolehi pendapatan sebanyak RM31.5 juta dan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM10.6 juta berbanding pendapatan sebanyak RM24.6 juta dengan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM3.9 juta pada tahun 2014. Keuntungan selepas cukai dicatatkan sebanyak RM7.9 juta berbanding RM2.0 juta yang dicapai dalam tahun sebelumnya.

Carta Pai
Laporan Kewangan Kumpulan
2014-2015



Laporan Kewangan Untuk Tempoh 2011-2015

Kumpulan	2015	2014	2013	2012	2011
	RM juta				
Pendapatan	168.9	221.3	210.8	226.8	246.5
Keuntungan Sebelum Cukai	102.3	71.0	36.5	66.4	83.3
Keuntungan Selepas Cukai	81.2	48.1	18.2	49.8	48.9
Jumlah Aset	1,271.4	1,362.3	1,375.1	1,675.9	1,622.0
Aset Bersih	1,009.1	1,030.9	1,031.3	1,028.6	991.1


Perbadanan	2015	2014	2013	2012	2011
	RM juta				
Pendapatan	31.5	24.6	45.7	24.2	74.9
Keuntungan Sebelum Cukai	10.6	3.9	(174.5)	0.5	33.7
Keuntungan Selepas Cukai	7.9	2.0	(175.1)	6.9	17.1
Jumlah Aset	580.6	581.3	597.2	778.4	768.5
Aset Bersih	442.8	475.9	481.3	657.4	647.8

9.0 LAPORAN SUMBER MANUSIA

9.1 Status Modal Insan Peringkat Kumpulan dan PKNP

Bagi tahun 2015, Kumpulan PKNP telah melaksanakan urusan sumber manusia dengan lebih berhemah dan dijangka akan terus berbuat demikian terutama dalam urusan pengambilan pekerja selaras dengan pelan strategik perniagaan syarikat. Sehingga tahun berakhir 31 Disember 2015, status modal insan peringkat Kumpulan dan PKNP adalah seramai 447 orang. Pecahan mengikut syarikat dalam Kumpulan PKNP adalah seperti berikut :

JABATAN / SYARIKAT	WARGA KERJA (ORANG)
Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP)	151
Majuperak Holdings Berhad (MHB)	42
Perak Corporation Berhad (PCB)	135
Perak Industrial Resources Sdn Bhd (PIRSB)	49
Perak Halal Corporation Sdn Bhd (PHCSB)	11
Star Career Sdn Bhd	51
Perak Investment Management Centre (PIMC)	8
JUMLAH	447



Carta Pai Pecahan Pekerja Mengikut Syarikat Dalam Perbadanan Kemajuan Negeri Perak

9.2 Program-Program Pengukuhan Modal Insan 2015

Pihak pengurusan Kumpulan PKNP juga turut komited untuk meneruskan usaha pengukuhan modal insan bagi membentuk budaya kerja berprestasi tinggi di kalangan warga kerja Kumpulan PKNP. Tahun 2015 memfokuskan kepada pelaksanaan program-program pembudayaan dan penerapan nilai-nilai korporat Kumpulan PKNP iaitu ***Think Big, Entrepreneurship, Stakeholder Success, Outcome Oriented*** dan ***Risk Taking*** di bawah platform Program Transformasi Budaya (CTP) dengan tagline '***'Moh Kite, Change The Landscape'***'.

Divisyen Pengurusan Modal Insan Strategik telah mengendalikan program-program berikut bagi sepanjang tahun 2015 :

JENIS PROGRAM / KURSUS	TEMPAT	TARIKH	BIL. PESERTA
Program CTP : Strategize & Internalize	Hotel Casuarina@Meru, Ipoh	17-18 Feb 2015	35
Program CTP : Plan & Design ECI	Hotel Casuarina@Meru, Ipoh	23 Feb 2015	35
Program CTP : CTP Coaching	Hotel Casuarina@Meru	4-5 Mac 2015	35
Program CTP : Culture Internalization Siri I	Hotel Tower Regency, Ipoh	18-19 Mac 2015	90
Program CTP : Culture Internalization Siri II	Hotel Tower Regency, Ipoh	23-24 Mac 2015	90
Program CTP : Culture Internalization Siri III	Hotel Tower Regency, Ipoh	25-26 Mac 2015	90
Program CTP : Culture Internalization Siri IV	Hotel Tower Regency, Ipoh	30-31 Mac 2015	90
Program CTP : Culture Internalization Siri V	Hotel Tower Regency, Ipoh	1-2 Apr 2015	90
Program CTP : Culture Internalization Siri VI	Hotel Casuarina@Meru, Ipoh	7-8 Apr 2015	90
Program CTP : CTP Supervising	Hotel Casuarina@Meru, Ipoh	13 Apr 2015	35

Tahun 2015 juga menyaksikan pembentukan satu jawatankuasa pemandu yang dikenali sebagai Jawatankuasa Sekretariat CTP sebagai badan yang bertanggungjawab untuk melaksanakan inisiatif-inisiatif dan memantau keseluruhan perjalanan program ini.

Inisiatif yang telah dilaksanakan di bawah Jawatankuasa Sekretariat CTP

INISIATIF PROGRAM CTP	TEMPAT	TARIKH	OBJEKTIF
Program <i>Talk</i> : Perkongsian Pengalaman Transformasi Korporat Cemerlang	Hotel Casuarina @Meru, Ipoh	17-18 Feb 2015	Berkongsi idea dan pengalaman melalui fasa transformasi budaya dalam organisasi bersama mantan Ketua Eksekutif <i>JCorp</i> , Tan Sri Muhammad Ali Hashim
Aktiviti <i>Morning Briefing</i>	Divisyen / Bahagian	2 kali dalam tempoh 1 bulan	Berkongsi pandangan bersama <i>Champions</i> dan mengupas tentang nilai-nilai korporat untuk lebih difahami dan dihayati
<i>CTP Forum with Champions</i>	Bilik Seminar, Pusat Pembangunan Usahawan PKNP	19 Nov 2015	Sesi percambahan idea di kalangan <i>Champions</i> bagi memastikan inisiatif yang diwujudkan dilaksanakan di peringkat divisyen / bahagian
Lawatan Kerja ke Johor Corporation (<i>JCorp</i>)		5 - 6 Ogos 2015	Membuat lawatan <i>benchmarking</i> ke <i>JCorp</i> yang dipilih sebagai organisasi / jabatan penanda aras (<i>KPI</i>) program transformasi budaya
Penyerahan produk promosi CTP <ul style="list-style-type: none"> • <i>Mug</i> • <i>Non-Woven Bag</i> • <i>Picture Frame</i> • <i>Mafla</i> • <i>Bunting</i> 		10 Okt 2015 (Secara berkala)	Memupuk kesedaran tentang nilai-nilai korporat Kumpulan PKNP serta program CTP ' <i>Moh Kite, Change The Lanscape</i> '

Bagi mengukur keberkesanan dan mengesan perubahan yang signifikan terhadap budaya kerja Kumpulan PKNP, satu alat pengukuran *Employees Commitment Index (ECI)* digunakan untuk mengukur tahap komitmen warga kerja dalam membudayakan nilai korporat semasa melaksanakan tugas. *ECI* kali ke-2 telah dilaksanakan pada September 2015 dan

terdapat peningkatan yang positif daripada skor 7.29 (Mac 2015) kepada skor 7.68.

Kumpulan PKNP juga amat menitikberatkan pembelajaran berterusan bagi memperkuuhkan modal insan dengan mengadakan program-program latihan dalaman dan luaran yang bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran warga

kerja mengikut fungsi dan tanggungjawab yang telah diamanahkan. Antara program-program latihan yang telah dijalankan bagi sepanjang tahun 2015 adalah seperti berikut :

PROGRAM / KURSUS	TEMPAT	TARIKH	BIL. PESERTA
Bengkel Cukai Barang & Perkhidmatan	Hotel Casuarina@Meru, Ipoh	2-3 Mac 2015	35
Kursus Urus Ketenangan Hati : Pengurusan Stress dan Konflik di Tempat Kerja Siri I	Hotel Casuarina@Meru, Ipoh	27-28 Mei 2015	25
Kursus Urus Ketenangan Hati : Pengurusan Stress dan Konflik di Tempat Kerja Siri II	Hotel Casuarina@Meru, Ipoh	3-4 Jun 2015	25
Kursus Managing <i>Misconduct & Poor Performance at the Workplace</i>	Hotel Tower Regency, Ipoh	26-27 Okt 2015	25
Kursus <i>Transformational Leadership</i>	Hotel Casuarina@Meru, Ipoh	23-24 Nov 2015	25
<i>Sales Excellence Training</i>	Hotel Tower Regency, Ipoh	21-22 Dis 2015	25

Dalam pada itu juga, pada tahun 2015 pihak pengurusan Kumpulan PKNP telah melancarkan program Pelan Induk Pembangunan Kompetensi yang menggunakan kapakaran daripada Lighthouse International Consulting Sdn. Bhd. bagi membangunkan **Model Kompetensi Kumpulan PKNP** yang berteraskan sifat-sifat Rasulullah SAW iaitu **Siddiq (Truthful), Amanah (Trustworthy), Tabligh (Conveyance) dan Fathonah (Wisdom)**. Kompetensi ini akan dijadikan sebagai panduan untuk mengukur dan mengenalpasti jurang kompetensi dengan lebih efektif dan efisien seterusnya meningkatkan kompetensi individu dengan menawarkan kursus-kursus dan program intervensi yang sesuai berdasarkan pelan pembangunan individu.

Pengarah PKNP telah bersidang sebanyak 4 kali bagi tahun 2015 berdasarkan kepada perkara-perkara yang telah ditetapkan oleh mesyuarat.



10.0 LAPORAN AKAUNTABILITI DAN PEMATUHAN

PKNP menunjukkan prestasi yang cemerlang apabila mendapat penarafan 5 bintang bagi Pengauditan Pengurusan Kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti tahun 2015. Ia merupakan satu pencapaian yang membanggakan dan PKNP akan terus berusaha untuk mengekalkan prestasi baik ini. Mesyuarat Lembaga



Laporan Program Kebajikan Pekerja Melalui Kelab Warga Kumpulan PKNP

Aktiviti-aktiviti warga kerja PKNP secara berkumpulan terus diperlakukan sebagai usaha merapatkan ukhuwah di kalangan warga.

Aktiviti Yang Telah Dijalankan Sepanjang 2015

Berbagai aktiviti telah dilaksanakan oleh AJK Induk Kelab Warga Kumpulan PKNP sepanjang 2015 melalui Biro Sukan, Biro Dakwah, Biro Kebajikan, Biro Hal Ehwal Wanita dan Biro Sosial. Kumpulan PKNP telah menyumbangkan sebanyak RM345,000.00 melalui Kelab Warga bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti tahunan. Aktiviti yang telah dijalankan adalah seperti berikut:

BULAN	BIRO SUKAN	BIRO DAKWAH	BIRO KEBAJIKAN	BIRO HAL EHWAL WANITA
JAN	31 <ul style="list-style-type: none"> Perasmian Rumah Kelab/Pelancaran SUKUMP 2015 SUKUMP <ul style="list-style-type: none"> - Sukan Rakyat - Karom 	<u>Jumaat Minggu 1</u> <ul style="list-style-type: none"> Bacaan Yassin <u>Jumaat Minggu 2/3</u> <ul style="list-style-type: none"> Majlis Ilmu 	<ul style="list-style-type: none"> Sumbangan kepada Ahli <ul style="list-style-type: none"> - Kematian - Perkahwinan - Kemasukan Hospital - Berkhatan - Kelahiran anak 	31 <ul style="list-style-type: none"> Pertandingan Memasak Gubahan Tuala Gubahan Bunga
FEB		<u>Jumaat Minggu 1</u> <ul style="list-style-type: none"> Bacaan Yassin <u>Jumaat Minggu 2/3</u> <ul style="list-style-type: none"> Majlis Ilmu 	<ul style="list-style-type: none"> Sumbangan kepada Ahli 	27 <ul style="list-style-type: none"> Menziarah Ahli Kelab yang uzur
MAC	7 <ul style="list-style-type: none"> SUKUMP <ul style="list-style-type: none"> - Badminton 21 <ul style="list-style-type: none"> SUKUMP <ul style="list-style-type: none"> - Bowling 28 <ul style="list-style-type: none"> SUKUMP <ul style="list-style-type: none"> - Memancing 	<u>Jumaat Minggu 1</u> <ul style="list-style-type: none"> Bacaan Yassin <u>Jumaat Minggu 2/3</u> <ul style="list-style-type: none"> Majlis Ilmu 	<ul style="list-style-type: none"> Sumbangan kepada Ahli 	2 <ul style="list-style-type: none"> Menziarah Ahli Kelab yang uzur
APR	11 <ul style="list-style-type: none"> SUKUMP <ul style="list-style-type: none"> - Ping Pong 18 <ul style="list-style-type: none"> SUKUMP <ul style="list-style-type: none"> - Golf 	<u>Jumaat Minggu 1</u> <ul style="list-style-type: none"> Bacaan Yassin <u>Jumaat Minggu 2/3</u> <ul style="list-style-type: none"> Majlis Ilmu 	<ul style="list-style-type: none"> Sumbangan kepada Ahli 	31 <ul style="list-style-type: none"> Pertandingan Memasak Gubahan Tuala Gubahan Bunga

MEI	9 • SUKUMP - Hoki	23 • Kursus Ibadah Haji dan Umrah <u>Jumaat Minggu 1</u> • Bacaan Yassin <u>Jumaat Minggu 2/3</u> • Majlis Ilmu	21 • Penyampaian Hadiah Pelajaran UPSR, PT3, SPM & STPM pada Hari Mesyuarat Agong Kelab ke 41 • Sumbangan kepada Ahli	21 • Menyediakan ‘door gift’ untuk Mesyuarat Agong Tahunan ke 41
	13 • Penutup SUKUMP 2015 • SUKUMP - Futsal - Bola Jaring - Sepak Raga Ratus	25 • Solat Terawih dan Tazkirah 30 • Solat Terawih dan Tazkirah <u>Jumaat Minggu 1</u> • Bacaan Yassin	• Sumbangan kepada Ahli	
JUN		<u>Jumaat Minggu 1</u> • Bacaan Yassin <u>Jumaat Minggu 2/3</u> • Majlis Ilmu • Kursus Ibadah Haji dan Umrah	7 • Majlis berbuka puasa bersama Anak-anak yatim 10 • Program membeli baju Hari Raya untuk anak-anak yatim	1-3 • Program Bazaar Hari Raya 2015
JUL		16 • Kursus Ibadah Haji dan Umrah <u>Jumaat Minggu 1</u> • Bacaan Yassin	• Sumbangan kepada Ahli	
OGOS		<u>Jumaat Minggu 1</u> • Bacaan Yassin	• Sumbangan kepada Ahli	
SEP		<u>Jumaat Minggu 1</u> • Bacaan Yassin	• Sumbangan kepada Ahli	
OKT		<u>Jumaat Minggu 1</u> • Bacaan Yassin	• Sumbangan kepada Ahli	
NOV		<u>Jumaat Minggu 1</u> • Bacaan Yassin	• Sumbangan kepada Ahli	
DIS		<u>Jumaat Minggu 1</u> • Bacaan Yassin	15 • Program membeli baju sekolah anak-anak warga PKNP	

11.0 PROSPEK MASA DEPAN

Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10) telah melabuhkan tirainya pada penghujung akhir tahun 2015 yang lalu. Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11) telah bermula dari tahun 2016 sehingga 2020.

RMK-11 adalah sangat penting memandangkan rancangan ini merupakan rancangan lima tahun terakhir sebelum Malaysia mencapai status negara maju dan inklusif selaras dengan Wawasan 2020. Pelan ini dirangka dengan rakyat sebagai fokus utama bagi semua usaha pembangunan untuk meningkatkan taraf hidup dan martabat serta potensi rakyat untuk menyertai aktiviti ekonomi dan menikmati kekayaan negara. RMK-11 akan membolehkan Malaysia melangkah maju ke hadapan dengan memberi penekanan kepada dasar ekonomi makro yang mantap, aspek inklusiviti supaya tiada rakyat Malaysia yang terpinggir, kesejahteraan rakyat yang lebih baik, modal insan yang berkemahiran tinggi, pertumbuhan mampan dan hijau, infrastruktur yang dapat menyokong pertumbuhan ekonomi serta perkhidmatan awam yang berpaksikan rakyat dan berproduktiviti tinggi. Penekanan ini akan memastikan semua rakyat tanpa mengira gender, etnik, status sosio ekonomi dan lokasi dapat hidup dalam masyarakat yang benar-benar harmoni dan progresif selaras dengan ciri-ciri negara maju dan inklusif.

YAB Dato' Seri Diraja Dr Zambry Bin Abd Kadir selaku Menteri Besar Perak berkata walaupun Negeri Perak mengalami defisit yang kecil berbanding tahun lalu, Bajet 2016 Negeri Perak masih memberi penekanan kepada tujuh aspek utama iaitu :

- memperkasakan pertumbuhan ekonomi
- memantapkan urus tadbir
- mengupayakan pendidikan, modal insan, potensi generasi muda dan wanita

- memperteguhkan integrasi dan keharmonian
- pengukuhan jaringan infrastruktur
- mensejahterakan kehidupan rakyat
- bertindak menyemarakkan syariat

Pada pembentangan Bajet 2016, Kerajaan Negeri memperuntukkan RM397.44 juta bagi tujuan pembangunan iaitu pertambahan sebanyak RM54.73 juta atau 15.97% berbanding tahun 2015.

Inflasi akan kekal stabil pada dua hingga tiga peratus pada 2016 (2015 : 2.0 - 2.5%). Pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) yang diperkenalkan dijangka berjumlah RM39 bilion pada 2016 (3.1% Keluaran Dalam Negara Kasar). Kutipan GST dianggarkan berjumlah RM27 bilion mulai April 2015. KDNK Malaysia dijangka kekal dengan pertumbuhan antara 4.0% hingga 5.0% (2015: 4.5%-5.5%). Permintaan domestik dengan perbelanjaan swasta akan terus menjadi pemacu utama kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia.

Walaupun iklim ekonomi kurang menentu namun pada tahun hadapan dijangka kembali pulih dengan mengharapkan pertumbuhan lebih baik akan berlaku pada tahun mendatang.

Dalam usaha memperkasakan pertumbuhan ekonomi, Kumpulan PKNP akan meneruskan cadangan pembangunan yang telah dirancang sebelum ini. Pelaksanaan inisiatif Pembangunan Wilayah Perak Selatan (WPS) merupakan satu inisiatif Kerajaan Negeri melalui PKNP dalam merancang dan melaksanakan projek-projek berskala besar '*High Impact Project*' di Daerah Hilir Perak, Bagan Datoh, Batang Padang dan Daerah Muallim. Projek-projek '*High Impact*' yang dirancang yang mana sebahagian darinya telah memulakan ke arah inisiatif awal untuk dilaksanakan adalah meliputi pembangunan dalam sektor



Lakaran artis : Rumah Bot Casuarina @ Temenggor 2



Hartanah, Bandar Baru, Hospitaliti dan Pelancongan, Industri dan Infrastruktur. Antara pembangunan yang akan dimasukkan dalam perancangan Pelan Pembangunan Wilayah Perak Selatan (WPS) adalah Pembangunan Pelabuhan dan Industri Berat Bagan Datoh (*PHIP - Perak Heavy Industrial Park*), Bandar Pelabuhan Rungkup, Pembangunan Casuarina Resort@Tanjung Malim, Ulu Slim *Wellness Resort* dan *1Malaysia Youth City* di Tanjung Malim. Perancangan pembangunan ini juga selaras dengan kelulusan Kerajaan Persekutuan bagi penubuhan daerah baru iaitu Daerah Muallim dan Daerah Bagan Datoh.

PKNP juga sedang dalam proses terakhir untuk menyiapkan projek *Movie Animation Park Studio (MAPS)* di Meru Raya yang dijangka akan siap dan beroperasi pada bulan Disember 2016. Projek *MAPS* ini juga bakal dilengkapi dengan pembangunan Taman Tema Air, '*Theme Park Hotel*', Restoran Rumah Tradisional Melayu dan Taman Awam Bulatan 18 di kawasan sekitarnya yang seluas lebih kurang 93 ekar.

Tumpuan utama juga diberikan kepada pembangunan rumah mampu milik, meningkatkan prasarana dan pembasmian kemiskinan. PKNP terlibat dalam pembinaan rumah mampu milik dan pelaksanaan pembangunan semula pekan-pekan kecil di seluruh Negeri Perak. Pembangunan projek-projek ini akan diteruskan pelaksanaannya sehingga mencapai sasaran 41 pekan

kecil dan 10,000 unit rumah mampu milik menjelang tahun 2018. Usaha-usaha ini dibuat demi untuk meningkatkan prasarana dan mensejahterakan kehidupan rakyat.

Pembangunan ini akan merancakkan lagi pertumbuhan ekonomi Negeri Perak di samping berupaya meningkatkan taraf hidup rakyat setempat khasnya dan penduduk Negeri Perak amnya.

12.0 PENGHARGAAN

Saya bagi pihak PKNP mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan terutamanya kepada YAB Pengurus dan seluruh Ahli Lembaga Pengarah Kumpulan PKNP yang telah memberi sokongan terhadap usaha-usaha memantapkan hala tuju serta aktiviti-aktiviti yang sedang dan bakal dilaksanakan di bawah panji Kumpulan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak.

Saya juga ingin merakamkan terima kasih khususnya kepada ketua-ketua jabatan, rakan-rakan kongsi, pembekal-pembekal, institusi perbankan dan pelanggan-pelanggan serta rakyat Negeri Perak amnya di atas sokongan yang berterusan. Semoga kerjasama ini bertambah padu dan memberi manfaat untuk semua di masa depan. Insya Allah. Wassalam.

DATO' AMINUDDIN BIN MD. DESA

Ketua Eksekutif

Kumpulan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak



DIARI KORPORAT 2015

JANUARI

2 Jan

Bantuan Kepada Mangsa Banjir



Tan Sri Dr. Mohd. Irwan Siregar Abdullah, Ketua Setiausaha Perbendaharaan bersama Kumpulan PKNP mengadakan lawatan ke kawasan banjir di Kuala Kangsar, Kg Gajah dan Parit.

29 Jan

Perutusan Ketua Eksekutif Kumpulan PKNP 2015



YBhg. Dato' Aminuddin Bin Md. Desa, Ketua Eksekutif Kumpulan PKNP menyeru warga kerja Kumpulan PKNP supaya lebih komited, bertanggungjawab dan mengamalkan budaya kerja berpasukan dengan menerapkan nilai-nilai kerja positif.

31 Jan

Sukan Kumpulan (SUKUMP) PKNP 2015



Majlis Perasmian SUKUMP PKNP 2015 oleh YBhg. Dato' Aminuddin Bin Md. Desa, Ketua Eksekutif Kumpulan PKNP telah diadakan di Rumah Kelab Kumpulan PKNP. Beliau turut menyaksikan beberapa perlawanan SUKUMP antara empat pasukan yang bertanding iaitu Dato' Maharajalela (Rumah Kuning), Dato' Sagor (Rumah Merah), Megat Terawis (Rumah Biru) dan Tun Saban (Rumah Hijau).

FEBRUARI

25-26 Feb Seminar Keusahawanan



Bengkel Pemasaran Internet Innovasia telah diadakan di Dewan Seminar, Pusat Pembangunan Usahawan PKNP bagi membimbing Peniaga-Peniaga Kecil dan Sederhana Bumiputera untuk membina platform serta memulakan pemasaran produk dan perkhidmatan melalui internet.

MAC

7 Mac

Pertandingan Badminton SUKUMP 2015



Pasukan Megat Terawis, Juara Badminton SUKUMP 2015

Perlawanan Badminton SUKUMP 2015 telah diadakan di Akademi Badminton, Meru Raya yang menyaksikan persaingan sengit antara empat buah rumah sukan. Pasukan Megat Terawis telah muncul sebagai juara.

21 Mac

Pertandingan Boling SUKUMP 2015



Ketua Eksekutif Merasmikan SUKUMP 2015

Pertandingan Boling SUKUMP 2015 telah diadakan di Ole Ole Bowl di Pasar Raya Besar Mydin, Meru Raya. Juara keseluruhan telah dimenangi oleh pasukan Tun Saban.

28 Mac

Pertandingan Memancing SUKUMP 2015



Peserta Pertandingan Memancing SUKUMP 2015

Pertandingan Memancing SUKUMP 2015 telah diadakan di Kolam Hospital Bahagia, Tanjung Rambutan. Pasukan Tun Saban menjuarai pertandingan ini.

APRIL

11 Apr

Pertandingan Golf SUKUMP 2015



Peserta rumah Dato' Maharajalela membuat pukulan 'Hole in One'

Kejohanan Golf SUKUMP 2015 di Kelab Golf Meru Valley. Pasukan Dato' Sagor telah memenangi kejohanan tersebut.

MEI

3 - 17 Mei

Istiadat Pertabalan DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan XXXV, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah



Gambar-gambar sepanjang Istiadat Pertabalan DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan XXXV

Kumpulan PKNP diberi mandat untuk menyelaras Jawatankuasa Kecil Penginapan sepanjang istiadat ini berlangsung. Seramai 96 orang warga kerja Kumpulan PKNP terlibat sepanjang istiadat tersebut berlangsung.



Gambar-gambar sepanjang Istiadat Pertabalan DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan XXXV

19 Mei

Majlis Perasmian Rumahku Amanjaya



YAB Menteri Besar Perak Ketika Menyampaikan Ucapan Semasa Majlis Perasmian Rumahku Amanjaya

Majlis Perasmian Rumahku Amanjaya telah dirasmikan oleh YAB Dato' Seri DiRaja Dr. Zambry Bin Abd. Kadir, Menteri Besar Perak. Ini bertepatan dengan matlamat Kerajaan Negeri untuk menyediakan rumah mampu milik kepada golongan Bumiputera berpendapatan rendah dan sederhana di Bandar Meru Raya.

Kumpulan PKNP telah mengenal pasti 2 buah syarikat di bawah program Pembangunan Usahawan Bumiputera iaitu D'Aman Residensi Sdn. Bhd. dan Gelombang Prestasi Sdn. Bhd. Kedua-dua projek ini terletak di Zon 3C dan Zon 7, Bandar Meru Raya.

Turut hadir dalam majlis perasmian ini ialah YBhg. Dato' Aminuddin Bin Md. Desa, Ketua Eksekutif Kumpulan PKNP, YB Datuk Aminuddin Bin Md. Hanafiah, Pengurus Jawatankuasa Lembaga Perumahan Mampu Milik Negeri, YB Dato' Mohammad Zahir Bin Abdul Khalid, Pengurus Jawatankuasa Industri, Pelaburan dan Pembangunan Koridor Negeri Perak dan YB Dato' Haji Saarani Mohamad, Pengurus Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Pertanian, Perladangan, Penerangan dan Pembangunan Modal Insan.

27 - 28 Mei

Program Pengurusan Stress dan Konflik di Tempat Kerja (Sesi 1)



Kursus menghadapi tekanan dan konflik di tempat kerja telah diadakan di Hotel Casuarina@Meru yang telah disertai oleh 45 orang warga kerja Kumpulan PKNP.

Kursus ini bertujuan untuk memberi kefahaman tentang makna tekanan dan kemarahan, kesannya kepada prestasi kerja dan peribadi serta kepentingan menguruskan tekanan dengan berkesan.

30 Mei

Kejohanan Hoki SUKUMP 2015



Pasukan Dato' Maharajalela Iwn Pasukan Dato' Sagor

Perlawanan hoki SUKUMP 2015 bertempat di Rumah Kelab Kumpulan PKNP. Pasukan Dato' Maharajalela memenangi perlawanan tersebut.

JUN

3 - 4 Jun

Program Pengurusan Tekanan dan Konflik di Tempat Kerja (Sesi 2)



Para peserta ketika sesi latihan kursus

Lanjutan daripada Sesi 1 yang diadakan pada 27 Mei 2015, para peserta telah diberi pendedahan mengenai teknik relaksasi serta cara menangani tekanan dengan mudah.

12 Jun

Mesyuarat Agung Tahunan Majuperak Holdings Berhad



Barisan Ahli Lembaga Pengarah Majuperak Holdings Berhad

Mesyuarat Agung Tahunan Majuperak Holdings Berhad telah diadakan di Pusat Konvensyen Amanjaya, Hotel Casuarina@Meru. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri Dato' Seri Megat Najmuddin Bin Datuk Seri Dr. Megat Khas, Penggerusi Majuperak Holding Berhad.

13 Jun

Majlis Penutup SUKUMP 2015



Pasukan Dato' Maharajalela, Juara Pertandingan Bola Jaring

Tiga perlawanan akhir telah diadakan sebelum Majlis Penutup SUKUMP 2015 di Rumah Kelab Kumpulan PKNP. Acara yang dipertandingkan adalah sepak raga ratus, futsal dan bola jaring. Pasukan Dato' Sagor muncul juara keseluruhan diikuti Tun Saban sebagai Naib Johan dan Megat Terawis di tempat ketiga.

15 Jun

Mesyuarat Agung Tahunan Perak Corporation Berhad (PCB)



Barisan Ahli Lembaga Pengarah Perak Corporation Berhad

Mesyuarat Agung Tahunan Perak Corporation Berhad telah diadakan di Pusat Konvensyen Amanjaya, Hotel Casuarina@Meru. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh YB Dato' Nasarudin Bin Hashim, Penggerusi PCB.

16 Jun

Majlis Menandatangani Kontrak bagi Pemain Bola Sepak Profesional Kumpulan PKNP FC



Seramai 22 orang pemain bola sepak dalam lingkungan umur antara 18 hingga 26 tahun ditawarkan kontrak sebagai Pemain Bola Sepak Profesional Kumpulan PKNP FC.

Objektif penubuhan PKNP FC adalah untuk mengembalikan kegembiran sukan terutamanya bola sepak Kumpulan PKNP pada era 80-an di samping memberi peluang kepada generasi muda untuk menonjolkan bakat seterusnya membina kerjaya di PKNP.

28 Jun

Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi Perbadanan Perak Berhad (KOPERAK)



Mesyuarat Agung Tahunan KOPERAK telah diadakan di Pusat Konvensyen Amanjaya, Hotel Casuarina@Meru. Mesyuarat telah dipengerusikan oleh En. Abdul Rahim Bin Bahari, Penggerusi KOPERAK.

JULAI

3 Jul

Penyerahan van Jenazah kepada Masjid Al-Ansar



DYMM Paduka Seri Sultan Perak, Tuanku Nazrin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Shah sudi mencemar duli untuk menerima kunci van jenazah bagi pihak Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Negeri Perak (MAIPK) daripada YBhg. Dato' Aminuddin Bin Md. Desa, Ketua Eksekutif Kumpulan PKNP di Masjid Al-Ansar, Meru Raya.

7 Jul

Majlis Berbuka Puasa bersama Anak-Anak Yatim



Majlis Berbuka Puasa bersama anak-anak yatim di Rumah Anak Yatim Budi Mulia Nurul Huda di Tanah Hitam, Chemor.

8 Jul

Sumbangan kepada Masjid Jamek Kamunting, Taiping



YB Dato' Mohammad Zahir Bin Abdul Khalid, Pengurus Jawatankuasa Industri, Pelaburan Asing dan Pembangunan Koridor Negeri Perak hadir dalam Majlis penyerahan sumbangan kepada jawatankuasa Masjid Jamek Kamunting.

10 Jul

Program 'Moh Kite Beli Baju Raya' untuk Anak-anak Yatim



Anak-anak yatim menerima sumbangan duit raya

Kelab Warga Kumpulan PKNP melalui Biro Kebajikan telah menganjurkan program 'Moh Kite Beli Baju Raya' sempena sambutan Aidilfitri. Seramai 51 orang anak-anak yatim dari Yayasan Amanah An-Nur Maisarah, Chemor menerima sumbangan duit dan baju raya di Kompleks Megopleks, Medan Gopeng.

30 Jul

Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri Kumpulan PKNP



Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri Kumpulan PKNP telah dihadiri oleh semua warga kerja dengan kehadiran YAB Dato' Seri DiRaja Dr. Zamby Bin Abd. Kadir, Menteri Besar Perak. Majlis diadakan di Pusat Konvensyen Amanjaya, Hotel Casuarina@Meru. Majlis dimeriahkan lagi dengan artis jemputan khas, Dato' M. Nasir.

30 Jul

Pelancaran PKNP FC



Kumpulan PKNP telah menuahkan pasukan bola sepak yang dikenali sebagai PKNP FC. Pasukan ini dianggotai seramai 25 orang pemain yang beraksi dalam saingan Liga Bola Sepak Ipoh. PKNP FC juga turut memperkenalkan pemain-pemain dalam pasukannya serta jersi pasukan tersebut. Majlis pelancaran PKNP FC ini turut dihadiri oleh YAB Menteri Besar Perak.

OGOS

1 Ogs

Sesi Dialog Awam Mengenai Perak Eco Industrial Hub (PECOH) di Bagan Datoh



PECOH merupakan kerjasama antara Kumpulan PKNP dan syarikat PEIH Holdings Sdn Bhd dalam membangunkan kawasan perindustrian. Pemegang saham PEIH Holdings Sdn. Bhd. adalah usahawan terkemuka.

Dialog yang telah diadakan di Dewan PPK, Simpang Tiga, Selekor bertujuan untuk penambahbaikan projek dan sebagai satu keperluan dalam Penilaian Terperinci Kesan Alam Sekitar. Ia juga bertujuan untuk mendapatkan pandangan orang awam tentang cadangan projek tersebut.

14 Ogs

Majlis penyerahan Rumah Rehat Kuala Kangsar kepada Kumpulan PKNP



YBhg. Dato' Aminuddin Bin Md. Desa, Ketua Eksekutif Kumpulan PKNP dan En. Shahrom Bin Dato' Abd. Malik, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kuala Kangsar (MPKK) telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) penyerahan Rumah Rehat Kuala Kangsar kepada Kumpulan PKNP.

28 - 30 Ogs **Program Gerbang Hartanah Perak 2015**



Program Gerbang Hartanah Perak telah diadakan di Pusat Konvensyen Amanjaya, Hotel Casuarina@Meru dan telah dirasmikan oleh YAB Dato' Seri DiRaja Dr. Zambyr Bin Abd. Kadir, Menteri Besar Perak.

31 Ogs

Hari Kebangsaan ke-58 2015



Kontingen Kumpulan PKNP diwakili oleh 55 orang warga kerja yang menyertai perbarisan Hari Kebangsaan ke-58 yang bertemakan "Sehati Sejiwa".

SEPTEMBER

17 Sept

PKNP FC Juara Piala FA Persatuan Bola Sepak Ipoh



Perlawanan akhir Piala FA Persatuan Bolasepak Ipoh PKNP FC dengan Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) telah diadakan di Stadium Indera Mulia, Ipoh, Perak. PKNP FC berjaya menewaskan MBI menerusi sepakan penalti dengan agregat 4-2.

18 Sept

Penyerahan Balai Gambang kepada Kumpulan PKNP oleh JKR Perak



JKR Perak menyerahkan Balai Gambang yang dinamakan 'Cempaka Sari' kepada Kumpulan PKNP. Majlis ini berlangsung di Dataran Sayong Resort, Kuala Kangsar.

Pengarah JKR Perak, Toh Paduka Setia Dato' Ir. Dr Safry Kamal Bin Ahmad berharap bahawa Balai Gambang itu akan menjadi tarikan terbaru di Bandar Diraja terutamanya di kalangan pelancong dan tetamu yang menginap di Lanai Casuarina@Kuala Kangsar.

Majlis itu turut dihadiri oleh Timbalan Ketua Eksekutif (Perkhidmatan Korporat) PKNP, Tuan Sayed Shariffuddin Bin Sayed Shamshuddin.

18 Sept

Program Baik Pulih Rumah Warga Emas



Kumpulan PKNP membantu membaik pulih rumah milik warga emas iaitu Puan Ropia Binti Abdullah di Kampung Keledang, Kota Lama Kanan. Kumpulan PKNP turut menyerahkan wang tunai RM500 serta barang keperluan harian.

30 Sept

'Tiger Woods Malaysia' Beraksi



Satu pertandingan golf persahabatan telah diadakan antara Majlis Perbandaran Kuala Kangsar (MPKK) dengan Kumpulan PKNP di Kelab Golf Meru Valley.

OKTOBER

12 Okt

Penyerahan Rumah Rehat Teluk Intan kepada Kumpulan PKNP oleh Majlis Perbandaran Teluk Intan (MPTI)



YBhg. Dato' Haji Ibrahim Bin Haji Ahmad, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Teluk Intan (MPTI) dan YBhg. Dato' Aminuddin Bin Md. Desa, Ketua Eksekutif Kumpulan PKNP menandatangani Memorandum Perjanjian (MOA) bagi konsesi Rumah Rehat Teluk Intan Kumpulan PKNP. Majlis berlangsung di pejabat Ketua Eksekutif Kumpulan PKNP.

19 - 21 Okt

Dialog Pembangunan Antarabangsa Pangkor (PIDD)



Dialog Pembangunan Antarabangsa Pangkor (PIDD) 2015 telah diadakan di Hotel Casuarina@Meru. Tujuan penganjuran PIDD adalah untuk menggalakkan perkongsian ilmu pengetahuan, pengalaman dan idea. Kumpulan PKNP telah menyertai pameran PIDD sebagai platform mempromosikan aktiviti-aktiviti dan projek-projek pembangunan Kumpulan PKNP.

DISEMBER

3 Dis

Majlis Perasmian Dataran Amanjaya Sauk, Kuala Kangsar



YAB Menteri Besar Perak telah menyaksikan majlis penyerahan Dataran Amanjaya Sauk oleh Kumpulan PKNP kepada Majlis Perbandaran Kuala Kangsar (MPKK) dan penyerahan kunci kepada penyewa-penyewa gerai di dataran tersebut.

Bersempena majlis perasmian tersebut, Forum Perdana bertajuk 'Pembangunan Terjaga, Ummah Sejahtera' telah diadakan. Penceramah yang terlibat ialah PU Yeop, Puan Hajah Sharifah Khasif Fadzilah dan Ustaz Ahmad Munawir.



9 Dis

Malam Penghargaan Kumpulan PKNP 2015



Malam Penghargaan Kumpulan PKNP 2015 dengan konsep Rock & Roll bertemakan "You're Our Rock Star" telah diadakan di Pusat Konvensyen Amanjaya, Hotel Casuarina@Meru dan dihadiri oleh 650 orang warga kerja Kumpulan PKNP.



Dalam majlis itu, Kumpulan PKNP juga telah memberi penghargaan kepada 13 orang warga kerja yang bersara. Majlis ini turut diserikan dengan persembahan artis-artis tempatan popular seperti Lan & Kristal, Aweera, Nadia AF6 dan Datuk Hattan. Pertandingan nyanyian di kalangan warga kerja Kumpulan PKNP juga diadakan.

15 Dis

Usahawan yang Kreatif, Inovatif dan Kompetitif



Divisyen Pembangunan Keusahawanan dan Sosioekonomi PKNP telah menganjurkan Pertandingan Reka Bentuk Seramik Kontemporari Berteraskan Warisan Perak bertempat di Dewan Pusat Pembangunan Usahawan, Bandar Meru Raya, Ipoh.

Majlis perasmian penutup telah disempurnakan oleh Encik Amirul Hakim Bin Abdullah, Pengarah Pembangunan Usahawan Dan Sosioekonomi, PKNP.

Program kerjasama dengan Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, UiTM Cawangan Perak ini telah mendapat sambutan yang memberangsangkan dengan penyertaan seramai 128 peserta yang terdiri daripada pelajar-pelajar UiTM, Kolej Komuniti Chenderoh dan usahawan seramik. MARA Negeri Perak turut menyampaikan taklimat keusahawanan kepada para peserta. Penutup bagi kemuncak program tersebut diakhiri dengan penyampaian sijil dan hadiah kepada para pemenang.



PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PERAK
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015**



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PERAK
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015**

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak dan Kumpulan bagi tahun berakhir 31 Disember 2015 telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2015 dan Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota penjelasan lain.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan dan persembahan penyata kewangan tersebut yang saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Enakmen Negeri Perak No.3/1967. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditetapkan perlu oleh pengurusan bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab saya adalah memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut berdasarkan pengauditan yang dijalankan. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut menghendaki saya mematuhi keperluan etika serta merancang dan melaksanakan pengauditan untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara.

Pengauditan meliputi pelaksanaan prosedur untuk memperoleh bukti audit mengenai amauan dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan juruaudit, termasuk penilaian risiko salah nyata yang ketara pada penyata kewangan sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, juruaudit mempertimbangkan kawalan dalaman yang bersesuaian dengan entiti dalam penyediaan dan persembahan penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama bagi tujuan merangka prosedur pengauditan yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesaan kawalan dalaman entiti tersebut. Pengauditan juga termasuk menilai kesesuaian polisi perakaunan yang diguna-

pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh pengurusan serta persembahan penyata kewangan secara menyeluruh.

Saya percaya bahawa bukti audit yang saya peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas bagi pendapat audit saya.

Pendapat

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak dan Kumpulan pada 31 Disember 2015 dan prestasi kewangan serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia.

Saya telah mempertimbangkan penyata kewangan dan laporan juruaudit bagi semua syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam nota kepada penyata kewangan. Saya berpuas hati bahawa penyata kewangan berkenaan telah disatukan dengan Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan wajar bagi tujuan penyediaan penyata kewangan. Saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut. Laporan juruaudit mengenai penyata kewangan syarikat subsidiari berkenaan tidak mengandungi sebarang pemerhatian yang boleh menjelaskan penyata kewangan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan Dan Peraturan Lain


Selaras dengan keperluan Enakmen Negeri Perak No.3/1967, saya turut melaporkan bahawa pada pendapat saya:

- i. Rekod perakaunan dan rekod lain telah diselenggara dengan teratur selaras dengan Seksyen 20, Enakmen tersebut;
- ii. Penerimaan, perbelanjaan, pelaburan wang dan perolehan serta pelupusan aset oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Perak bagi tahun berakhir 31 Disember 2015 adalah selaras dengan peruntukan Enakmen tersebut; dan

- iii. Aset dan liabiliti telah dinyatakan dengan saksama selaras dengan polisi perakaunan.


(DATO' MUSTAFA BIN HAJI SAMAN)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
24 OGOS 2016



PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PERAK

PENYATA PENGURUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH

Kami Y.A.B Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Bin Hj. Abd. Kadir, SPSA ,SPMP, DGSM , DPMP, PAT, AMS dan Y.B. Dato' Rohana Binti Abd Malek, DPCM yang merupakan Pengurus dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah Perbadanan Kemajuan Negeri Perak dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, penyata kedudukan kewangan, penyata pendapatan komprehensif, penyata perubahan ekuiti dan penyata aliran tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota didalamnya adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak dan kumpulannya pada 31 Disember 2015 dan juga penghasilan serta aliran tunai Perbadanan Kemajuan Negeri Perak dan kumpulannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,

.....
**Y.A.B DATO' SERI DIRAJA DR. ZAMBRY BIN HJ. ABD. KADIR
SPSA, SPMP, DGSM, DPMP, PAT, AMS
Pengurus**

Bagi pihak Lembaga,

.....
**Y.B. DATO' ROHANA BINTI ABD MALEK
DPCM
Ahli Lembaga Pengarah**

Tarikh : 25 APR 2016


Ipooh, Perak Darul Ridzuan

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PERAK


**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS
PENGURUSAN KEWANGAN PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PERAK**

Saya, **Dato' Aminuddin bin Md. Desa, DSDK**, No: kad pengenalan 620401-08-5007 pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas rekod perakaunan dan pengurusan kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak dengan ikhlasnya mengakui bahawa penyata kedudukan kewangan, penyata pendapatan komprehensif, penyata perubahan ekuiti dan penyata aliran tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya adalah betul dan saya membuat akuan ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya itu adalah benar dan menurut peruntukan-peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui oleh)
penama di atas **Dato' Aminuddin bin Md.Desa**)
di Ipoh dalam Negeri Perak Darul Ridzuan)
pada **25 APR 2016**)



Dihadapan saya,



E-G-2, Greenlawn Square,
Jalan Dato Seri Ahmad Said,
30450 Ipoh, Perak Darul Ridzuan.
HP: 012-9186386

**PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF DISATUKAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015**

	Nota	KUMPULAN		PERBADANAN	
		2015 RM	2014 RM	2015 RM	2014 RM
Pendapatan	3	168,991,663	221,296,422	31,467,939	24,558,733
Kos jualan	4	(61,511,412)	(79,081,637)	(11,043,857)	(3,296,943)
Keuntungan kasar		107,480,251	142,214,785	20,424,082	21,261,790
Pendapatan faedah	5	4,767,976	5,736,013	591,186	1,073,783
Lain-lain pendapatan	6	133,274,882	22,923,919	26,805,949	11,432,661
Perbelanjaan Pentadbiran	7	(91,102,504)	(60,126,085)	(16,866,099)	(10,127,790)
Rosot nilai pelaburan		(6,058,712)	-	(867,942)	-
Lain-lain perbelanjaan		(32,963,577)	(32,508,535)	(16,876,289)	(17,271,903)
Keuntungan/(Kerugian) operasi		115,398,316	78,240,097	13,210,887	6,368,541
Kos Kewangan	8	(6,644,521)	(5,181,402)	(2,626,198)	(2,448,436)
(Kerugian)/Keuntungan dari syarikat bersekutu		(6,426,100)	(1,757,996)	-	-
(Kerugian) dari entiti bersama		-	(270,788)	-	-
Keuntungan sebelum cukai	9	102,327,695	71,029,911	10,584,689	3,920,105
Cukai pendapatan	10	(21,089,376)	(22,976,552)	(2,694,773)	(1,904,621)
Keuntungan bersih cukai		81,238,319	48,053,359	7,889,916	2,015,484

Pelbagai pendapatan komprehensif:

- (Rugi)/untung nilai saksama aset kewangan sedia dijual	1,716,420	12,173,395	1,843,836	2,344,305
- Nilai saksama dipindahkan ke akaun untung rugi masa pelupusan	(34,605,257)	-	-	-
	(32,888,837)	12,173,395	1,843,836	2,344,305
Jumlah pendapatan komprehensif	48,349,482	60,226,754	9,733,752	4,359,789

**PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF DISATUKAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015 (SAMBUNGAN)**

	KUMPULAN		PERBADANAN	
	2015	2014	2015	2014
	RM	RM	RM	RM
Keuntungan diagihkan kepada:				
Pemilik syarikat induk	30,944,645	14,313,275	7,889,916	2,015,484
Kepentingan minoriti	50,293,674	33,740,084	-	-
	81,238,319	48,053,359	7,889,916	2,015,484

**Jumlah komprehensif pendapatan
diagihkan kepada:**

Pemilik syarikat induk	(1,944,192)	26,486,670	9,733,752	4,359,789
Kepentingan minoriti	50,293,674	33,740,084	-	-
	48,349,482	60,226,754	9,733,752	4,359,789

Nota-nota yang dikemukakan pada muka surat 82 hingga 140 adalah merupakan sebahagian dari akaun ini dan perlu dibaca bersama-sama dengannya

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN DISATUKAN PADA 31 DISEMBER 2015

Aset	Nota	KUMPULAN		
		31.12.2015	31.12.2014	1.1.2014
Aset bukan semasa		RM	RM	RM
Hartanah, loji dan peralatan	13	235,000,000	257,178,058	273,949,854
Hartanah, loji dan peralatan pelabuhan	14	89,685,528	92,145,326	86,538,751
Tanah dipegang untuk pembangunan hartenah	15	222,259,473	224,304,924	218,439,385
Perbelanjaan Kemajuan	16	36,067,627	36,848,104	21,201,172
Kepentingan dalam syarikat subsidiari	17	-	-	-
Kepentingan dalam syarikat bersekutu	18	14,691,480	20,919,631	17,678,880
Kepentingan dalam syarikat entiti usahasama	19	-	-	270,788
Pelaburan hartenah	20	10,624,391	16,119,271	15,183,820
Pelaburan lain	21	84,435,843	196,916,301	137,989,497
Pelaburan sekuriti	22	12,647,733	13,139,354	13,363,918
Muhibbah	23	74,290,092	74,290,092	74,290,092
		<u>779,702,167</u>	<u>931,861,061</u>	<u>858,906,157</u>
Aset semasa				
Perbelanjaan kemajuan dan pembangunan hartenah	15	185,696,908	153,895,400	140,268,471
Kerja dalam kemajuan		386,756	772,016	-
Hartanah dipegang untuk dijual	24	45,770,644	13,887,138	11,764,682
Inventori	25	17,682,401	24,928,850	21,841,346
Penghutang perdagangan	26	51,128,134	64,044,885	65,448,079
Pelbagai penghutang	27	40,496,726	35,424,211	66,801,122
Cukai boleh pulih		7,805,830	7,560,145	2,767,060
Pelaburan jangka pendek		14,621,927	904,214	-
Tunai dan baki di bank	28	128,152,996	129,034,252	207,325,003
		<u>491,742,322</u>	<u>430,451,111</u>	<u>516,215,763</u>
Jumlah aset		1,271,444,489	1,362,312,172	1,375,121,920

**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN DISATUKAN PADA 31 DISEMBER 2015
(SAMBUNGAN)**

	Nota	KUMPULAN		
		31.12.2015 RM	31.12.2014 RM	1.1.2014 RM
Ekuiti dan tanggungan				
Tanggungan semasa				
Pembiayaan perdagangan	29	22,839,828	25,206,442	20,492,448
Pelbagai pembiayaan dan akruan	29	110,111,701	104,359,732	115,921,646
Peruntukan kerja dalam kemajuan		486,098	486,098	-
Pendapatan tertunda	30	26,968	26,968	26,968
Pinjaman dan peminjaman	31	54,412,665	129,622,355	125,777,114
Peruntukan cukai		6,709,471	12,351,221	18,090,784
		194,586,731	272,052,816	280,308,960
Aset semasa bersih		297,157,430	156,179,938	235,906,803
Tanggungan bukan semasa				
Pelbagai pembiayaan dan akruan	29	424,528	-	-
Pendapatan tertunda	30	997,899	1,024,868	1,051,836
Pinjaman dan peminjaman	31	18,336,998	23,696,714	28,183,264
Tanggungan cukai tertunda	32	34,569,542	34,646,148	34,234,029
Geran kerajaan	33	13,400,229	-	-
		67,729,196	59,367,730	63,469,129
Jumlah liabiliti		262,315,927	331,420,546	343,778,089
Aset bersih		1,009,128,562	1,030,891,626	1,031,343,831
Ekuiti yang berkaitan dengan pemilik syarikat induk				
Rizab modal	34	4,816,556	4,816,556	4,816,556
Geran kerajaan	33	-	19,000,079	25,714,392
Rizab tabungan sosial	35	-	14,833,766	14,844,326
Rizab nilai saksama pelaburan	36	9,557,569	42,446,406	29,222,537
Keuntungan terkumpul		532,259,765	508,480,836	538,442,312
		546,633,890	589,577,643	613,040,123
Kepentingan minoriti		462,494,672	441,313,983	418,303,708
Jumlah ekuiti		1,009,128,562	1,030,891,626	1,031,343,831
Jumlah ekuiti dan tanggungan		1,271,444,489	1,362,312,172	1,375,121,920

Nota-nota yang dikemukakan pada muka surat 82 hingga 140 adalah merupakan sebahagian dari akaun ini dan perlu dibaca bersama-sama dengannya

**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2015
(SAMBUNGAN)**

Aset	Nota	PERBADANAN		
		31.12.2015	31.12.2014	1.1.2014
Aset bukan semasa		RM	RM	RM
Hartanah, loji dan peralatan	13	43,738,210	44,111,213	42,271,726
Tanah dipegang untuk pembangunan harta tanah	15	30,443,674	32,676,388	36,136,698
Perbelanjaan Kemajuan	16	-	-	69,871
Kepentingan dalam syarikat subsidiari	17	322,431,255	321,674,255	321,674,255
Kepentingan dalam syarikat bersekutu	18	-	-	-
Kepentingan dalam syarikat entiti usahasama	19	-	-	-
Pelaburan harta tanah	20	-	-	-
Pelaburan lain	21	12,092,296	10,250,460	7,902,155
Pelaburan sekuriti	22	-	-	-
Muhibbah	23	-	-	-
		408,705,435	408,712,316	408,054,705
Aset semasa				
Perbelanjaan kemajuan dan pembangunan harta tanah	15	24,062,041	7,992,506	-
Keja dalam kemajuan		-	-	-
Hartanah dipegang untuk dijual	24	-	-	-
Inventori	25	10,528,803	21,235,131	21,232,911
Penghutang perdagangan	26	4,744,337	13,460,314	22,276,752
Pelbagai penghutang	27	126,385,232	125,272,930	120,139,507
Cukai boleh pulih		-	-	-
Pelaburan jangka pendek		614,423	589,431	-
Tunai dan baki di bank	28	5,511,883	4,077,759	25,569,349
		171,846,719	172,628,071	189,218,519
Jumlah aset		580,552,154	581,340,387	597,273,224

**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2015
(SAMBUNGAN)**

	Nota	PERBADANAN		
		31.12.2015	31.12.2014	1.1.2014
		RM	RM	RM
Ekuiti dan tanggungan				
Tanggungan semasa				
Pembiayaan perdagangan	29	-	-	-
Pelbagai pembiayaan dan akruan	29	78,263,638	52,908,203	56,922,596
Peruntukan kerja dalam kemajuan		-	-	-
Pendapatan tertunda	30	26,968	26,968	26,968
Pinjaman dan peminjaman	31	40,520,000	43,654,714	46,962,148
Peruntukan cukai		4,528,500	7,734,251	10,953,176
		<u>123,339,106</u>	<u>104,324,136</u>	<u>114,864,888</u>
Aset semasa bersih		<u>48,509,452</u>	<u>66,085,577</u>	<u>74,353,631</u>
Tanggungan bukan semasa				
Pelbagai pembiayaan dan akruan	29	-	-	-
Pendapatan tertunda	30	997,899	1,024,868	1,051,836
Pinjaman dan peminjaman	31	-	-	-
Tanggungan cukai tertunda	32	-	-	-
Geran Kerajaan	33	13,400,229	-	-
		<u>14,398,128</u>	<u>1,024,868</u>	<u>1,051,836</u>
Jumlah liabiliti		<u>137,737,234</u>	<u>105,349,004</u>	<u>115,916,724</u>
Aset bersih		<u>442,814,920</u>	<u>475,991,383</u>	<u>481,356,500</u>
Ekuiti yang berkaitan dengan pemilik syarikat induk				
Rizab modal	34	4,816,556	4,816,556	4,816,556
Geran kerajaan	33	-	19,000,079	25,714,392
Rizab tabungan sosial	35	-	14,833,766	14,844,326
Rizab nilai saksama pelaburan	36	4,188,141	2,344,305	-
Keuntungan terkumpul		433,810,223	434,996,677	435,981,226
Jumlah ekuiti		<u>442,814,920</u>	<u>475,991,383</u>	<u>481,356,500</u>
Jumlah ekuiti dan tanggungan		<u>580,552,154</u>	<u>581,340,387</u>	<u>597,273,224</u>

Nota-nota yang dikemukakan pada muka surat 82 hingga 140 adalah merupakan sebahagian dari akaun ini dan perlu dibaca bersama-sama dengannya

**PENYATA PERUBAHAN EKUITI DISATUKAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015**

2015 KUMPULAN	Jumlah	Ekuiti	Rizab	Geran	Rizab	Tabung	Keu
	Ekuiti	Jumlah	Modal	Kerajaan	Sosial	Ter	
	RM	RM	RM	RM	RM		
Pada 1 Januari 2014	1,031,343,831	613,040,123	4,816,556	25,714,392	14,844,326	53	
Pelarasan tahun lepas	(41,274,751)	(41,274,751)	-	-	-	(4	
Tambahan/(Kurangan)	(6,333,049)	(5,787,054)	-	(6,714,313)	(10,560)		
Jumlah pendapatan komprehensif	60,339,409	26,599,325	-	-	-	1	
Dividen dibayar kepada pegangan bukan kawalan	(10,183,814)	-	-	-	-	-	
Pengagihan dana kepada kerajaan negeri	(3,000,000)	(3,000,000)	-	-	-	(
Pada 31 Disember 2014	1,030,891,626	589,577,643	4,816,556	19,000,079	14,833,766	50	
Pelarasan tahun lepas	1,635,694	1,635,694	-	-	-	-	
Tambahan/(Kurangan)	(48,179,200)	(33,558,885)	-	(19,000,079)	(14,833,766)		
Jumlah pendapatan komprehensif	48,349,482	(1,944,192)	-	-	-	30	
Dividen dibayar kepada pegangan bukan kawalan	(14,492,670)	-	-	-	-	-	
Pengagihan dana kepada kerajaan negeri	(9,076,370)	(9,076,370)	-	-	-	(
Pada 31 Disember 2015	1,009,128,562	546,633,890	4,816,556	-	-	-	53

Nota-nota yang dikemukakan pada muka surat 82 hingga 140 adalah merupakan sebahagian dari akaun ini dan perlu dibaca bersama

**PENYATA PERUBAHAN EKUITI DISATUKAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015 (SAMBUNGAN)**

PERBADANAN	Jumlah	Rizab	Geran	Rizab	Keuntungan	Rizab Nilai
	Ekuiti	Modal	Kerajaan	Tabung Sosial	Terkumpul	Saksama Pelaburan
	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Pada 1 Januari 2014	481,356,500	4,816,556	25,714,392	14,844,326	435,981,226	-
Pelarasan tahun lepas	(33)	-	-	-	(33)	-
Tambahan/(Kurangan)	(6,724,873)	-	(6,714,313)	(10,560)	-	-
Jumlah komprehensif Pendapatan	4,359,789	-	-	-	2,015,484	2,344,305
Pengagihan dana kepada kerajaan negeri	(3,000,000)	-	-	-	(3,000,000)	-
Pada 31 Disember 2014	475,991,383	4,816,556	19,000,079	14,833,766	434,996,677	2,344,305
Jumlah komprehensif Pendapatan	(4,359,789)	-	-	-	7,889,916	1,843,836
Pengagihan dana kepada kerajaan negeri	(3,000,000)	-	-	-	(9,076,370)	-
Pada 31 Disember 2015	468,631,594	4,816,556	19,000,079	14,833,766	433,810,223	4,188,141

Nota-nota yang dikemukakan pada muka surat 82 hingga 140 adalah merupakan sebahagian dari akaun ini dan perlu dibaca bersama-sama dengannya

PENYATA ALIRAN TUNAI DISATUKAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

	KUMPULAN		PERBADANAN	
	2015 RM	2014 RM	2015 RM	2014 RM
Aktiviti-aktiviti operasi				
Penerimaan dari penghutang	141,489,634	161,867,605	30,324,706	33,701,620
Penerimaan/bayaran daripada/ kepada induk/ berkaitan	-	-	9,251,201	(16,540,342)
Penerimaan daripada pelbagai pendapatan	46,888,436	4,785,490	1,953,512	1,784,740
Bayaran untuk pekerja	(47,978,925)	(40,815,331)	(13,116,660)	(10,123,347)
Bayaran untuk pelbagai perbelanjaan	(44,318,367)	(39,858,725)	(8,961,358)	(3,129,695)
Bayaran kepada pembekal/ pembiutang	(36,386,722)	(55,138,180)	(1,940,843)	(5,781,338)
Bayaran cukai	(26,993,127)	(32,894,493)	(5,900,524)	(5,123,546)
Aliran tunai bersih daripada aktiviti operasi	32,700,929	(2,053,634)	11,610,034	(5,211,908)
Aktiviti-aktiviti pelaburan				
Dividen diterima	5,867,006	2,599,238	16,258,170	316,086
Faedah diterima	4,192,027	5,172,045	171,316	1,076,038
Hasil daripada pelupusan hartanah, loji dan peralatan	3,033,507	13,060,000	-	-
Hasil daripada pelupusan pelaburan	150,524,260	1,725,804	-	-
Pembelian pelaburan lain	(2,803,828)	(62,541,189)	-	(593,431)
Pembelian harta tanah, loji	(12,819,774)	(18,039,642)	(526,169)	(589,250)
Pembelian kemudahan pelabuhan	(2,448,163)	(6,813,299)	-	-
Pembelian kos pembangunan	(22,234,729)	(21,305,498)	(16,681,006)	(8,820,272)
Aliran tunai bersih daripada (digunakan) aktiviti pelaburan	123,310,306	(86,142,541)	(777,689)	(8,610,829)
Aktiviti-aktiviti pembiayaan				
Penerimaan pinjaman	-	8,928,263	-	-
Penerimaan rizab/geran	3,051,862	1,221,181	3,051,862	1,221,181
Pembayaran balik pinjaman	(87,010,714)	(9,641,434)	(3,084,714)	(3,307,434)
Dividen dibayar kepada pegangan bukan kawalan	(31,992,667)	(10,208,728)	-	-
Pembayaran sewabeli	(255,969)	(428,828)	-	-
Sumbangan kepada kerajaan negeri	(7,000,000)	(3,000,000)	(7,000,000)	(3,000,000)
Pembayaran faedah	(4,608,802)	(5,532,194)	(2,365,369)	(2,582,600)
Deposit tetap ditebus semula/(ditempatkan)	-	30,937,163	-	-
Deposit tetap dicagarkan	(6,914,651)	(3,329,500)	-	-
Aliran tunai bersih (digunakan) oleh aktiviti pembiayaan	(134,730,941)	8,945,923	(9,398,221)	(7,668,853)

**PENYATA ALIRAN TUNAI DISATUKAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015 (SAMBUNGAN)**

	KUMPULAN		PERBADANAN	
	2015 RM	2014 RM	2015 RM	2014 RM
Peningkatan / (pengurangan) bersih dalam tunai dan setara tunai	21,280,294	(79,250,252)	1,434,124	(21,491,590)
Tunai dan kesetaraan tunai pada 1 Januari	83,518,046	162,768,298	4,077,759	25,569,349
Tunai dan kesetaraan tunai pada 31 Disember	104,798,340	83,518,046	5,511,883	4,077,759
 Tunai dan setara tunai terdiri daripada:				
Wang tunai dan baki dibank	39,848,082	31,356,951	5,511,883	3,177,759
Deposit dengan bank berlesen	88,304,914	97,677,301	-	900,000
	128,152,996	129,034,252	5,511,883	4,077,759
Deposit dengan bank berlesen dengan tempoh matang lebih daripada tiga bulan	(21,657)	(30,300,000)	-	-
Deposit yang dicagarkan untuk jaminan dan kemudahan perbankan lain yang diberikan kepada subsidiari	(22,028,122)	(15,216,206)	-	-
Overdraft	(1,304,877)	-	-	-
	104,798,340	83,518,046	5,511,883	4,077,759

Nota-nota yang dikemukakan pada muka surat 82 hingga 140 adalah merupakan sebahagian dari akaun ini dan perlu dibaca bersama-sama dengannya

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2015

1.0 Maklumat Korporat

Kegiatan utama Perbadanan adalah menaja pembangunan infrastruktur harta tanah & bandar baru, pembangunan pengilangan, penggalakkan perindustrian, perhotelan & pelancongan dan penggalakkan pembangunan ICT samada melalui usahasama atau sendirian serta memiliki & mengurus pelaburan dalam syarikat-syarikat.

Perbadanan telah diwujudkan melalui Enakmen Negeri Perak No. 3/1967 dengan tujuan utama sebagai agensi pembangunan ekonomi bagi Negeri Perak.

Perbadanan menjalankan aktivitinya di alamat berdaftar No1-A, Blok A dan Blok B, Menara PKNP, Jalan Meru Casuarina, Bandar Meru Raya, 30020 Ipoh, Perak Darul Ridzuan. Kegiatan utama syarikat-syarikat subsidiari dan bersekutu dinyatakan dalam Nota 17 dan 18 kepada penyata kewangan.

Penyata Kewangan Perbadanan dilaporkan di dalam Ringgit Malaysia sebagai mata wang fungsian.

2.0 Dasar-Dasar Perakaunan Utama

(a) Asas Perakaunan

Penyata kewangan Perbadanan telah disediakan berdasarkan asas konvensyen kos sejarah melainkan dinyatakan sebaliknya sebagaimana dinyatakan dalam dasar-dasar perakaunan utama di bawah dan menurut piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia.

(b) Asas Penyatuan

Penyata kewangan yang disatukan terdiri daripada penyata kewangan Perbadanan dan penyata kewangan pengurusan atau beraudit subsidiari pada tarikh laporan kecuali dinyatakan sebaliknya dalam nota 17 dan 18 kepada Penyata Kewangan. Urusniaga di antara syarikat telah dihapuskan semasa penyatuan dan akaun-akaun disatukan hanya mencerminkan urusniaga dengan pihak ketiga sahaja.

Polisi perakaunan yang diguna pakai oleh Perbadanan dan syarikat anak adalah berdasarkan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS).

(c) Subsidiari

Subsidiari adalah entiti di mana Perbadanan mempunyai kuasa untuk mentadbir dasar-dasar kewangan dan operasi untuk memperolehi manfaat daripada aktiviti-aktivitinya.

Dalam Penyata Kedudukan Kewangan Perbadanan, pelaburan dalam subsidiari diambil kira pada kos ditolak rosot nilai terkumpul. Subsidiari disatukan berdasarkan kaedah pengambilalihan atau perakaunan ekuiti. Hasil kendalian subsidiari diperolehi atau dilupuskan dalam tahun kewangan semasa termasuk di dalam penyata kewangan disatukan bermula pada tarikh efektif pemperolehan atau pada tarikh pelupusan dan keputusan syarikat subsidiari yang diambilalih atau dijual di sepanjang tahun ini diambil kira dalam Penyata Pendapatan Komprehensif Disatukan dari tarikh pengambilalihan atau sehingga tarikh penjualan.

2.0 Dasar-Dasar Perakaunan Utama (sambungan)

(c) Subsidiari (sambungan)

Perbezaan di antara pengambilalihan dan nilai saksama harta bersih subsidiari ditunjukkan mengikut kesesuaian sebagai muhibbah atau rizab atas penyatuhan. Subsidiari disatukan dari tarikh pengambilalihan, iaitu tarikh di mana Perbadanan mempunyai kuasa dan akan terus disatukan sehingga tarikh kawalan tersebut tamat. Jumlah keuntungan dan/atau kerugian subsidiari dimasukkan di dalam Penyata Pendapatan Komprehensif Disatukan dan bahagian keuntungan dan/atau kerugian pemegang saham minoriti ditolakkan untuk memperoleh keuntungan yang boleh diagihkan kepada Perbadanan. Manakala jumlah aset dan tanggungan subsidiari dimasukkan ke dalam Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan dan kepentingan pemegang saham minoriti dalam aset bersih dinyatakan secara berasingan. Semua urusniaga dan baki syarikat dihapuskan semasa penyatuhan.

Subsidiari Perbadanan disenaraikan di dalam nota 17 kepada Penyata Kewangan.

(d) Bersekutu

Syarikat bersekutu adalah entiti bukan subsidiari atau usahasama, di mana Kumpulan mempunyai pengaruh besar dalam pengurusannya. Syarikat bersekutu adalah ekuiti yang diambil kira dari tarikh Kumpulan mempunyai pengaruh penting sehingga tarikh Kumpulan tidak lagi mempunyai pengaruh penting ke atas syarikat bersekutu.

Pelaburan Kumpulan dalam syarikat bersekutu diambil kira dengan menggunakan kaedah ekuiti. Di bawah kaedah ekuiti, pelaburan dalam syarikat bersekutu dikira dalam penyata kedudukan kewangan pada kos ditambah bahagian keuntungan terkumpul dan rizab/muhibbah selepas pengambilalihan.

Dalam Penyata Pendapatan Komprehensif Disatukan, bahagian keuntungan atau kerugian berdasarkan penyata kewangan pengurusan atau penyata kewangan beraudit untuk syarikat bersekutu dimasukkan dalam penyata pendapatan disatukan. Tetapi sekiranya nilai bersih pelaburan dalam syarikat bersekutu mencapai tahap sifar, sebarang keuntungan atau kerugian tidak akan dimasukkan dalam Penyata Pendapatan Komprehensif Disatukan kecuali jika Kumpulan menanggung tanggungjawab atau menjamin tanggungjawab bagi syarikat bersekutu berkenaan.

Syarikat bersekutu Kumpulan disenaraikan di dalam nota 18 kepada Penyata Kewangan.

(e) Entiti Usahasama

Entiti usahasama adalah usahasama yang melibatkan penubuhan perkongsian atau entiti lain di mana Kumpulan mempunyai kepentingan bersama ke atas aktiviti ekonomi secara persetujuan kontrak. Pelaburan dalam entiti usahasama diambil kira dalam Penyata Pendapatan Komprehensif Disatukan menggunakan kaedah ekuiti berdasarkan penyata kewangan pengurusan atau beraudit untuk entiti usahasama tersebut. Mengikut kaedah perakaunan ekuiti, bahagian keuntungan Kumpulan ditolak kerugian usahasama dalam tahun dimasukkan ke dalam Penyata Pendapatan Komprehensif Disatukan. Kepentingan Kumpulan di dalam entiti usahasama dinyatakan di dalam Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan pada kos dicampur perkongsian kumpulan dalam keuntungan atau kerugian terkumpul dan lain-lain rizab semasa pengambilalihan.

Syarikat entiti usahasama Kumpulan disenaraikan di dalam nota 19 kepada Penyata Kewangan.

2.0 Dasar-Dasar Perakaunan Utama (sambungan)

(f) Urus Niaga dengan Kepentingan Minoriti

Kepentingan minoriti mewakili bahagian keuntungan atau kerugian dan aset bersih dalam subsidiari yang tidak dipegang secara langsung atau tidak langsung oleh Kumpulan. Kepentingan minoriti dibentangkan secara berasingan dalam Penyata Pendapatan Komprehensif Disatukan, di dalam Penyata Perubahan Ekuiti Disatukan dan di dalam Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan secara berasingan daripada ekuiti pemegang saham induk.

(g) Muhibbah

Muhibbah pada mulanya diukur pada kos. Berikutan pengiktirafan awal, muhibbah diukur pada kos ditolak kerugian rosotnilai terkumpul. Bagi tujuan pengujian kemerosotan nilai, muhibbah yang diperoleh diperuntukkan, dari tarikh pengambilalihan, kepada setiap unit penjanaan tunai Kumpulan yang dijangka akan mendapat manfaat daripada sinergi kombinasi tersebut. Muhibbah diuji untuk kejejasan sekurang-kurangnya setiap tahun atau jika perkembangan ataupun persekitaran yang terjadi mencerminkan kejejasan mungkin berlaku.

(h) Hartanah, Loji dan Peralatan dan Susutnilai

Semua hartaanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos ditolak susutnilai terkumpul dan kerugian rosotnilai terkumpul. Kos sesuatu hartaanah, loji dan peralatan diiktiraf sebagai aset jika terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan yang berkaitan dengan perkara tersebut akan mengalir kepada Kumpulan dan kos tersebut boleh diukur dengan pasti.

Selepas pengiktirafan, hartaanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos ditolak susut nilai terkumpul dan sebarang kerugian rosotnilai terkumpul. Hartanah, loji dan peralatan yang dipegang dan tidak digunakan adalah dinyatakan pada nilai buku bersih pada tarikh penggunaan aktif dihentikan, jika ada.

Tanah pegangan kekal mempunyai hayat tidak terhad dan maka dengan itu ianya tidak disusutnilaikan. Susut nilai hartaanah, loji dan peralatan diperuntukkan atas asas garis lurus untuk menghapus kira kos setiap aset kepada nilai sisa sepanjang anggaran hayat bergunanya pada kadar tahunan berikut:

Bangunan dan rumah kedai	25 -50 tahun
Kilang dan Jentera	5 -10 tahun
Peralatan pejabat	5 -10 tahun
Perabot dan kelengkapan	5 -20 tahun
Kenderaan bermotor	5 tahun
Pengubahsuaian	25 -50 tahun

Aset di bawah modal kerja dalam pelaksanaan tidak disusutnilai kerana aset-aset masih belum sedia untuk digunakan.

Nilai bawaan hartaanah, loji dan peralatan disemak semula untuk rosotnilai apabila wujud keadaan menunjukkan bahawa nilai dibawa tidak boleh diperolehi semula.

2.0 Dasar-Dasar Perakaunan Utama (sambungan)

(h) Hartanah, Loji dan Peralatan dan Susutnilai (sambungan)

Nilai sisa, hayat berguna dan kaedah susutnilai dikaji semula pada setiap akhir tahun kewangan untuk memastikan amaun dan kaedah susutnilai adalah menepati jangkaan corak penggunaan manfaat ekonomi masa hadapan yang terkandung di dalam item harta, loji dan peralatan.

Kos adalah termasuk perbelanjaan yang berkaitan secara langsung dengan pengambilalihan sesuatu aset. Kos aset yang dibina sendiri adalah termasuk kos bahan, kos buruh langsung dan kos yang terlibat secara langsung bagi membolehkan aset itu berfungsi mengikut tujuan kegunaannya, juga kos membuka, memindahkan dan memulihkan tapak lokasi aset itu.

(i) Kemudahan Pelabuhan

Kemudahan pelabuhan adalah dinyatakan pada kos ditolak susutnilai terkumpul dan sebarang kerugian rosotnilai terkumpul. Semua perbelanjaan, yang diaitkan dengan pembangunan kemudahan termasuk kos faedah dipermodalkan yang dilunaskan sepanjang anggaran hayat kegunaan.

Kadar tahunan utama susutnilai adalah:

Tanah pegangan pajakan pelabuhan	melebihi 99 tahun
Struktur pelabuhan	melebihi 10 - 50 tahun
Peralatan pelabuhan	melebihi 10 - 20 tahun

Pelunasan struktur pelabuhan adalah berdasarkan kaedah hasil di mana kos dilunaskan berdasarkan jumlah hasil sebenar pada tahun ke atas jumlah pendapatan yang dijangkakan yang akan dijana daripada operasi pelabuhan dalam tempoh anggaran hayat kegunaannya.

(j) Pelaburan Hartanah

Hartanah pelaburan adalah harta yang dipegang untuk memperolehi pendapatan sewa atau peningkatan modal atau kedua-duanya. Harta itu pada mulanya dinilai pada kos, termasuk kos transaksi. Selepas pengiktirafan awal, harta pelaburan dinyatakan pada kos ditolak susutnilai terkumpul dan sebarang kerugian rosotnilai terkumpul.

Pelaburan harta meliputi bangunan pejabat dan industri yang tidak digunakan oleh Perbadanan atau Kumpulan. Tanah pegangan kekal mempunyai hayat tidak terhad dan maka dengan itu ianya tidak disusutnilaikan. Susutnilai bangunan di atas tanah pegangan bebas dengan menggunakan asas garis lurus untuk menghapus kira kos harta itu kepada nilai sisa sepanjang anggaran hayat bergunanya pada kadar 2% setahun.

Pelaburan harta tidak lagi diiktiraf apabila ia telah dilupuskan atau apabila ia tidak lagi digunakan dan tiada manfaat ekonomi dijangka daripada pelupusan tersebut. Sebarang keuntungan atau kerugian dari pelupusan pelaburan harta diiktiraf dalam Penyata Pelupusan Komprehensif dalam tahun pelupusan.

2.0 Dasar-Dasar Perakaunan Utama (sambungan)

(k) Tanah Dipegang untuk Pembangunan Hartanah dan Kos Pembangunan Hartanah

Tanah dipegang untuk pembangunan harta terdiri daripada tanah di mana aktiviti pembangunan telah dijalankan atau di mana aktiviti pembangunan tidak dijangka akan disiapkan dalam kitaran operasi biasa. Tanah tersebut diklasifikasikan sebagai bukan semasa dan dinyatakan pada kos ditolak kerugian rosot nilai terkumpul.

Tanah dipegang untuk pembangunan harta terdiri daripada tanah di mana aktiviti pembangunan telah bermula dan ia menunjukkan bahawa aktiviti pembangunan boleh disiapkan dalam kitaran operasi biasa iaitu dalam 2 hingga 3 tahun. Kos termasuk dalam pengambilalihan tanah adalah harga belian tanah, yuran professional, duti setem, komisen, yuran pertukaran dan lain-lain levi yang berkaitan.

Kos pembangunan harta adalah termasuk kos pengambil-alihan tanah dan semua kos yang terlibat dalam aktiviti pembangunan tanah tersebut. Kos pembangunan harta yang tidak dianggap belanja akan direalisasikan sebagai aset.

(l) Inventori

Inventori dinyatakan pada yang lebih rendah antara kos dan nilai boleh realisasi bersih.

Kos ditentukan dengan menggunakan asas purata wajaran. Kos peralatan dan alat ganti terdiri daripada kos pembelian dan kos membawa inventori ke lokasi mereka. Inventori merangkumi rumah, rumah kedai dan bangunan kilang yang telah siap dibina untuk dijual. Hartanah siap dipegang untuk dijual dinyatakan pada yang lebih rendah antara kos dan nilai pasaran bersih. Kos ditentukan kaedah pengenalan khusus termasuk kos tanah, pembinaan dan belanja pembangunan yang sewajarnya.

Lain-lain inventori termasuk alatan dan barang lebihan yang dinyatakan pada yang lebih rendah antara kos dan nilai pasaran bersih. Kos bagi lain-lain inventori adalah ditentukan daripada kos belian campur semua kos yang terlibat untuk menghasilkan alatan atau barang tersebut.

(m) Kos Pinjaman

Kos pinjaman akan dianggap sebahagian daripada modal aset apabila ia digunakan untuk membeli, membina, dan menghasilkan aset tersebut bagi menyediakan aset tersebut seperti yang dikehendaki untuk kegunaan atau untuk tujuan jualan.

Kos pinjaman yang lain daripada tujuan tersebut di atas adalah dianggap sebagai belanja dalam untung rugi pada masa ia ditanggung.

2.0 Dasar-Dasar Perakaunan Utama (sambungan)

(n) Instrumen Kewangan

Instrumen kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Kumpulan dan Perbadanan menjadi pihak yang terlibat kepada peruntukan kontrak instrumen kewangan.

Instrumen kewangan diukur pada nilai saksama, dalam kes aset kewangan bukan pada nilai saksama ia diukur pada kos urusniaga langsung. Kumpulan dan Perbadanan menentukan klasifikasi instrumen kewangan pada pengiktirafan awal. Ia boleh diklasifikasikan sebagai liabiliti atau ekuiti menurut dasar dalam perjanjian kontrak, faedah, dividen, keuntungan dan kerugian berkaitan dengan instrumen kewangan tersebut. Pengagihan kepada pemegang instrumen kewangan yang diklasifikasikan sebagai ekuiti dicajikan terus ke ekuiti. Jika diklasifikasikan sebagai liabiliti, ia akan terus dilaporkan sebagai belanja dan pendapatan. Instrumen kewangan boleh diselaraskan apabila Perbadanan mempunyai hak di sisi undang-undang untuk dikontra dan berniat untuk menjelaskannya samada secara bersih atau merealisasikan aset dan menjelaskan liabiliti secara serentak. Instrumen kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Kumpulan dan Perbadanan menjadi pihak yang terlibat kepada peruntukan kontrak instrumen kewangan.

(i) Tunai dan Setara Tunai

Tunai dan setara tunai terdiri daripada tunai di tangan dan di bank dan deposit dengan institusi kewangan berlesen, tetapi tidak termasuk deposit dengan institusi kewangan berlesen yang telah dicagarkan untuk jaminan dan kemudahan bank lain yang diberikan kepada Kumpulan dan Perbadanan sebagai cagaran, dan overdraf bersih bank yang belum dijelaskan.

(ii) Pinjaman dan Penghutang

Penghutang dinyatakan pada kadar nilai yang dijangka boleh direalisasi. Hutang lapuk dihapuskira apabila dikenalpasti. Anggaran dibuat bagi hutang rugu berdasarkan semakan yang dibuat ke atas baki yang belum dijelaskan pada tarikh kedudukan kewangan.

(iii) Pemiutang

Pemiutang dinyatakan pada kos iaitu nilai saksama jumlah yang akan dibayar pada masa depan untuk belian dan perkhidmatan yang diterima.

2.0 Dasar-Dasar Perakaunan Utama (sambungan)

(iv) **Ekuiti**

Saham biasa dinyatakan sebagai ekuiti. Dividen ke atas saham biasa diiktiraf di dalam ekuiti pada tahun ianya diisyiharkan dan diluluskan untuk pembayaran.

(v) **Pelaburan Sekuriti**

Pasaran sekuriti tersiar harga yang diklasifikasikan sebagai pelaburan sekuriti selepas mengambil kira rosot nilai termasuk aset kewangan yang sedia dijual.

(o) **Peruntukan**

Peruntukan diiktiraf apabila Perbadanan dan Kumpulan mempunyai tanggungjawab hasil daripada peristiwa yang lalu, terdapat kemungkinan bahawa aliran keluar sumber ekonomi akan diperlukan untuk menyelesaikan tanggungjawab tersebut dan jumlah tanggungjawab tersebut boleh dianggarkan dengan pasti.

Peruntukan dikaji semula pada setiap tarikh pelaporan dan diselaraskan untuk menggambarkan anggaran semasa yang terbaik. Jika didapati aliran keluar sumber ekonomi tidak lagi diperlukan untuk menyelesaikan tanggungjawab tersebut, peruntukan yang telah dibuat akan dibalikkan. Jika kesan nilai masa wang adalah ketara, peruntukan didiskaunkan dengan menggunakan kadar semasa sebelum cukai yang memberi kesan risiko tanggungan. Apabila pendiskaunaan digunakan, peningkatan dalam peruntukan yang disebabkan oleh peredaran masa diiktiraf sebagai kos kewangan.

(p) **Tanggungan**

Tanggungan berupa pinjaman pembiutang perdagangan dan pelbagai pembiutang yang dinyatakan pada kos.

(q) **Faedah Pekerja**

(i) **Faedah Jangka Pendek**

Gaji pokok, bonus, elauan bantuan sara hidup, elauan khidmat awam dan elauan perumahan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan yang berkaitan diberikan oleh pekerja Kumpulan. Ketidakhadiran terkumpul diberi pampasan terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan berbayar diiktiraf apabila perkhidmatan diberikan oleh kakitangan yang meningkatkan hak mereka kepada ketidakhadiran dimasa hadapan akan diberi pampasan dan ketidakhadiran diberi pampasan tidak terkumpul jangka pendek seperti cuti sakit diiktiraf apabila ketidakhadiran berlaku.

(ii) **Pelan Caruman Wajib**

Perbadanan dan syarikat subsidiari membuat sumbangan bulanan sebanyak 17.5% daripada gaji pokok kakitangan yang layak kepada Kumpulan Wang Amanah Pencen sebagai pencen. Caruman tersebut diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan komprehensif apabila ia tertanggung. Perbadanan dan subsidiari juga membayar caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KWSP") menurut peruntukan undang-undang Malaysia.

2.0 Dasar-Dasar Perakaunan Utama (sambungan)

(q) Faedah Pekerja (sambungan)

(iii) Manfaat Pemberhentian

Subsidiari dalam kumpulan akan membayar manfaat pemberhentian apabila kakitangan ditamatkan perkhidmatannya sebelum tamat tempoh persaraannya atau apabila kakitangan itu menerima pemberhentian secara sukarela sebagai pertukaran manfaat ini. Kumpulan mengiktiraf manfaat pemberhentian apabila ia komited sama ada menamatkan perkhidmatan pekerja sedia ada mengikut pelan rasmi terperinci tanpa ada kemungkinan penarikan semula dibuat atau menyediakan manfaat pemberhentian hasil daripada tawaran yang dibuat untuk menggalakkan pemberhentian sukarela.

(r) Pajakan

Pajakan harta tanah, loji dan peralatan diiktiraf sebagai pajakan kewangan apabila kesemua risiko dan manfaat dipindahkan kepada Perbadanan dan Kumpulan. Semua pajakan lain dianggap sebagai pajakan operasi. Bayaran pajakan operasi diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam untung atau rugi mengikut kaedah garis lurus sepanjang tempoh pajakan yang berkaitan. Manfaat insentif agregat yang diberikan oleh pemberi pajak diiktiraf sebagai pengurangan perbelanjaan sewa sepanjang tempoh pajakan atas dasar garis lurus.

(s) Harta Pajakan

Harta pajakan diperolehi di bawah perjanjian pajakan kewangan adalah dipermodalkan. Polisi susutnilai bagi harta tersebut adalah sama sebagaimana dikira bagi lain-lain harta kumpulan. Hutang patut dibayar yang belum dijelaskan dibawah perjanjian pajakan selepas ditolak perbelanjaan kewangan adalah dikira sebagai tanggungan di dalam akaun. Perbelanjaan kewangan bagi sewa pajakan adalah dikenakan kepada Penyata Pendapatan Komprehensif atas jangka masa mengikut perjanjian masing-masing.

(t) Pendapatan

Pendapatan diiktiraf setakat mana terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi akan mengalir kepada Perbadanan dan Kumpulan dan pendapatan boleh dianggarkan dengan pasti. Pendapatan diukur pada nilai saksama pertimbangan yang diterima atau belum diterima.

(i) Pendapatan Dividen

Pendapatan dividen diiktiraf apabila hak pemegang saham untuk menerima bayaran ditentukan.

(ii) Penjualan Tanah Pembangunan Pelabuhan

Hasil berkaitan dengan penjualan tanah pembangunan pelabuhan diiktiraf atas peratusan siap. Pendapatan dari jualan tanah kosong lain diiktiraf apabila risiko dan ganjaran pemilikan telah dipindahkan kepada peringkat akhir perjanjian jual beli.

(iii) Jualan Hartanah

Pendapatan jualan dikira oleh subsidiari pada nilai saksama harga jualan kontrak, yang akan diterima dan diiktiraf dalam penyata pendapatan komprehensif bila sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan telah berpindah kepada pembeli.

2.0 Dasar-Dasar Perakaunan Utama (sambungan)

(t) Pendapatan (sambungan)

(iv) Jualan Inventori

Pendapatan berkaitan dengan jualan barang diiktiraf selepas diskaun dan rebat apabila pemindahan risiko dan ganjaran telah siap.

(v) Yuran Pengurusan

Yuran pengurusan berkenaan dengan perkhidmatan pengurusan yang disediakan oleh Perbadanan diiktiraf apabila perkhidmatan diberikan.

(vi) Bayaran Pengurusan

Bayaran pengurusan bagi projek *turnkey* diambil kira mengikut peratusan penyempurnaan.

(vii) Pendapatan Sewa

Pendapatan sewa dari ruang niaga kompleks perniagaan, pajakan tanah dan chalet yang diiktiraf sepanjang tempoh penyewaan atau pajakan.

(viii) Operasi yang Berkaitan Hotel

Pendapatan daripada operasi hotel terdiri daripada sewa bilik hotel, jualan makanan dan minuman dan lain-lain pendapatan berkaitan diiktiraf apabila perkhidmatan diberikan.

(viii) Perkhidmatan Pelabuhan

Pendapatan daripada perkhidmatan pelabuhan dan penyediaan perkhidmatan kontena diukur pada nilai saksama yang akan diterima dan diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian. Pendapatan daripada operasi dan penyelenggaraan terminal pukal laut dalam diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian atas dasar akruan.

(x) Yuran Mobilisasi

Yuran Mobilisasi diiktiraf atas dasar penerimaan.

(xi) Pendapatan Kontrak

Pendapatan kontrak pembinaan harga tetap jangka masa pendek hanya diiktiraf dalam penyata pendapatan komprehensif apabila kerja kontrak tersebut selesai. Pendapatan kontrak jangka masa panjang diambil kira berdasarkan kaedah penyempurnaan iaitu bahagian kos kontrak dikenakan untuk kerja kontrak dibuat sehingga kini yang menggambarkan hasil kerja dibuat daripada anggaran kos keseluruhan kontrak. Anggaran kerugian kontrak diambil kira serta merta dalam penyata pendapatan komprehensif.

2.0 Dasar-Dasar Perakaunan Utama (sambungan)

(u) Cukai Pendapatan

(i) Cukai Semasa

Aset dan liabiliti cukai semasa diukur pada jumlah yang dijangka akan diperolehi semula daripada atau dibayar kepada pihak berkuasa cukai.

Cukai semasa diiktiraf dalam untung atau rugi kecuali yang berkaitan dengan perkara yang diiktiraf di luar untung atau rugi, sama ada dalam pendapatan komprehensif lain atau dalam ekuiti.

(ii) Cukai Tertunda

Cukai tertunda diperuntukkan menggunakan kaedah liabiliti ke atas perbezaan sementara pada tarikh laporan antara asas cukai aset dan liabiliti dan nilai dibawa untuk tujuan laporan kewangan. Liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara, kecuali:

- mana liabiliti cukai tertunda timbul daripada pengiktirafan awal muhibbah atau aset atau liabiliti dalam urusniaga yang bukan kombinasi perniagaan dan pada masa urusniaga, tidak memberi kesan kepada keuntungan perakaunan atau keuntungan boleh cukai atau kerugian dan
- berkenaan dengan perbezaan sementara boleh cukai berkaitan dengan pelaburan dalam subsidiari, syarikat bersekutu dan kepentingan dalam usaha sama, di mana masa pembalikan perbezaan sementara boleh dikawal dan terdapat kemungkinan bahawa perbezaan sementara tersebut tidak akan berbalik pada masa hadapan. Aset cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh ditolak, membawa ke hadapan kredit cukai yang tidak digunakan dan kerugian cukai tidak digunakan, setakat mana terdapat kemungkinan bahawa keuntungan boleh dicukai akan tersedia terhadap yang mana perbezaan sementara boleh ditolak, dan dibawa ke hadapan kredit cukai yang tidak digunakan dan kerugian cukai tidak digunakan boleh digunakan kecuali:
- di mana aset cukai tertunda berkaitan dengan perbezaan sementara boleh dipotong timbul daripada pengiktirafan awal sesuatu aset atau liabiliti dalam urusniaga yang bukan merupakan kombinasi perniagaan dan pada masa urusniaga, tidak memberi kesan kepada keuntungan perakaunan atau keuntungan boleh cukai atau kerugian; dan
- berkaitan dengan perbezaan sementara yang boleh ditolak berkaitan dengan pelaburan dalam subsidiari, syarikat bersekutu dan kepentingan dalam usaha sama, aset cukai tertunda diiktiraf hanya setakat yang ia berkemungkinan bahawa perbezaan sementara tersebut akan berbalik pada masa hadapan dan keuntungan boleh dicukai akan tersedia terhadap yang mana perbezaan sementara boleh digunakan.

Amaun dibawa bagi aset cukai tertunda dikaji semula pada setiap tarikh laporan dan dikurangkan setakat yang ia tidak lagi berkemungkinan bahawa keuntungan boleh cukai yang mencukupi akan tersedia untuk membolehkan semua atau sebahagian daripada aset cukai tertunda digunakan.

2.0 Dasar-Dasar Perakaunan Utama (sambungan)

(u) Cukai Pendapatan (sambungan)

(ii) Cukai Tertunda (sambungan)

Aset cukai tertunda tidak diiktiraf dinilai semula pada setiap tarikh laporan dan diiktiraf ke tahap di mana ia menjadi berkemungkinan bahawa keuntungan boleh cukai masa depan akan membolehkan aset cukai tertunda digunakan.

Aset dan liabiliti cukai tertunda diukur pada kadar cukai yang dijangka akan digunakan untuk tahun di mana aset direalisasi atau liabiliti diselesaikan, berdasarkan kadar cukai dan undang-undang cukai yang telah digubal atau digubal sebahagian besarnya pada tarikh pelaporan. Cukai tertunda berkaitan dengan perkara yang diiktiraf di luar untung atau rugi diiktiraf di luar untung atau rugi. Cukai tertunda diiktiraf berkaitan dengan urusniaga asas sama ada dalam pendapatan komprehensif lain atau secara langsung dalam ekuiti dan cukai tertunda yang timbul daripada kombinasi perniagaan diselaraskan dengan muhibbah atas pengambilalihan. Aset cukai tertunda dan liabiliti cukai tertunda diimbangi, jika hak yang sah wujud untuk mengimbangi aset cukai semasa dengan liabiliti cukai semasa dan cukai tertunda adalah berkaitan dengan entiti boleh dicukai yang sama dan pihak berkuasa cukai yang sama.

(v) Geran Diterima

Geran pembangunan berkaitan perbelanjaan modal yang diterima daripada kerajaan akan dikreditkan ke Akaun Pendapatan tertunda. Jumlah geran yang diiktiraf sebagai pendapatan adalah berdasarkan kepada usia guna harta yang dibeli menggunakan geran tersebut dan jumlahnya bersamaan dengan caj susutnilai.

Geran pengurusan yang diterima dari kerajaan akan dikreditkan ke akaun rizab dan akaun geran kerajaan. Pendapatan dari geran akan diiktiraf berdasarkan kepada kos perbelanjaan yang ditanggung oleh geran yang tersebut bagi tempoh yang sama.

Geran akan diterima dari kerajaan berkaitan pelaburan dalam harta yang tidak disusutnilai akan diiktiraf sebagai pendapatan dalam tempoh di mana ia diterima.

(w) Anggaran dan Pertimbangan Penting Perakaunan

Penyediaan penyata kewangan Perbadanan dan subsidiari memerlukan pihak pengurusan untuk membuat penghakiman, penganggaran dan andaian yang memberi kesan kepada jumlah yang dilapor pada penjualan, perbelanjaan, aset dan liabiliti, dan pendedahan tentang tanggungan kontinjen pada tarikh laporan. Walaubagaimanapun, ketidaktentuan mengenai andaian ini dan penganggaran boleh menyebabkan keputusan yang memerlukan penyesuaian yang matan kepada nilai bawaan pada aset dan tanggungan yang terjejas pada masa hadapan. Anggaran, anggapan mengenai masa depan dan pertimbangan telah dibuat dalam penyediaan kewangan.

Mereka memberi kesan kepada aplikasi polisi perakaunan syarikat, melaporkan jumlah aset, tanggungan, pendapatan dan perbelanjaan dan pendedahan yang dibuat. Mereka dinilai secara berterusan dan berdasarkan pengalaman sejarah dan lain-lain faktor yang berkaitan, termasuk jangkaan peristiwa masa hadapan yang dipercayai munasabah di bawah keadaan.

2.0 Dasar-Dasar Perakaunan Utama (sambungan)

(w) Anggaran dan Pertimbangan Penting Perakaunan (sambungan)

Anggaran-anggaran utama mengenai masa hadapan dan lain-lain sumber utama ketidakpastian anggaran pada tarikh penyata kedudukan kewangan yang mempunyai risiko yang boleh menyebabkan pelarasan ketara terhadap nilai bawaan aset dan tanggungan.

(x) Anggaran Ketidakpastian

(a) Sumber-Sumber Utama daripada Ketidakpastian Anggaran

Tarikh anggaran utama mengenai masa depan dan lain-lain sumber utama ketidakpastian anggaran pada laporan yang mempunyai risiko ketara yang boleh menyebabkan pelarasan ketara terhadap nilai bawaan aset dan liabiliti-liabiliti dalam tahun kewangan seterusnya dibincangkan seperti di bawah:

(i) Rosot nilai Muhibbah

Kumpulan menentukan sama ada muhibbah merosot sekurang-kurangnya secara tahunan. Ini memerlukan anggaran nilai dalam kegunaan bagi setiap unit janaan tunai ("UJT") di mana muhibbah diagihkan. Dalam menganggarkan nilai dalam kegunaan memerlukan pengurusan membuat anggaran ke atas jangkaan aliran tunai UJT dan juga memilih kadar diskaun sesuai untuk mengira nilai kini aliran tunai tersebut. Amaun bersih bawaan muhibbah pada 31 Disember 2015 adalah RM74,290,092 (2014:RM74,290,092). Menurut piawaian MFRS 127 sebarang perubahan pemilikan dalam subsidiari diakaunkan secara ekuiti. Butir-butir lanjut dinyatakan dalam Nota 23.

(ii) Jangka Hayat Berguna Hartanah, Loji dan Peralatan dan Kemudahan

Kos loji dan peralatan dan kemudahan pelabuhan disusutnilai mengikut asas yang dinyatakan. Pengurusan menganggarkan jangka hayat bangunan dan kemudahan pelabuhan untuk 50 tahun berdasarkan tahap penggunaan yang dijangka. Pengurusan juga menganggarkan bahawa aset-aset ini akan mempunyai nilai baki minimum pada akhir hayat mereka. Perubahan dalam jangkaan tahap penggunaan dan pembangunan teknologi boleh memberi kesan kepada hayat kegunaan ekonomi dan nilai sisa aset-aset, oleh itu caj susut nilai masa depan boleh disemak semula. Maklumat hartaanah, loji dan peralatan dan kemudahan pelabuhan pada tarikh laporan dinyatakan dalam Nota 13 dan 14.

(iii) Pendapatan Cukai

Terdapat pengiraan dan transaksi tertentu untuk penentuan cukai bagi kebiasaan perniagaan. Penilaian yang signifikan terlibat terutamanya dalam menentukan faedah asas pengenaan cukai dan pengurangan kos tertentu dalam menentukan pengiraan cukai pendapatan. Perbadanan dan subsidiari mengakui kewajipan untuk masalah cukai yang diharapkan berdasarkan anggaran cukai tambahan akan tamat tempoh. Pengiraan terakhir cukai akan berbeza dengan pengiraan awal cukai pendapatan dan peruntukan cukai tertunda pada tahun kewangan di mana penentuan tersebut dilakukan.

2.0 Dasar-Dasar Perakaunan Utama (sambungan)

(a) Sumber-Sumber Utama daripada Ketidakpastian Anggaran (sambungan)

(iv) Anggaran Ketidakpastian Dalam Melaksanakan Polisi Perakaunan Perbadanan

Di dalam proses melaksanakan polisi perakaunan Perbadanan yang mana pengurusan berpendapat bahawa tidak ada contoh aplikasi penghakiman yang diharapkan mempunyai kesan yang signifikan dalam jumlah yang diiktiraf dalam penyata kewangan.

2.1 Amaun Terhutang Oleh Pelanggan Kontrak

Amaun terhutang oleh pelanggan kontrak pembinaan dinyatakan pada kos ditambah keuntungan diperolehi ditolak bayaran kemajuan dan kerugian dijangka. Kos termasuk semua kos pembinaan langsung dan kos-kos berkaitan. Apabila bayaran kemajuan melebihi jumlah keseluruhan terhutang kepada pelanggan kontrak ditambah keuntungan diperolehi ditolak kerugian dijangka, baki kredit bersih semua kontrak tersebut ditunjukkan di dalam pembiutang perdagangan sebagai jumlah terhutang kepada pelanggan kontrak.

2.2 Aset Kewangan

Aset kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila dan hanya apabila Kumpulan dan Perbadanan menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen kewangan.

Apabila aset kewangan diiktiraf pada mulanya, ia diukur pada nilai saksama, manakala untuk aset kewangan bukan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, ukuran awalan adalah pada kos urusniaga langsung.

Kumpulan dan Perbadanan menentukan klasifikasi aset kewangan pada pengiktirafan awal, dan kategori termasuk aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, pinjaman dan penghutang pelaburan dipegang hingga matang dan aset kewangan sedia untuk dijual.

(i) Aset Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Keuntungan atau Kerugian

Aset kewangan dikelaskan sebagai aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi jika ia dipegang untuk perdagangan atau ditetapkan sebagai sedemikian pada pengiktirafan awal. Aset kewangan dipegang untuk dagangan adalah derivatif (termasuk derivatif tertanam dipisahkan) atau aset kewangan yang diperolehi terutamanya untuk tujuan jualan dalam tempoh terdekat. Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian dinyatakan pada nilai saksama. Sebarang keuntungan atau kerugian timbul daripada perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian. Keuntungan bersih atau kerugian bersih atas aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi tidak termasuk perbezaan pertukaran, faedah dan pendapatan dividen. Perbezaan pertukaran, faedah dan pendapatan dividen atas aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian diiktiraf secara berasingan dalam keuntungan atau kerugian sebagai sebahagian daripada kerugian lain atau pendapatan lain.

2.2 Aset Kewangan (sambungan)

(i) Aset Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Keuntungan atau Kerugian (sambungan)

Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi boleh dibentangkan sebagai semasa atau bukan semasa. Aset kewangan yang dipegang terutamanya untuk tujuan perdagangan dibentangkan sebagai semasa manakala aset kewangan yang tidak dipegang untuk tujuan perdagangan dibentangkan sebagai semasa atau bukan semasa berdasarkan tarikh penyelesaian.

(ii) Pinjaman dan Penghutang

Aset kewangan dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif dikelaskan sebagai pinjaman dan penghutang.

Selepas pengiktirafan awal, pinjaman dan akaun belum terima diukur pada kos pelunasan menggunakan kaedah faedah efektif. Keuntungan dan kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi apabila pinjaman dan penghutang tidak lagi diiktiraf atau terjejas, dan melalui proses pelunasan.

Pinjaman dan penghutang diklasifikasikan sebagai semasa, kecuali bagi mereka yang mempunyai tarikh matang melebihi 12 bulan selepas tarikh laporan yang dikelaskan sebagai bukan semasa.

(iii) Pelaburan Dipegang Hingga Matang

Aset kewangan dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan dan kematangan tetap dikelaskan sebagai dipegang hingga matang apabila Perbadanan mempunyai niat dan keupayaan untuk memegang pelaburan tersebut hingga matang.

Selepas pengiktirafan awal, pelaburan dipegang hingga matang diukur pada kos pelunasan menggunakan kaedah faedah efektif. Keuntungan dan kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi apabila dipegang hingga matang tidak lagi diiktiraf atau terjejas, dan melalui proses pelunasan.

Dipegang hingga matang dikelaskan sebagai bukan semasa, kecuali bagi mereka yang mempunyai tempoh matang dalam tempoh 12 bulan selepas tarikh laporan yang dikelaskan sebagai semasa.

(iv) Aset Kewangan Sedia Untuk Dijual

Aset kewangan sedia untuk dijual adalah aset kewangan yang ditetapkan sebagai sedia untuk dijual atau tidak diklasifikasikan dalam mana-mana tiga kategori sebelum ini.

Selepas pengiktirafan awal, sedia untuk dijual aset-aset kewangan ini diukur pada nilai saksama. Sebarang keuntungan atau kerugian daripada perubahan dalam nilai saksama aset kewangan diiktiraf dalam lain-lain pendapatan komprehensif, kecuali kerugian kemerosotan nilai, keuntungan dan kerugian pertukaran asing atas instrumen kewangan dan faedah yang dikira menggunakan kaedah faedah efektif diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian. Keuntungan atau kerugian terkumpul yang sebelum ini diiktiraf dalam lain-lain pendapatan komprehensif diklasifikasi semula daripada ekuiti kepada keuntungan atau kerugian sebagai pelarasan klasifikasi semula apabila aset kewangan tidak diiktiraf. Pendapatan faedah dikira menggunakan kaedah faedah efektif diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian. Dividen ke atas instrumen ekuiti sedia untuk dijual diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian apabila hak Kumpulan dan Perbadanan untuk menerima bayaran ditentukan.

2.2 Aset Kewangan (sambungan)

(iv) Aset Kewangan Sedia Untuk Dijual (sambungan)

Pelaburan dalam instrumen ekuiti yang nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan pasti diukur pada kos ditolak kerugian rosotnilai terkumpul. Aset kewangan sedia untuk dijual diklasifikasikan sebagai bukan semasa kecuali jika ia dijangka akan direalisasi dalam tempoh 12 bulan selepas tarikh laporan.

Aset kewangan tidak diiktiraf apabila hak kontrak untuk menerima aliran tunai daripada aset tersebut telah tamat. Pada penyahiktirafan aset kewangan secara keseluruhannya, perbezaan antara jumlah bawaan dan jumlah pertimbangan diterima dan sebarang keuntungan atau kerugian terkumpul yang telah diiktiraf dalam pendapatan komprehensif yang lain adalah diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

Belian atau jualan adalah pembelian atau penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh yang amnya ditetapkan oleh peraturan atau konvensyen di dalam pasaran berkenaan. Semua belian dan jualan aset kewangan diiktiraf atau tidak diiktiraf pada tarikh dagangan iaitu, tarikh di mana Kumpulan dan Perbadanan komited untuk membeli atau menjual aset tersebut.

2.3 Rosotnilai Aset Kewangan

Perbadanan dan subsidiari menilai pada setiap tarikh laporan sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa harta kewangan telah dirosotnilai.

(i) Penghutang Perdagangan dan Lain Serta Aset Kewangan Lain yang Dibawa Pada Kos Dilunaskan

Kumpulan dan Perbadanan mempertimbangkan faktor-faktor seperti kebarangkalian ketidakmampuan bayar atau kesukaran kewangan ketara penghutang dan keingkarang atau kelewatan dalam pembayaran. Bagi sesetengah kategori aset kewangan, seperti penghutang perdagangan yang telah dinilai sebagai tiada rosotnilai untuk tahun semasa akan dibuat penilaian semula pada tahun berikutnya secara kolektif berdasarkan ciri-ciri risiko yang sama.

Bukti objektif rosotnilai bagi portfolio penghutang adalah setelah mengambil kira pengalaman lepas Kumpulan dan Perbadanan dalam mengutip bayaran, tempoh masa bayaran seperti peningkatan dalam bilangan bayaran lewat yang melebihi tempoh kredit purata dan perubahan dalam keadaan ekonomi negara atau tempatan yang menyebabkan kelalaian penghutang. Jika bukti tersebut wujud, rosotnilai diukur dari perbezaan antara amaun bawaan aset dengan nilai anggaran aliran tunai terdiskaun masa hadapan pada kadar pulangan pasaran semasa aset kewangan tersebut. Kerugian rosotnilai adalah diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

Amaun bawaan aset kewangan dikurangkan dengan rosotnilai secara langsung untuk semua aset kewangan kecuali penghutang perdagangan, di mana nilai bawaannya dikurangkan melalui akaun peruntukan. Apabila penghutang perdagangan tidak dapat dikutip, ia dihapus kira daripada akaun peruntukan.

2.3 Rosotnilai Aset Kewangan (sambungan)

(ii) Ekuiti Sekuriti Tidak Diisyihar Pada Kos

Jika terdapat bukti objektif bahawa rosotnilai ke atas aset kewangan yang dibawa pada kos telah ditanggung, jumlah rosotnilai diukur dari perbezaan antara nilai bawaan aset dan nilai anggaran semasa aliran tunai masa depan yang terdiskaun pada kadar pulangan pasaran semasa untuk aset kewangan yang serupa. Rosotnilai tersebut tidak dibalikkan semula pada tempoh berikutnya.

(iii) Aset Kewangan Sedia Untuk Dijual

Penurunan yang ketara atau berpanjangan dalam nilai saksama di bawah kos, kesukaran kewangan penerbit atau penanggung kewajipan dan kehilangan pasaran perdagangan yang aktif adalah pertimbangan untuk menentukan sama ada terdapat bukti objektif bahawa sekuriti pelaburan yang dikelaskan sebagai sedia untuk dijual adalah aset kewangan terjejas.

Jika aset kewangan yang sedia untuk dijual nilai, satu jumlah yang terdiri daripada perbezaan antara kosnya (bersih daripada sebarang bayaran prinsipal dan pelunasan) dan nilai saksama semasa, ditolak sebarang kerugian kemerosotan nilai sebelum ini diiktiraf dalam untung atau rugi, dipindahkan daripada ekuiti kepada keuntungan atau kerugian.

Kerugian rosotnilai pelaburan ekuiti sedia untuk dijual tidak dibalikkan dalam untung rugi dalam tempoh berikutnya. Peningkatan dalam nilai saksama, jika ada, selepas kerugian kemerosotan nilai diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain. Bagi pelaburan hutang sedia untuk dijual, kerugian kemerosotan nilai kemudianya diterbalikkan dalam keuntungan atau kerugian jika peningkatan dalam nilai saksama pelaburan boleh dikaitkan secara objektif kepada peristiwa yang berlaku selepas pengiktirafan kerugian kemerosotan dalam keuntungan atau kerugian.

2.4 Rosotnilai Aset Bukan Kewangan

Pada setiap tarikh penyata kewangan, Perbadanan dan subsidiari mengkaji semula Nilai bawaan aset bukan kewangan (selain daripada inventori, cukai tertunda aset dan aset jangka panjang) untuk menentukan samada wujudnya petunjuk yang aset tersebut berkemungkinan telah rosotnilai.

Apabila terdapat tanda-tanda kemerosotan, rosotnilai diukur dengan membandingkan nilai dibawa harta dengan nilai yang boleh diperolehi dari aset tersebut. Nilai boleh diperolehi dari aset tersebut adalah nilai tertinggi di antara nilai jualan bersih dan nilai penggunaan harta, yang diukur menggunakan aliran tunai yang terdiskaun. Nilai yang boleh diperolehi dianggarkan bagi setiap aset, atau, jika tidak berkemungkinan bagi unit penghasilan harta tunai tersebut.

Kerugian rosotnilai dicajkan kepada penyata pendapatan komprehensif, pertambahan selanjutnya dalam nilai yang boleh diterima ke atas aset tersebut diambilkira sebagai pembalikan semula kerugian rosotnilai terdahulu dan diiktiraf setakat tahap nilai bawaan aset tersebut yang dapat dipastikan (setelah ditolak perlunasan atau susutnilai) seandainya tiada kerugian rosotnilai yang diiktiraf sebelum ini. Pembalikan semula itu diiktiraf dalam penyata pendapatan komprehensif. Muhibbah yang dilupuskan diukur berdasarkan nilai relatif operasi dan bahagian unit penjanaan tunai adalah kekal. Kerugian kemerosotan ke atas muhibbah tidak dibalikkan semula dalam tempoh berikutnya.

2.5 Tanggungan Kewangan

Tanggungan kewangan dikelaskan mengikut kandungan perjanjian kontrak yang dimeterai dan definisi tanggungan kewangan.

Tanggungan kewangan, dalam skop MFRS 139, diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Kumpulan dan Perbadanan menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen kewangan. Tanggungan kewangan diklasifikasikan sebagai tanggungan kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi atau tanggungan kewangan lain.

(i) Tanggungan Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Keuntungan atau Kerugian

Tanggungan kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian termasuk tanggungan kewangan yang dipegang untuk diniagakan dan tanggungan kewangan yang ditetapkan pada pengiktirafan awal pada nilai saksama melalui untung atau rugi. Tanggungan kewangan yang dipegang untuk perniagaan termasuk derivatif yang dimasuki oleh Perbadanan dan subsidiari yang tidak memenuhi kriteria pelindung nilai perakaunan.

Tanggungan derivatif biasanya diukur pada nilai wajar dan kemudiannya dinyatakan pada nilai saksama, dengan sebarang keuntungan atau kerugian terhasil diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian. Keuntungan atau kerugian bersih atas derivatif termasuk perbezaan pertukaran.

(ii) Tanggungan Kewangan Lain

Tanggungan kewangan Perbadanan dan subsidiari termasuk pemutang perdagangan, lain-lain pemutang dan pinjaman.

Pemutang perdagangan dan pemutang lain diiktiraf pada mulanya pada nilai saksama ditambah kos urusniaga secara langsung dan kemudiannya diukur pada kos pelunasan menggunakan kaedah faedah efektif.

Pinjaman dan peminjaman pada awalnya diiktiraf pada nilai saksama, ditolak kos urus niaga yang terlibat, dan seterusnya diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah efektif. Pinjaman dikelaskan sebagai semasa melainkan Kumpulan mempunyai hak tidak bersyarat untuk menangguhkan penyelesaian liabiliti untuk sekurang-kurangnya 12 bulan selepas tarikh laporan.

Bagi tanggungan kewangan lain, keuntungan dan kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi apabila tanggungan telah diiktiraf, dan melalui proses pelunasan.

Tanggungan kewangan diiktiraf apabila kewajipan di bawah tanggungan tersebut dihapuskan. Apabila tanggungan kewangan sedia ada digantikan oleh yang lain dari peminjam yang sama dengan syarat yang berbeza, atau syarat pada tanggungan sedia ada diubah secara ketara, pertukaran atau perubahan tersebut dikenalpasti sebagai penarikbalikan tanggungan asal dan pengiktirafan tanggungan baru dan perbezaan dalam jumlah bawaan adalah diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

2.6 Pengurusan Risiko Kewangan dan Polisi

Objektif dan dasar pengurusan risiko kewangan adalah kegiatan Perbadanan dan subsidiari yang terdedah kepada pelbagai risiko kewangan. Objektif pengurusan risiko kewangan Perbadanan dan subsidiari secara keseluruhannya adalah untuk menghasilkan nilai kepada pemegang sahamnya. Pengurusan risiko ini dilaksanakan melalui pengurusan tunai secara berhemat dan penggunaan sistem kawalan dalaman yang sesuai. Perbadanan dan subsidiari beroperasi dengan berdasarkan garis panduan yang jelas dan diluluskan oleh Ahli Lembaga Pengarah dan dasar Perbadanan dan subsidiari juga tidak membenarkan penglibatan dalam sebarang urusniaga yang berdasarkan spekulasi.

(i) Risiko Kredit

Pihak perbadanan mempunyai dasar kredit yang baik dan pendedahan kepada risiko kredit sentiasa dipantau. Risiko kredit Perbadanan wujud terutamanya daripada jualan unit rumah kedai dan pengurusan hartanah. Walaubagaimanapun, risiko ini dapat dikurangkan kerana sebahagian besar pembeli rumah dibiayai oleh pinjaman bank. Pendapatan daripada pengurusan hartanah diawasi pada peringkat Perbadanan. Segala hutang tertunggak sentiasa dipantau untuk kutipan sepenuhnya. Tindakan perundungan akan diambil terhadap penghutang yang tertunggak terlalu lama sekiranya sesuai.

(ii) Risiko Kecairan dan Aliran Tunai

Perbadanan memantau dan mengekalkan tunai dan bersamaan tunai pada tahap yang dianggap oleh pihak pengurusan mencukupi bagi membayai operasi Perbadanan dan membayar semula tanggungannya.

(iii) Risiko Kadar Faedah

Perbadanan mempunyai baki tunai yang disimpan di bank berlesen. Perbadanan juga mengawal risiko kadar faedah ini dengan menyimpan baki tunai tersebut pada tempoh matang dan kadar faedah yang pelbagai. Perbadanan juga terdedah kepada risiko kadar faedah menerusi impak kadar yang dicaj ke atas pinjaman. Untuk mengurangkan risiko kadar faedah, pihak pengurusan Perbadanan memantau kesan kadar faedah terhadap pendapatan daripada operasi.

(iv) Nilai Saksama Instrumen Kewangan

Nilai saksama bagi pinjaman tetap bank ditentukan dengan mendiskaunkan aliran tunai yang berkaitan menggunakan kadar faedah semasa bagi instrumen kewangan yang sama pada tarikh kedudukan kewangan. Memandangkan kadar faedah semasa tidak berbeza dan ketara daripada kadar intrisik bagi instrumen kewangan ini, nilai saksama instrumen kewangan ini adalah dijangka setara dengan nilai bawaan pada tarikh penyata kedudukan kewangan. Nilai boleh bawa tunai dan bersamaan tunai, penghutang, pemutang, baki antara kumpulan dan pinjaman jangka pendek adalah menyamai nilai saksama kerana mempunyai tempoh matang yang pendek.

2.7 Jaminan Kontrak Kewangan

Kontrak jaminan kewangan merupakan kontrak yang memerlukan pihak pengeluar membuat pembayaran semula seperti yang telah ditetapkan kepada pemegang berikutan kerugian yang ditanggung olehnya akibat kegagalan penghutang untuk menyelesaikan tuggakan pada tempoh matang.

2.7 Jaminan Kontrak Kewangan (sambungan)

Kontrak jaminan kewangan pada awalnya diiktiraf sebagai tanggungan pada nilai saksama, iaitu kos urusniaga bersih, selepas pengiktirafan awal, kontrak jaminan kewangan diiktiraf sebagai pendapatan di dalam penyata pendapatan komprehensif bagi sepanjang tempoh jaminan. Sekiranya penghutang gagal, Perbadanan dan subsidiari sebagai pengeluar bertanggungjawab untuk membuat pembayaran semula kepada pemegang ke atas kerugian yang berkaitan.

2.8 Pengurusan Risiko Modal

Objektif utama pengurusan risiko modal Perbadanan dan subsidiari adalah untuk memastikan iaanya mempertahankan penarafan kredit yang kukuh dan nisbah modal yang baik bagi memastikan iaanya dapat menampung perniagaan dan memaksimakan nilai pemegang saham.

Perbadanan dan subsidiari menguruskan struktur modal dan membuat penyesuaian ke atasnya mengikut keadaan ekonomi. Bagi mempertahankan atau menyesuaikan struktur modal, Perbadanan dan subsidiari mungkin menyesuaikan bayaran dividen kepada pemegang saham, menerbitkan saham baru atau menjual sebahagian harta untuk mengurangkan hutang. Selaras dengan industri lain, Perbadanan dan subsidiari memantau struktur modal berdasarkan nisbah keberhutangan. Nisbah ini dikira berdasarkan jumlah hutang bersih dibahagi dengan jumlah modal. Jumlah hutang bersih dikira berdasarkan jumlah hutang (termasuk pinjaman semasa dan bukan semasa seperti yang dinyatakan di dalam penyata kedudukan kewangan) selepas ditolak tunai dan bersamaan tunai. Jumlah modal dikira berdasarkan jumlah ekuiti seperti yang dinyatakan di dalam penyata kedudukan kewangan dan ditambahkan dengan jumlah hutang bersih.

2.9 Perubahan kepada polisi perakaunan

Polisi perakaunan yang digunakan adalah selaras dengan polisi yang digunakan pada tahun sebelumnya kecuali :

- a) Pada 1 Januari 2015, Perbadanan menggunakan MFRS yang telah berkuatkuasa sebelum dan selepas 1 Januari 2015 kecuali :

MFRS 7: Instrumen kewangan-pendedahan
MFRS 8: Segmen Operasi
MFRS 134: Laporan kewangan interim

Walaubagaimanapun, MFRS tersebut tidak memberi kesan kepada prestasi atau kedudukan kewangan Perbadanan.

2.9 Perubahan kepada polisi perakaunan (sambungan)

FRS139 Instrumen kewangan-Ukuran dan pengiktirafan

Berikut adalah kesan berikutan perubahan kepada polisi perakaunan diatas:

	Pada 31 Disember 2015 RM	Pada 1 Januari 2015 RM
Penyata kedudukan kewangan		
Kumpulan		
Pelaburan lain	9,557,569	42,446,406
Rizab nilai saksama pelaburan	<u>9,557,569</u>	<u>42,446,406</u>
Perbadanan		
Pelaburan lain	4,188,141	2,344,305
Rizab nilai saksama pelaburan	<u>4,188,141</u>	<u>2,344,305</u>

- b) Piawaian baru tapi belum efektif

Terdapat piawaian baru yang dikeluarkan tetapi belum efektif, Perbadanan bercadang untuk menggunakan standard ini apabila telah diefektifkan.

Piawaian yang bakal efektif pada 1 Januari 2016

Perubahan kepada MFRS 101- Persembahan kepada Penyata Kewangan – Inisiatif Pendedahan

Perubahan kepada MFRS 116- Harta Tanah dan Peralatan dan MFRS 138- Aset Tidak Ketara –Penjelasan kepada kaedah susutnilai dan pelunasan yang boleh diterima

Peningkatan tahunan kepada kitaran MFRS 2012-2014

3. Pendapatan

	Kumpulan		Perbadanan	
	2015 RM	2014 RM	2015 RM	2014 RM
Perlombongan	270,000	405,000	-	-
Kayu gergaji dan balak	-	2,745,374	-	-
Hartanah	42,393,172	116,019,756	9,724,429	20,875,945
Pertanian	19,391	59,566	-	-
Dividen diterima	3,866,041	2,915,324	315,416	316,086
Dividen diterima daripada syarikat anak	-	-	16,023,009	341,634
Jualan barang	-	-	-	-
Keuntungan jualan dana	-	77,651	-	-
Sewa	4,188,965	4,064,906	1,904,787	1,749,859
Perkhidmatan pengurusan	9,569,595	1,338,018	554,474	986,767
Perhotelan dan restaurateur	13,323,811	11,378,776	-	-
Pendapatan kontrak	-	7,750	-	-
Perkhidmatan pelabuhan	91,797,715	81,993,513	-	-
Jualan inventori	2,945,824	-	2,945,824	-
Lain-lain pendapatan	617,149	2,346	-	288,442
	168,991,663	221,007,980	31,467,939	24,558,733

4. Kos Jualan

	Kumpulan		Perbadanan	
	2015 RM	2014 RM	2015 RM	2014 RM
Kos pembangunan harta tanah	9,927,682	36,957,389	11,043,857	3,221,803
Kos operasi	14,164,965	7,404,172	-	-
Kos perkhidmatan	37,418,765	34,720,076	-	75,140
	61,511,412	79,081,637	11,043,857	3,296,943

5. Pendapatan Faedah

	Kumpulan		Perbadanan	
	2015 RM	2014 RM	2015 RM	2014 RM
Pendapatan faedah daripada:				
Pinjaman dan penerimaan	577,574	526,386	415,132	-
Pasaran wang jangka pendek dan deposit tetap	4,079,997	4,561,229	65,649	425,385
	4,657,571	5,087,615	480,781	425,385
Faedah lewat bayar	110,405	648,398	110,405	648,398
	4,767,976	5,736,013	591,186	1,073,783

6. Lain-Lain Pendapatan

	Kumpulan		Perbadanan	
	2015 RM	2014 RM	2015 RM	2014 RM
Keuntungan daripada pelupusan				
- harta tanah, loji & peralatan	131,629	7,401,737	5,703	1,151,789
- syarikat	-	-	-	-
Yuran pengurusan	320,454	84,000	-	-
Pengecualian hutang	407,657	-	381,208	-
Pendapatan geran tertunda	21,532,763	8,474,846	21,532,763	8,474,846
Hutang ragu pulih semula	1,941,450	956,756	1,941,450	956,756
Peruntukan rosot nilai pulih semula	130,000	19,579	-	-
Pendapatan dari operasi lain	10,432,194	5,789,436	2,806,061	749,585
Pendapatan dividen	2,230,613	269,336	-	-
Sewa	241,264	116,986	138,764	-
Deposit hangus	-	99,685	-	99,685
Untung dari pelupusan pelaburan	95,906,858	-	-	-
	133,274,882	23,212,361	26,805,949	11,432,661

7. Perbelanjaan Manfaat Perkerja

	Kumpulan		Perbadanan	
	2015 RM	2014 RM	2015 RM	2014 RM
Gaji dan upah	43,372,052	36,329,733	9,505,725	9,030,025
Kumpulan wang simpanan pekerja	4,200,133	3,295,208	78,966	121,012
Pertubuhan keselamatan pekerja	240,229	178,919	2,139	5,117
Lain-lain perbelanjaan pekerja	4,923,566	1,910,567	883,201	971,636
	52,735,980	41,714,427	10,470,031	10,127,790

8. Kos Kewangan

	Kumpulan		Perbadanan	
	2015 RM	2014 RM	2015 RM	2014 RM
Kos kewangan BalDS	1,812,500	2,187,500	-	-
Faedah ke atas kredit pusingan	4,706,823	2,825,035	2,626,198	2,448,436
Faedah sewa beli	29,119	47,204	-	-
Faedah ke atas overdraft	1,480	30,412	-	-
Faedah ke atas pinjaman sekuriti	94,599	91,251		
	6,644,521	5,181,402	2,626,198	2,448,436

9. Keuntungan Sebelum Cukai

Perkara-perkara berikut telah dimasukkan dalam mendapatkan keuntungan sebelum cukai:

	Kumpulan		Perbadanan	
	2015 RM	2014 RM	2015 RM	2014 RM
Audit Berkanun				
- tahun semasa	450,000	1,206,103	-	814,103
- kurangan peruntukan pada tahun lepas	2,000	1,102,518	-	1,090,518
Imbuhan pengarah	2,815,172	2,884,916	295,000	246,400
Elaun pengerusi	-	122,927	-	-
Elaun hutang rugu	4,344,955	2,496,278	4,344,955	2,496,278
Hartanah, Loji dan Peralatan dihapus kira (Nota 13)	1,406,003	115,819	-	101,911
Hartanah, loji dan peralatan pelabuhan dihapus kira (Nota 13)	-	-	-	-
Hutang rugu dihapuskira	1,252,797	3,032	-	1,516
Kerugian dalam pelupusan pelaburan	510,000	5,415,443	-	-
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan	13,538,128	9,847,109	3,744,095	3,430,393
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan (pelabuhan)	3,083,664	2,674,459	-	-
Susutnilai pelaburan hartanah	205,452	208,660	-	-
Perbelanjaan manfaat pekerja	52,735,980	41,714,427	10,470,031	10,127,790
Penurunan nilai syarikat bersekutu	-	-	-	-
Penalti	22,394	958,154	-	-
Peruntukan rosotnilai :				
- pembangunan hartanah	-	172,500	-	-
- subsidiari	-	-	867,942	-
- kemajuan kerja	386,756	-	-	-
- pelaburan lain-lain	5,671,956	-	-	-
Sewa pejabat dan lain-lain	2,443,802	2,098,590	1,223,640	1,316,615
Sewa peralatan/kemudahan pelabuhan	9,132,787	17,275,477	75,266	8,693,845
Yuran pengurusan	36,018	84,000	36,018	84,000
Dividen diterima	3,866,041	2,915,324	16,338,425	657,720
Faedah diterima	4,767,976	5,736,013	591,186	1,073,783
Hutang rugu/lapuk dipulihkan	1,941,450	956,756	1,941,450	956,756
Untung/(Rugi) dari jualan harta tetap	131,628	7,401,737	5,703	1,151,789
Pendapatan dari jualan inventori	2,945,824	-	2,945,824	-
Pendapatan atas projek harta tanah	42,393,172	116,019,756	9,724,429	20,875,945
Pendapatan sewa dan pajakan	4,430,229	4,181,892	2,043,551	1,749,859
Pendapatan dari jualan tanah liat	-	619,514	-	309,757
Pengecualian pembiutang	407,657	-	381,208	-

10. Perbelanjaan Cukai Pendapatan

Komponen-komponen utama perbelanjaan cukai pendapatan

Komponen-komponen utama perbelanjaan cukai pendapatan bagi tahun berakhir 31 Disember 2015 dan 2014 adalah:

	Kumpulan		Perbadanan	
	2015 RM	2014 RM	2015 RM	2014 RM
Penyata Pendapatan Komprehensif:				
Cukai pendapatan semasa:				
Perbelanjaan cukai bagi tahun	19,108,526	23,431,884	469 000	814,103
Cukai Keuntungan Harta Tanah	16,439	-	-	-
Kurangan / (Lebihan) peruntukan dalam tahun sebelumnya	1,766,057	(867,450)	2,225,773	1,090,518
	<u>20,891,022</u>	<u>22,564,434</u>	<u>2,694,773</u>	<u>1,904,621</u>
Cukai pendapatan tertunda:				
Berkaitan perbezaan sementara	(983,216)	535,433	-	-
Berkaitan perbezaan kadar cukai	(278,511)	-	-	-
Terkurang peruntukan dalam tahun sebelumnya	1,460,081	(123,315)	-	-
	<u>198,354</u>	<u>412,118</u>	<u>-</u>	<u>-</u>
	<u>21,089,376</u>	<u>22,976,552</u>	<u>2,694,773</u>	<u>1,904,621</u>

Kadar cukai yang sebenar bagi Perbadanan adalah lebih tinggi daripada kadar cukai berkanun kerana perbelanjaan tertentu yang tidak dibenarkan sebagai tolakan ke atas cukai. Cukai pendapatan dikira pada kadar cukai berkanun Malaysia sebanyak 25% daripada anggaran untung tahun taksiran.

10. Perbelanjaan Cukai Pendapatan (sambungan)

Penyesuaian antara perbelanjaan cukai dan keuntungan perakaunan

	Kumpulan		Perbadanan	
	2015 RM	2014 RM	2015 RM	2014 RM
Keuntungan sebelum cukai	102,327,695	71,029,911	10,584,689	3,920,105
Cukai pada kadar cukai berkanun				
Malaysia sebanyak 25%	25,581,924	17,757,478	2,646,172	980,026
Pelarasan:				
Perbelanjaan yang tidak dibenarkan	14,148,236	13,390,234	8,957,710	11,111,942
Pendapatan yang dikecualikan cukai	18,900,283	(1,907,248)	39,813,599	-
Lain-lain	(45,554,430)	(8,228,997)	(50,948,481)	(11,277,865)
Aset cukai tertunda tidak				
diiktiraf atas kerugian cukai				
dan elauan modal yang				
tidak diserap	(1,453,180)	(795,095)	-	-
Penggunaan aset-aset				
cukai tertunda yang				
tidak diiktiraf	6,502,477	3,549,261	-	-
Cukai Keuntungan Harta Tanah	16,439	-	-	-
Berkaitan kurangan kadar cukai	(278,511)	-	-	-
(Lebihan)/Kurangan peruntukan				
cukai semasa dalam tahun				
sebelumnya	1,766,057	(867,450)	2,225,773	1,090,518
Kurangan peruntukan				
cukai tertunda dalam tahun lepas	1,460,081	78,369	-	-
Perbelanjaan cukai pendapatan				
diiktiraf dalam				
keuntungan/kerugian	21,089,376	22,976,552	2,694,773	1,904,621

11. Aset Cukai Tertunda Tidak Diiktiraf Ke Atas Perkara-Perkara Berikut:

	Kumpulan	
	2015	2014
Elaun modal tidak diserap	10,767,297	10,332,536
Kerugian cukai tidak diserap	48,784,651	42,294,836
	59,551,948	52,627,372

12. Pelarasan Bagi Tahun Lepas

	Kumpulan		Perbadanan	
	2015 RM	2014 RM	2015 RM	2014 RM
Pelarasan bagi tahun lepas	1,635,694	(41,274,751)	-	(33)

Pelarasan-pelarasan tahun lepas wujud disebabkan faktor berikut:

- i. Keuntungan terkumpul Perbadanan diselaraskan di dalam perubahan pegangan ekuiti semasa.
- ii. Kepentingan minoriti Perbadanan diselaraskan mengikut perubahan peratusan di dalam kepentingan minoriti tahun sebelum yang memberi kesan kepada perubahan pegangan ekuiti tahun semasa.
- iii. Pelarasan Muhibbah yang terkurang ambil kira.

13. Hartanah, Loji dan Peralatan

Kumpulan Kos	Tanah & Bangunan*	Lain-Lain Aset**	Jumlah
	RM	RM	RM
Pada 1 Januari 2014	273,707,608	46,132,864	319,840,472
Tambahan	7,957,226	18,687,718	26,644,944
Pelupusan	(16,786,996)	(2,712,093)	(19,499,089)
Hapuskira	(69,305)	(184,569)	(253,874)
Reklasifikasi	(3,326,876)	(8,077,828)	(11,404,704)
Sehingga 31 Disember 2014	261,481,657	53,846,092	315,327,749
Pada 1 Januari 2015	261,481,657	53,846,092	315,327,749
Tambahan	10,692,533	15,322,744	26,015,277
Pelupusan	(730,431)	(2,482,660)	(3,213,091)
Hapuskira	(1,280,187)	(125,816)	(1,406,003)
Pelarasan	-	(1,610,682)	(1,610,682)
Reklasifikasi	(32,500,000)	-	(32,500,000)
Sehingga 31 Disember 2015	237,663,572	64,949,678	302,613,250
Susutnilai Terkumpul			
Pada 1 Januari 2014	24,897,065	23,550,841	48,447,906
Pelarasan	6,383,438	(1,636,443)	4,746,995
Caj susutnilai bagi tahun	3,792,623	6,054,486	9,847,109
Pelupusan	(2,557,288)	(2,271,741)	(4,829,029)
Hapuskira	-	(63,290)	(63,290)
Sehingga 31 Disember 2014	32,515,838	25,633,853	58,149,691
Pada 1 Januari 2015	32,515,838	25,633,853	58,149,691
Pelarasan	(427,986)	(2,620,910)	(3,048,896)
Caj susutnilai bagi tahun	3,870,588	9,667,540	13,538,128
Pelupusan	-	(830,175)	(830,175)
Hapuskira	-	(195,498)	(195,498)
Sehingga 31 Disember 2015	35,958,440	31,654,810	67,613,250
Nilai Buku Bersih			
Sehingga 31 Disember 2014	228,965,819	28,212,239	257,178,058
Sehingga 31 Disember 2015	201,705,132	33,294,868	235,000,000

13. Hartanah, Loji dan Peralatan (sambungan)

***Tanah dan Bangunan**

Kumpulan Kos	Tanah Pajakan & Bangunan	Gudang & Rumah	Jumlah
	RM	RM	RM
Pada 1 Januari 2014	273,644,209	63,399	273,707,608
Pelarasan	-	-	-
Tambahan	7,957,226	-	7,957,226
Pelupusan	(16,786,996)	-	(16,786,996)
Reklasifikasi	(3,326,876)	-	(3,326,876)
Hapuskira	(69,305)	-	(69,305)
Sehingga 31 Disember 2014	261,418,258	63,399	261,481,657
Pada 1 Januari 2015	261,418,258	63,399	261,481,657
Tambahan	10,692,533	-	10,692,533
Pelupusan	(730,431)	-	(730,431)
Hapuskira	(1,280,187)	-	(1,280,187)
Reklasifikasi	(32,500,000)	-	(32,500,000)
Sehingga 31 Disember 2015	237,600,173	63,399	237,663,572
Susutnilai Terkumpul			
Pada 1 Januari 2014	24,875,509	21,556	24,897,065
Pelarasan	6,383,438	-	6,383,438
Caj susutnilai bagi tahun	3,791,355	1,268	3,792,623
Pelupusan	(2,557,288)	-	(2,557,288)
Sehingga 31 Disember 2014	32,493,014	22,824	32,515,838
Pada 1 Januari 2015	32,493,014	22,824	32,515,838
Pelarasan	(427,986)	-	(427,986)
Caj susutnilai bagi tahun	3,869,320	1,268	3,870,588
Pelupusan	-	-	-
Sehingga 31 Disember 2015	35,934,348	24,092	35,958,440
Nilai Buku Bersih			
Sehingga 31 Disember 2014	228,925,244	40,575	228,965,819
Sehingga 31 Disember 2015	201,665,825	39,307	201,705,132

13. Hartanah , Loji dan Peralatan (sambungan)

****Lain-Lain Aset**

	Peralatan, Perabot, Kelengkapan dan Komputer	Kenderaan Bermotor	Jumlah
Kumpulan Kos	RM	RM	RM
Pada 1 Januari 2014	34,358,896	11,773,968	46,132,864
Pelarasan	5,072,304	(5,072,304)	-
Tambahan	18,593,518	94,200	18,687,718
Pelupusan	(2,406,468)	(305,625)	(2,712,093)
Hapuskira	(184,569)	-	(184,569)
Reklasifikasi	(8,077,828)	-	(8,077,828)
Sehingga 31 Disember 2014	47,355,853	6,490,239	53,846,092
Pada 1 Januari 2015	47,355,853	6,490,239	53,846,092
Pelarasan	(1,323,765)	(286,917)	(1,610,682)
Tambahan	14,231,151	1,091,593	15,322,744
Pelupusan	(1,667,220)	(815,440)	(2,482,660)
Hapuskira	(95,608)	(30,208)	(125,816)
Reklasifikasi	-	-	-
Sehingga 31 Disember 2015	58,500,411	6,449,267	64,949,678
Susutnilai Terkumpul			
Pada 1 Januari 2014	18,755,621	4,795,220	23,550,841
Pelarasan	(671,571)	(964,872)	(1,636,443)
Caj susutnilai bagi tahun	5,195,971	858,515	6,054,486
Pelupusan	(2,088,953)	(182,788)	(2,271,741)
Hapuskira	(63,290)	-	(63,290)
Sehingga 31 Disember 2014	21,127,778	4,506,075	25,633,853
Pada 1 Januari 2015	21,127,778	4,506,075	25,633,853
Pelarasan	(2,199,084)	(421,825)	(2,620,909)
Caj susutnilai bagi tahun	8,925,242	742,298	9,667,540
Pelupusan	(182,889)	(647,287)	(830,176)
Hapuskira	(195,498)	-	(195,498)
Sehingga 31 Disember 2015	27,475,549	4,179,261	31,654,810

13. Hartanah, Loji dan Peralatan (sambungan)****Lain-Lain Aset (sambungan)**

	Peralatan, Perabot, Kelengkapan dan Komputer	Kenderaan Bermotor	Jumlah
	RM	RM	RM
Kumpulan			
Amaun bersih			
Sehingga 31 Disember 2014	26,228,075	1,984,164	28,212,239
Sehingga 31 Disember 2015	<u>31,024,862</u>	2,270,006	33,294,868

13. Hartanah, Loji dan Peralatan (sambungan)

**Lain-Lain Aset (sambungan)		Tanah Pajakan dan Bangunan	Kenderaan	Peralatan, Perabot, Kelengkapan & Komputer	Jumlah
Perbadanan Kos		RM	RM	RM	RM
Pada 1 Januari 2014	44,369,312	610,775	15,902,711	60,882,798	
Tambahan	4,625,572	-	794,431	5,420,003	
Pelupusan	-	(67,262)	(930,533)	(997,795)	
Hapuskira	-	-	(165,200)	(165,200)	
Sehingga 31 Disember 2014	48,994,884	543,513	15,601,409	65,139,806	
Pada 1 Januari 2015	48,994,884	543,513	15,601,409	65,139,806	
Tambahan	2,896,545	-	499,678	3,396,223	
Pelupusan	-	(61,079)	(97,199)	(158,278)	
Hapuskira	-	-	-	-	
